

MALAYSIA:  
SOAL JAWAB  
**DEWAN  
NEGARA**

MENGENAI  
ALAM SEKITAR

1977 - 1993

JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR  
MALAYSIA



**JABATAN ALAM SEKITAR**

**MALAYSIA:  
SOAL JAWAB  
DEWAN NEGARA  
MENGENAI ALAM SEKITAR  
1977-1993**

*Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Kuala Lumpur*

21 Oktober, 1994

Jabatan Alam Sekitar, Malaysia

© JABATAN ALAM SEKITAR, MALAYSIA

Semua maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah hasil pengumpulan Jabatan Alam Sekitar yang diperolehi dari Parlimen Malaysia, dan diterbitkan berasaskan kepada teks asalnya.

ISBN 983-9119-24-9

Cetakan Pertama Oktober 1994

Diterbitkan oleh  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Malaysia

Dicetak oleh  
Malindo Printers Sdn. Bhd.  
Lot 3, Jalan Ragum 15/17,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## KATA-KATA ALUAN

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar kerana usaha gigihnya untuk menerbitkan buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Negara Mengenai Alam Sekitar 1977 - 1993.

Penerbitan buku ini dapat memberi petunjuk bahawa isu-isu alam sekitar telah mula diperbahaskan di Dewan Negara sejak tahun 1977 lagi, di mana bilangan pertanyaan dan jawapan semakin meningkat terutamanya di tahun 1990an.

Penglibatan semua pihak, khasnya Ahli-ahli Parlimen adalah besar maknanya dan sangat penting dalam proses meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dalam kehidupan seharian mereka.

Alam sekitar merupakan salah satu faktor yang penting dalam memajukan sesebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Aspirasi negara menjelang tahun 2020 menempatkan pengurusan alam sekitar sebagai satu bidang yang perlu diberi penekanan serius selaras dengan perkembangan pembangunan industri negara.

Semua lapisan masyarakat khususnya Ahli-ahli Parlimen sebagai wakil rakyat, perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan pembangunan negara yang berterusan dan berkualiti untuk menjamin keharmonian alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar dengan terbitnya buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Negara Mengenai Alam Sekitar 1977 - 1993 ini, Ahli-ahli Parlimen semua dapat didedahkan kepada isu-isu semasa alam sekitar, dan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan aspek pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar, supaya mereka dapat menjadi pemimpin yang proaktif serta berketrampilan dalam menangani masalah-masalah alam sekitar pada masa akan datang.

Sekian.



**(DATUK LAW HIENG DING)**

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

## PRAKATA -

Buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Negara Mengenai Alam Sekitar 1977-1993 ini julung-julung kali diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan tujuan untuk mengumpulkan soalan dan jawapan mengenai alam sekitar yang diperbahaskan dalam Dewan Negara.

Sejumlah 172 Soalan dan Jawapan yang terkandung dalam buku ini telah disusun mengikut tahun, bermula dari tahun 1977 sehingga tahun 1993. Indeks buku ini pula disusun mengikut perkara yang telah dibangkitkan dan mengikut nama Ahli Dewan Negara untuk memudahkan tujuan rujukan.

Bilangan soalan mengenai isu-isu alam sekitar yang telah diperbahaskan di Dewan Negara telah meningkat dari 6 dalam tahun 1977 kepada 29 dalam tahun 1993. Pertambahan sebanyak hampir 5 kali ganda ini jelas menunjukkan bahawa hal-ehwal alam sekitar telah menjadi satu bidang kemajuan hidup yang penting di kalangan orang ramai.

Penerbitan buku ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada semua Ahli Dewan Negara dan orang ramai mengenai isu-isu alam sekitar yang pernah dibangkitkan di Dewan Negara. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Parlimen Malaysia serta individu yang terlibat dalam penyediaan buku ini.




**(DATO' DR. ABU BAKAR JAAFAR)**  
Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling  
Malaysia

# **PIAGAM PELANGGAN**


## **JABATAN ALAM SEKITAR**

Jawapan kepada soalan-soalan  
Parlimen dan maklumbalas kepada  
Jemaah Menteri diberi dalam tempoh  
1 hari hingga selewat-lewatnya 3 hari

Bil. Soalan



**1977**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. IBRAHIM BIN HJ. YAACOB  
TARIKH : 7 JANUARI 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah perusahaan kuari di Batu Caves akan dipindahkan ke tempat lain memandangkan kepada pembangunan yang sebegitu pesat yang berlaku di Gombak sekarang.

**JAWAPAN**

Saya menghargai perhatian yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai masalah pencemaran di Batu Caves, yang mana telahpun mendapat tindakan yang sewajarnya daripada Kementerian saya.

Kami sedar bahawa Batu Caves mempunyai nilai-nilai ugama yang penting kepada segolongan masyarakat dan dalam mana kerja-kerja meletup batu (blasting) dijalankan mengancam kedudukan gua besar itu sendiri serta juga tempat sembahyang di dalamnya. Di samping itu juga tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam kawasan itu mempunyai kepentingan-kepentingan saintifik. Selain daripada itu, taburan-taburan debu merupakan bahaya kesihatan yang serius.

Beberapa mesyuarat telahpun diadakan di antara Kementerian saya dan pengusaha-pengusaha kuari tersebut dan juga dengan ahli-ahli Persatuan Perlindungan Batu Caves.

Masalah pencemaran di kawasan Batu Caves adalah disebabkan oleh kerja-kerja meletup batu, kerja-kerja kuari, operasi memecah batu dan pengeluaran simen di kuari JKR, kuari Kenneison Brothers, kuari Dolomite Industry dan Malayan Industrial and Mining Corporation.

Kementerian saya sedang menghadapi masalah-masalah itu secara sistematik dan penuh teliti. Oleh kerana teknologi yang ada buat masa ini tidak dapat

menghapuskan masalah debu berpunca daripada operasi meletup batu, Kementerian saya merasa langkah yang paling praktikal sekali adalah untuk menempatkan semula kuari-kuari tersebut. Dengan bantuan Jabatan Kaji Bumi, kami telah menentukan beberapa kawasan-kawasan yang potential di sekitar Kuala Lumpur untuk tujuan ini. Di samping itu juga, Kementerian saya telah memohon pengusaha-pengusaha kuari untuk menghantarkan program-program memindah operasi mereka di kawasan Batu Caves itu. Tindakan-tindakan boleh diambil untuk menempatkan mereka di kawasan-kawasan yang potential itu yang mana akan dilingkungkan sebagai kawasan kuari.

Kementerian saya juga merancang untuk mengeluarkan peraturan-peraturan bagi Udara Bersih yang mana akan dilaksanakan oleh Bahagian Alam Sekitar awal tahun hadapan. Tambahan pula, kawasan Batu Caves akan diasingkan sebagai kawasan perlindungan sepertimana yang dibekalkan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Standard-standard yang lebih ketat mengenai pelepasan debu-debu akan dikenakan ke atas kawasan ini dan tidak menguntungkan untuk mengusaha kuari di sini lagi.

Walau bagaimanapun saya ingin maklumkan Y.B. Ahli bahawa kawasan Batu Caves adalah terletak di luar Wilayah Persekutuan. Oleh itu kuasa pelesenan untuk operasi kuari adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang mana Kementerian saya sedang berhubung. Kami telah menulis kepada pihak tersebut untuk membantu kami di dalam mengambil langkah-langkah untuk menamat kerja-kerja kuari dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan serta menempatkan semua operasi-operasi itu di kawasan-kawasan yang alternatif sepertimana yang ditentukan oleh kajian baru-baru ini.

### Supplementary

The 4 polluting sources are:

- (i) JKR Quarry
  - (ii) Malayan Industrial and Mining Corporation
  - (iii) Kenneison Brothers Quarry
  - (iv) Dolomite Industries Quarry
- (i) As far as the JKR Quarry is concerned, a new central quarry is now being built to replace the one at Batu caves. As the Government requires a large quantity of stones for the Third Malaysia Plan, this quarry being the only source, will for the time being continue to operate so that

the supply of stones will not be interrupted. This quarry is partially equipped with pollution control equipment.

- (ii) The Malayan Industrial and Mining Corporation has temporarily ceased operations since the 16th of September, 1976 because of high production costs, low demand and non renewal of their quarry lease. We are awaiting confirmation from the Selangor State Government regarding the non renewal of the lease. The Ministry has in fact written to the State Government requesting that the lease not be refused.
- (iii) For the remaining two quarries, Kenneison Brothers and Dolomite Industries, a series of meetings have been held to persuade them to move to new sites. With the assistance of the Geological Department three potential sites have been identified for this purpose. Both the companies have on 16th November, declined to do so.
- (iv) The three potential quarry sites are:
  - (i) Sg. Tiang
  - (ii) Sg. Pisang
  - (iii) Bt. Lagong

It may not be desirable to disclose this because the sites are being reserved for JKR and for the purpose of relocating the quarries at Batu Caves. Past experience has shown that other interested parties may obtain these selected sites, thereby hindering the proposed relocation of the Batu Caves quarries.

- (v) Expiry date of quarry leases issued by Selangor State Government.

	<b>Year</b>
Kenneison	- 2017
Dolomite Industries	- 1991

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI  
TARIKH : 25 APRIL 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerja memecah batu di kuari Batu Caves telah mendatangkan kebimbangan kepada mereka yang beragama Hindu kerana ketakutan kuil mereka yang ada di situ akan roboh dan juga mereka yang tinggal di sekitar kawasan itu kerana bimbang kesihatan mereka akan terganggu dan jika ya sama ada beliau bercadang memberhentikan kerja-kerja memecah batu di kawasan itu.

**JAWAPAN**

Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar dan memberi perhatian yang berat ke atas masalah kerja-kerja kuari di kawasan Batu Caves. Memang banyak soalan-soalan berkaitan dengan perkara yang sama telah dibangkitkan di dalam bidang ini dari masa ke semasa.

Kementerian saya dengan usahanya sendiri dan juga bersama-sama dengan beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan telah pun melakukan kajian-kajian yang menyeluruh di kawasan Batu Caves untuk menjumlah (quantify) dan menyelesaikan masalah pencemaran di situ.

Adalah didapati bahawa kerja-kerja meletup dan memecah batu di kawasan Batu Caves merupakan masalah-masalah yang serius. Letupan-letupan dari tempat-tempat 'blast' telah menimbulkan gelombang-gelombang gempa yang boleh memburukkan lapisan batu kapur di kawasan tersebut yang seterusnya menimbulkan bahaya-bahaya batu jatuh. Kerja-kerja memecah batu juga telah memburukkan masalah pencemaran debu sehingga sampai kepada paras yang tidak dapat diterima lagi.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar kawasan Batu Caves adalah di dalam Negeri Selangor, dan kerjasama yang rapat serta penyertaan dari pihak Kerajaan Negeri adalah mustahak.

Selaras dengan ini, kajian-kajian yang telah dilakukan akan dikemukakan kepada satu jawatankuasa bersama mengandungi pegawai-pegawai dari Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa masalah ini sentiasa di dalam perhatian saya dan satu keputusan yang dapat diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dibuat sebaik sahaja Jawatankuasa bersama ini mengemukakan perakuan-perakuannya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. WEE KHOON HOCK  
TARIKH : 10 OGOS 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk Dr. Wee Khooon Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan menganggap bahawa usaha-usaha membalak di dalam kawasan Endau-Rompin yang dicadangkan itu di Taman Negara mendatangkan ancaman kepada alam sekeliling oleh kerana kawasan tersebut meliputi 500,000 ekar dan malahan 90,000 ekar daripadanya sedang diusahakan sebagai tujuan membalak pada masa sekarang. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memberhentikan usaha-usaha membalak di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Ya, Pihak Kerajaan berpendapat bahawa kegiatan-kegiatan pembalakan, baik yang sedang dilakukan mahupun yang diasingkan untuk dibalakkan akan menimbulkan kesan-kesan alam sekitar yang jelas. Ini akan menjejaskan kualiti asas alam sekitar serta tujuan kita untuk menubuhkan kawasan Endau-Rompin sebagai satu kawasan simpanan semulajadi.

Ekosistem, sumber-sumber semulajadi, daya pengeluaran dan iklim kita sangat-sangatlah dipengaruhi oleh kedudukan Malaysia sebagai negara hutan hujan tropika (tropical rainforest country). Adalah menjadi kenyataan umum bahawa ekologi hutan hujan tropika dan alam sekitarnya secara relatif sedang dijejaskan dan terdedah kepada kesan-kesan daripada kegiatan pembalakan yang berlebihan, aktiviti-aktiviti pembukaan tanah serta yang berkaitan.

Di masa yang lampau, banyak kawasan-kawasan yang luas telah diperbalakkan dan dibersihkan meninggalkan kita hanya dengan kawasan-kawasan yang kering sebagai warisan semulajadi negara. Beberapa kawasan seperti itu telah pun ditentukan untuk dilindungi bagi generasi-generasi akan datang baik sebagai taman negara ataupun sebagai kawasan simpanan semulajadi. Kawasan Endau-Rompin adalah salah satu daripada kawasan tersebut.

Kawasan ini mempunyai nilai sains dan alam sekitar yang tinggi. Nilai saintifiknya bergantung kepada kenyataan bahawa ia adalah salah satu hutan rimba tropika yang asli yang masih tinggal tanpa dijejas lebih daripada 135 juta tahun. Hanya beberapa kawasan seperti ini saja yang masih ada di dunia hari ini. Nilainya kepada ilmu sains adalah tidak dapat dikira. Ia boleh memberi jawapan-jawapan kepada kita di dalam memahami dengan lebih mendalam asal-usul dan revolusi kehidupan tumbuh-tumbuhan di planet ini. Selain daripada itu juga, penyelidikan sains boleh memberi faedah seperti untuk mendapat barang-barang perubatan dan benih-benih bagi persenyawaan kacuk pertanian.

Juga sama-sama mustahak ialah kerana Endau-Rompin mempunyai kesan alam sekitar dan ekologi secara langsung kepada kita di negara ini. Di dalam dunia kita terdapat satuimbangan lembut yang memperseimbangkan iklim kita seperti suhu, arah angin, pembentukan awan dan juga penurunan hujan. Aktiviti-aktiviti pembalakan secara meluas sama ada secara pilihan atau sebaliknya akan memberi kesan ke atas perhubungan yang halus itu di udara kita.

Di samping itu, kedudukan Endau-Rompin di dalam kawasan tadahan air juga mempunyai kesan yang penting ke atas sumber-sumber air di ketika ini dan juga di masa akan datang. Kegiatan pembalakan yang meluas tentu sekali akan menyebabkan penghakisan tanah yang akan menimbulkan proses kelodakan tanah, banjir dan juga merosakkan kawasan tadahan air secara menyeluruh dan ini akan memberi akibat-akibat yang besar pada bahagian-bahagian bawahan sungai-sungai yang berkenaan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, alam sekitar hutan hujan tropika kita di dalam bentuk asli dan tanpa dijejas mengandungi berbagai kehidupan tumbuh-tumbuhan dan binatang yang hidup di dalam struktur saling bergantung di antara satu sama lain. Ini haruslah dikekalkan dan dipelajari di dalam bentuk asli dan tidak terjejas itu. Apabila saja ia diancam kegiatan-kegiatan yang berkaitan, suasana alam yang lembut ini tentu sekali akan diubah dan akan luputkan sifatnya.

Pihak Kerajaan telahpun mengkaji keseluruhan keadaan alam sekitar dan implikasi-implikasinya. Berdasarkan kepada sebab-sebab di atas sepertimana yang saya sebutkan tadi, pihak Kerajaan Pusat mencadangkan supaya kawasan Endau-Rompin diasingkan sebagai kawasan simpanan semulajadi.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk melindungi kawasan ini haruslah diakui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat. Kecuali Kerajaan-kerajaan Negeri melakukan sedemikian, Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk melindungi Endau-Rompin.

Bagi menjawab soalan (b), saya ingin menjejaskan di sini bahawa saya sedar kegiatan-kegiatan pembalakan di Endau-Rompin mempunyai kesan-kesan yang tertentu ke atas sumber-sumber air. Kawasan-kawasan yang sedang diperbalakkan ini meliputi kawasan-kawasan tadahan air Sungai Endau dan Sungai Rompin termasuk setengah daripada aliran-alirannya.

Kesan-kesan pembalakan di dalam kawasan ini mempunyai 3 perkara:

- (i) Ia akan mengancam hutan hujan tropika yang asli yang masih tinggal tanpa terjejas lebih 135 juta tahun. Hanya beberapa kawasan seperti itu saja yang masih ada di dunia ini. Penyelidikan sains di kawasan ini di dalam bentuk yang aslinya adalah sangat bernilai.
- (ii) Kegiatan pembalakan di kawasan tadahan air ini tentu sekali akan melibatkan proses kelodakan tanah yang berlebihan di kawasan bawahan sungai-sungai yang berkenaan serta membawa kesan yang tidak diingini ke atas bekalan air minuman, pertanian, taliair, perikanan, kegunaan-kegunaan perusahaan dan sebagainya.
- (iii) Ia akan mempunyai kesan-kesan ke atas rancangan pembangunan bagi Pahang Tenggara yang mana akan melibatkan 8 buah pusat bandar, rancangan taliair untuk penanaman padi seluas lebih kurang 40,000 ekar serta pelbagai kegunaan air yang lain bagi Wilayah itu.

Seperti yang diketahui buat masa ini tidak ada penanaman pertanian ladang di kawasan ini. Walau bagaimanapun di kawasan Rompin terdapat sebahagian besar lebih kurang 50,000 rakyat yang bergantung kepada sungai sebagai bekalan protein dan air mereka. Oleh kerana kegiatan pembalakan biasanya mengeluarkan dan meninggikan kira-kira 300 peratus kandungan kelodakan lebih tinggi daripada paras kualiti air yang asli, adalah munasabah untuk membuat kesimpulan bahawa kehidupan penduduk-penduduk yang tinggal di merata-rata sungai tentu sekali akan diancam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD  
TARIKH : 12 OGOS 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** to ask the Minister of Science, Technology and Environment to state whether the Ministry is aware that the polluted water from Genting Highlands and Karak - Kuala Lumpur Highway construction area is threatening the survival of Fish Breeding Centre at Bukit Tinggi thereby resulting in the scarcity of fish for breeding purposes and if so, what step is being taken to solve the problem.

**JAWAPAN**

Pollution in this case was caused by the discharge of silt from the development of Genting Highlands and the construction of Karak - Kuala Lumpur Highway. Pollution due to siltation in this country is widespread. It is closely associated with the opening up of new land for urbanisation, housing development, highway construction, agriculture purposes and mining.

Adoption of proper soil conservation measure at the time of land clearing is the only way to alleviate this problem of pollution due to siltation. Though there are several laws such as the National Land Code 1965, the Land Conservation Act of 1960, the Forest Enactment of 1984, the Mining Enactment of 1985, which deal with soil conservation and erosion, there are several deficiencies in some aspects of these Acts, as well as there is a lack of rigid enforcement of the legislation and practices during development.

The Division of Environment in my Ministry has established a Committee on Siltation Problems, comprising experts from Government Agencies, Research Institutes, Universities and other appropriate besides to draft certain guidelines to minimise soil erosion.

As the Honourable Member is aware this relates to land utilisation and, the land being a State matter, requires the co-operation and participation of State Governments.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 19 DISEMBER 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan M. Mahalingam** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan kemajuan yang pesat di Wilayah Persekutuan dan di kawasan sekitar mengakibatkan kekotoran yang sangat berbahaya, apakah langkah-langkah yang diambil:-
  - (i) bagi mengawal dan menahan kotoran di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan sekitar;
  - (ii) mengelakkan suasana bising yang keterlaluan dan keadaan yang tidak memuaskan untuk penghidupan yang sihat.

**JAWAPAN**

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah-masalah pencemaran yang wujud di Wilayah Persekutuan adalah masalah-masalah yang biasanya timbul berikutan daripada kemajuan sesuatu metropolis. Ini termasuk di antara lainnya kesesakan lalu lintas di pusat bandaraya yang mengakibatkan pencemaran udara dan bunyi-bunyi bising. Di samping itu, kita juga dapati beberapa masalah pencemaran air, udara dan bunyi di kawasan-kawasan tempatan yang tertentu di dalam Wilayah yang disebabkan oleh kegiatan-kegiatan perindustrian dan juga aktiviti lain seperti perlombongan, projek perumahan dan pembinaan jalan.

Kebanyakan masalah-masalah ini timbul oleh kerana kesan-kesan alam sekitar tidak dijangka terlebih awal apabila kegiatan-kegiatan tertentu itu dilancarkan. Oleh yang demikian, tidak ada langkah-langkah pencegahan pencemaran diambil di dalam peringkat perancangan, pembentukan dan pelaksanaan berbagai projek-projek pembangunan di dalam Wilayah. Kalau ada pun langkah-langkah ini tidaklah mencukupi.

Sebagai langkah yang segera Kementerian saya telah menentukan masalah-masalah pencemaran yang utama di dalam Wilayah (dan tempat-tempat lain) dan telah mengambil langkah-langkah kawalan yang sesuai. Kementerian saya telah menyiapkan satu set Peraturan-Peraturan Udara Bersih (di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974) yang membolehkan Kerajaan untuk mengambil tindakan ke atas Peraturan tersebut. Peraturan-peraturan ini akan diwartakan tidak lama lagi.

Berhubung dengan pencemaran air, Peraturan-Peraturan Kelapa Sawit telahpun diwartakan dan dikuatkuasakan. Kilang-kilang kelapa sawit adalah diberi masa perantaraan sehingga langkah-langkah untuk mengolah effluen yang dikeluarkan mengikut standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan tersebut.

Juga terdapat beberapa Peraturan-Peraturan untuk mengawal berbagai pembuangan effluen dari punca-punca tempatan dan perindustrian yang mencemarkan sungai-sungai dan saluran-saluran air. Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan ini akan membawa satu kualiti alam sekeliling yang lebih baik di dalam Wilayah dan juga kepada negara keseluruhannya.

- (ii) Berkaitan dengan soalan yang kedua pula, ingin dimaklumkan bahawa saya sedar bahawa pencemaran bunyi-bunyi bising sedang menjadi satu gangguan di pusat bandar terutamanya oleh kerana lalulintas sesak serta juga kegiatan-kegiatan pembinaan. Di samping itu juga oleh kerana perancangan-perancangan yang terlampau banyak kawasan-kawasan perumahan telah terdedah kepada pencemaran bunyi bising terutama sekali kawasan-kawasan kediaman yang terletak dekat industri-industri, lebuhraya-lebuhraya dan lapangan-lapangan terbang. Kementerian saya sedang menjalani satu kajian ke atas masalah-masalah ini dan sedang merangka garis-garis panduan untuk membantu pihak penguasa tempatan di dalam perancangan masa depan mereka.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI  
TARIKH : 20 DISEMBER 1977

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar dan udara di Batu Caves yang mana adalah menjadi tempat sembahyang kepada orang-orang yang beragama Hindu dan juga pusat pelancongan dan bilakah kerja-kerja memecah batu di kawasan itu akan dihentikan?

**JAWAPAN**

Saya memang sedar akan masalah-masalah pencemaran udara di kawasan Batu Caves dan bersimpati sepenuhnya dengan penduduk-penduduk tempatan, pelancong-pelancong yang mara ke sana dan juga penganut-penganut ugama Hindu dan pihak lain yang sembahyang di sana.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah-masalah itu berpunca daripada kegiatan-kegiatan meletup dan memecah batu daripada kuari-kuari serta juga daripada operasi kilang simen di kawasan itu.


Penyelesaian kepada masalah-masalah ini melalui pemberhentian kegiatan-kegiatan kuari merupakan satu langkah radikal yang perlu ditimbangkân dengan teliti oleh kerana ia akan mendatangkan berbagai kesan termasuk menjejaskan rancangan-rancangan pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan agar pengusaha-pengusaha kuari itu memasang peralatan-peralatan kawalan pencemaran bagi mengawal masalah pencemaran debu ini. Langkah-langkah ini diperkukuhkan lagi dengan peng wartaan Peraturan-Peraturan Udara Bersih dan Nyaman tidak lama lagi yang akan seterusnya memberi kuasa-kuasa penguatkuasaan dan peraturan yang perlu kepada Kerajaan.

Tambahan pula sebarang tindakan pemberhentian kegiatan-kegiatan kuari

adalah suatu langkah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Saya adalah difahamkan bahawa segala aspek masalah-masalah ini masih dikaji dengan teliti oleh sebuah Jawatankuasa Berperingkat Pegawai dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor. Laporan Jawatankuasa tersebut itu apabila siap adalah dijangka untuk pertimbangan oleh Majlis Exco Negeri Selangor.

Sungguhpun demikian, langkah-langkah tersebut tentu sekali mempunyai batasan-batasannya yang tersendiri oleh kerana buat masa ini tidak ada teknologi yang praktikal untuk mencapai objektif yang sepenuhnya dan di dalam masa yang singkat. Oleh itu, penyelesaian yang memuaskan hanyalah dengan mengambil langkah jangka panjang untuk menempatkan semula kegiatan-kegiatan kuari di lain kawasan. Kementerian saya terus bekerja rapat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk mencari penyelesaian-penyelesaian yang mungkin untuk mengatasi masalah Batu Caves dengan menempatkan semula kuari-kuari itu.

**1978**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN ZAWIYAH BINTI ABDULLAH  
TARIKH : 13 JANUARI 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Zawiyah binti Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan untuk mengelakkan pencemaran air dan udara Kementerian telah mengambil langkah mengenakan lesen-lesen kepada kilang-kilang kelapa sawit dan memandangkan kilang getah MARDEC juga satu punca pencemaran air, adakah pihak Kementerian akan mengenakan lesen yang sama kepada kilang-kilang ini untuk mengawal pencemaran.

**JAWAPAN**

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini tidak ada lesen-lesen pembuangan yang telah dikeluarkan kepada kilang-kilang getah bagi tujuan kawalan pencemaran. Walau bagaimanapun saya bersukacita untuk menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peraturan-peraturan berasingan sama seperti yang dikeluarkan bagi perusahaan kelapa sawit sedang disediakan oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya.

Adalah didapati bahawa terdapat tiga kumpulan effluen getah iaitu getah blok, getah susu pekat dan getah gred konvensional yang telah menyebabkan masalah-masalah pencemaran air. Berkaitan dengan effluen dari kilang-kilang getah blok, peraturan-peraturan kawalan telahpun dipersetujui oleh Majlis Kualiti Alam Sekeliling dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada masa ini sedang menyiapkannya sebelum diwartakan tidak lama lagi.

Di samping itu juga, peraturan-peraturan yang berasingan sedang disediakan bagi kawalan pencemaran berpunca daripada effluen-effluen yang dibuang daripada kilang-kilang getah susu pekat dan getah gred konvensional.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. MAHMOUD SALIM B. HJ. MOHAMAD  
TARIKH : 25 APRIL 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Mahmud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:-
  - (a) adakah Kementeriannya akan meneruskan rancangannya menghadkan pengeluaran asap kenderaan dan mengenakan denda ke atas pelanggar-pelanggar perintah yang tersebut; dan
  - (b) adakah beliau sedar bahawa menurut penyelidikan yang dibuat oleh sebuah kumpulan penyelidikan yang bebas yang berpusat di Washington, Amerika selama 10 tahun bahawa asap daripada kenderaan-kenderaan hanya mengotorkan udara sebanyak empat peratus (4%) sahaja, tetapi asap dan berbagai-bagai kekotoran daripada kilang-kilang, pusat-pusat pengeluaran bermacam-macam barang adalah jauh lebih banyak dan lebih merbahaya kepada kesihatan orang ramai baik di bandar-bandar maupun di desa-desa.

**JAWAPAN**

- (a) Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus berusaha untuk menghadkan jumlah asap yang dikeluarkan oleh kenderaan-kenderaan bermotor. Buat masa ini kedua-dua Kementerian berkenaan dan pihak polis sedang menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Asap dan Gas) 1977 yang telah dilaksanakan pada 15hb. Mac, 1978.
- (b) Saya tidak sedar akan penyelidikan yang dijalankan selama 10 tahun oleh satu badan penyelidikan yang bebas ditubuhkan di Washington itu. Apa yang diketahui secara umum ialah kenderaan-kenderaan bermotor mengeluarkan sejumlah besar bahan-bahan pencemaran udara pada keseluruhannya di dalam sesuatu kawasan perbandaran. Oleh kerana angka yang dinyatakan itu empat peratus saja, saya amat berterima kasih jikalau Ahli Yang Berhormat dapat membekalkan saya berkenaan dengan penyelidikan itu supaya saya dapat mengkaji perkara itu dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa asap dan gas-gas lepasan daripada proses-proses perindustrian boleh menjadi lebih merbahaya kepada kesihatan umum bergantung ke atas 'toxicity' bahan-bahan pencemaran yang ada itu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN V. VELLAYAPPA  
TARIKH : 25 APRIL 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan V. Vellayappa** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar banyak seruan telah dibuat supaya Kerajaan memberhentikan pemecahan batu di Batu Caves, dan jika ya, apakah tindakan Kementerian sedang ambil untuk membatalkan lesen pecah batu yang ada sekarang supaya Batu Caves sebagai satu lambang kemegahan ugama Hindu dan sebagai satu tempat yang bersejarah akan dipelihara dan dikekalkan.

**JAWAPAN**

Ya, saya sedar di atas beberapa seruan yang menggesa supaya Kerajaan memberhentikan kerja-kerja kuari di sekitar kawasan Batu Caves.

Walau bagaimanapun, oleh kerana lesen-lesen bagi menjalankan kerja-kerja kuari tersebut tidak dikeluarkan oleh Kementerian ini tidak dapat membatalkannya tetapi hanya dapat menasihati pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Keseluruhan masalah pencemaran Batu Caves pada masa ini sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Bersama yang dipengerusikan oleh wakil Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Bahagian Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan lain-lain Jabatan yang berkenaan. Antara lainnya Jawatankuasa ini juga sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk menempatkan semula ke kawasan-kawasan lain. Hasil kajian-kajian ini berserta dengan perakuan-perakuan Jawatankuasa tersebut akan dimajukan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangannya.

Sementara itu, Peraturan-peraturan Udara Bersih (Clean Air Regulations) yang telah disiapkan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dijangka dapat diwartakan tidak beberapa lama lagi. Dengan penguatkuasaan Peraturan tersebut kerja-kerja kuari (3 buah kuari) dan simen (1 kilang simen) di kawasan Batu Caves akan dikehendaki mematuhi standad-standad pelepasan dan syarat-syarat kawalan yang perlu untuk memperbaiki kualiti udara di kawasan tersebut. Penguatkuasaan Peraturan ini akan dapat mengurangkan masalah-masalah pencemaran di Batu Caves.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 26 APRIL 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyekat pencemaran air disebabkan pembuangan sampah sarap daripada kilang-kilang, terutamanya dari kilang-kilang kelapa sawit dan getah yang mengakibatkan berkurangnya jenis-jenis ikan air tawar dan mengakibatkan pula kehilangan mata pencarian bagi kebanyakan orang-orang yang menangkap ikan air tawar.

**JAWAPAN**

Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedar, Kementerian saya telah memberi keutamaan kepada kawalan pencemaran air akibat daripada industri-industri 'agro-based'. Berbagai peraturan-peraturan telahpun dirangka oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya untuk dikuatkuasakan ke seluruh negara selaras dengan kuasa-kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) yang telah diwartakan pada 1hb. November, 1977 adalah ditujukan bagi mengawal effluen-effluen yang dibuang daripada kilang-kilang kelapa sawit. Peraturan-Peraturan ini mengkehendaki semua kilang-kilang kelapa sawit mendapat lesen untuk pelepasan effluen mereka dan syarat-syarat ditetapkan pada lesen tersebut menghendaki semua kilang-kilang kelapa sawit mendapat lesen untuk pelepasan effluen mereka dan syarat-syarat ditetapkan pada lesen tersebut menghendaki pengurangan beban effluen daripada kilang-kilang kelapa sawit dengan secara progresif mulai daripada 1hb. Julai, 1978. Pada masa ini Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya sedang memproses permohonan lesen daripada lebih kurang 130 kilang-kilang kelapa sawit yang ada dan 50 lagi permohonan daripada kilang-kilang yang dicadangkan untuk dibina. Adalah dianggarkan bahawa dengan penguatkuasaan standad-standad effluen serta berbagai syarat-syarat yang dikehendaki di bawah Peraturan tersebut, bahan pencemaran yang ada daripada kilang-kilang kelapa

sawit akan dikurangkan sebanyak lebih kurang 70-75% dan pengurangan selanjutnya dapat dicapai apabila Peraturan-Peraturan tersebut dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Satu aturan yang sama juga sedang dibekalkan di dalam deraf Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Getah Mentah) yang sedang disiapkan buat masa ini. Peraturan-Peraturan ini dijangka dapat diwartakan tahun ini dan akan dikuatkuasakan di dalam awal tahun 1979 bagi kilang-kilang getah blok dan gred konvensional. Peraturan-Peraturan berkaitan dengan getah susu pekat pula akan diwartakan di dalam bulan Julai, 1979. Dengan pelaksanaan Peraturan-Peraturan ini, adalah dijangkakan bahawa beban pencemaran dari kilang-kilang akan dapat dikurangkan sehingga lebih kurang 80% di peringkat awal dengan pengurangan selanjutnya yang berasaskan kepada standard-standard effluen yang lebih ketat.

Adalah didapati bahawa industri-industri 'agro based' yang lain secara umumnya juga menyebabkan masalah-masalah pencemaran air yang berbentuk tempatan dan ini termasuk kilang-kilang ubi kayu dan sagu, kilang-kilang memproses gula dan nenas. Industri-industri tersebut serta juga industri-industri lain di dalam negara ini akan dikawal melalui peraturan kawalan effluen yang ketiga iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) yang sekarang ini sedang dikaji oleh Jabatan Peguam Negara dan dijangka siap untuk diwartakan pada tahun ini. Dengan pelaksanaannya kilang-kilang baru dikehendaki mematuhi Peraturan-Peraturan tersebut dengan segera, sementara kilang-kilang lama akan diberi tempoh perantaraan selama setahun sebelum mereka dikehendaki mematuhi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 26 APRIL 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebagaimana yang disyorkan dalam perenggan 687 Rancangan Malaysia Ketiga bahawa lebih kurang 385 ekar tanah sekitar kawasan Batu Caves diredasarkan sebagai memperingati alam semulajadi Batu Caves. Setakat ini apakah tindakan yang telah diambil berhubung dengan perkara ini.

**JAWAPAN**

Kementerian ini masih terus berusaha untuk mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Selangor di dalam usaha untuk mengekalkan Batu Caves sebagai kawasan simpanan semulajadi. Kerja-kerja kuari yang sedang berlaku di dalam dan di sekitar kawasan itu adalah bercanggah dengan tujuan ini dan melainkan masalah ini diatasi terlebih dahulu dengan memuaskan maka tidak banyak kemajuan yang sebenarnya yang dapat dicapai.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Sebanyak lebih kurang 38 sungai telah mengalami pencemaran akibat daripada pelepasan efluen daripada kilang-kilang kelapa sawit dan getah. Ini adalah berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima dan kajian awal yang dilakukan ke atas taburan kilang-kilang tersebut. Kilang kelapa sawit kesemuanya berjumlah sebanyak 130 buah manakala kilang getah blok berjumlah 200, dan kilang getah susu pekat pula berjumlah 44 buah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 27 APRIL 1978

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa memandangkan masalah berhubung dengan pencemaran alam sekitar yang tidak hanya memerlukan keupayaan teknik, tetapi juga memerlukan kesedaran bagi pihak orang-orang awam dan yang demikian mengapakah mass media dan institusi-institusi pelajaran tidak digunakan sepenuhnya untuk memberi kesedaran kepada orang-orang awam supaya sama-sama mengelakkan keadaan alam sekeliling.

**JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas penghargaannya terhadap peranan pendidikan alam sekitar di dalam melahirkan kesedaran umum. Di dalam hubungan ini, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan terus memberi perhatian yang berat ke atas pendidikan dan latihan alam sekitar, yang di antara lainnya termasuk pendidikan formal dan tidak langsung bagi orang awam, pendidikan bagi kumpulan-kumpulan kerja ataupun kumpulan sosial tertentu yang mana kegiatan-kegiatan mereka mempunyai kesan yang banyak ke atas alam sekitar serta juga latihan-latihan bagi profesional-profesional dan ahli-ahli sains yang mengendalikan masalah-masalah khusus mengenai alam sekitar.

Selaras dengan ini, institusi-institusi pelajaran juga telah diberi peluang untuk melibatkan mereka di dalam aktiviti-aktiviti yang ditujukan bagi perlindungan dan pembaikan alam sekitar, sebagai contohnya ialah penglibatan mereka di dalam Panel-panel Program Penyertaan Antara Jabatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya.


Rancangan-rancangan juga sedang dirangka untuk menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5hb. Jun, 1978 di Malaysia bagi menumpukan ke atas kepentingan bagi mengadakan satu pengurusan alam sekitar yang berkesan dan peluang yang

baik ini adalah untuk semua, sama ada daripada sektor swasta atau pun awam bagi mereka memainkan peranan masing-masing.

Berkenaan dengan sebaran am, bahan-bahan 'audiovisual' seperti filem dan risalah-risalah yang boleh didapati daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensinya yang khususnya, serta juga bahan-bahan yang terdapat di negara ini akan disalurkan untuk sebaran am.

Di samping itu juga Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sedang mendapat bantuan daripada Sekolah Sebaran Am Institut Teknologi Mara di dalam merangkakan satu program yang komprehensif untuk pendidikan dan kesedaran umum.

**1979**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. SENATOR PUAN RAHMAH OTHMAN  
TARIKH : 17 DISEMBER 1979

**SOALAN**

1. **Y.B. Senator Puan Rahmah Othman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) jumlah kilang-kilang yang telah didenda di bawah Akta Kebersihan Udara dan Kualiti Alam Sekitar 1974 setakat ini; dan
  - (b) sejauh manakah Kempen Kebersihan Udara yang dilancarkan dalam bulan Oktober, 1978 berjaya dan sama ada kempen ini dijalankan dalam masa setahun sekali.

**JAWAPAN**


Ahli Yang Berhormat patut dipuji atas minat beliau dalam bidang pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran udara.

Bagi menjawab soalan (a), setakat ini tidak ada pengilang yang telah didenda di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tiada wujud sebuah akta dinamakan Akta Kebersihan Udara tetapi saya atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling telah membuat peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Bagi menjawab soalan (b), tidak ada Kempen Kebersihan Udara yang telah dilancarkan dalam bulan Oktober, 1978. Tetapi saya telah membuat satu kenyataan umum menegaskan betapa pentingnya peraturan kawalan dipatuhi. Kempen untuk meninggikan kesedaran bagi pencemaran udara sentiasa dijalankan sepanjang tahun.



**1980**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' DR WEE KHOON HOCK  
TARIKH : 10 JANUARI 1980

**SOALAN**

1. **Dato' Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan Johor telah bersetuju menguntukkan seluas 120,525 ekar tanah di Endau sebagai tapak Taman Negara, sama ada Kerajaan pusat telah menghubungi Kerajaan Pahang untuk memperuntukkan seluas 96,000 ekar tanah di Rompin, Pahang bagi menjadi bahagian kedua "Taman Negara Endau-Rompin" dan nyatakan bilakah Rang Undang-undang Taman Negara akan dapat dikemukakan dalam Parlimen.

**JAWAPAN**

Saya ucapkan terima kasih di atas minat Yang Berhormat Senator dalam hal-hal pengekalan (conservation). Sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri Pahang bagi mendapatkan satu kawasan tanah di Daerah Rompin untuk dijadikan sebahagian daripada Taman Negara Endau-Rompin.

Perundingan itu adalah menggalakkan dan mencerminkan kawasan yang berkenaan dijadikan rezab untuk Taman Negara Endau-Rompin.

Berkenaan dengan Rang Undang-Undang Taman Negara pula, Rang Undang-Undang berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangan yang lepas dan sekarang dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Bil. DR. 26/79.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DR CHOO KOOI FOOK  
TARIKH : 17 JANUARI 1980

**SOALAN**

1. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil ujian bunyi yang dijalankan baru-baru ini atas penerbangan Concorde di atas ruangan angkasa Malaysia.

**JAWAPAN**

Sebenarnya ujian bunyi seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat masih belum dikendalikan. Kelengkapan-kelengkapan yang perlu hanya dapat dari sumber-sumber luar negeri dan pesanan telahpun dibuat.

Ujian yang menggunakan alat kelengkapan yang "sophisticated" akan dijalankan sepanjang tempat-tempat penting yang tertentu yang mana terletak di dalam kawasan penerbangan Concorde sebaik sahaja alat kelengkapan yang dipesan yang berharga \$100,000 di mana peruntukan, ini baru diluluskan oleh Parlimen akan diterima pada akhir bulan Februari atau awal bulan Mac, 1980. Langkah-langkah mestilah diambil untuk menentukan bahawa alat kelengkapan yang "sophisticated" dan mahal ini adalah jenis yang betul untuk tujuan tertentu ini.

Untuk tujuan ini perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan negeri-negeri lain seperti India dengan menggunakan alat pengawasan bagi merekodkan "sonic boom" daripada penerbangan-penerbangan "super-sonic". Walaupun alat kelengkapan telah ditawarkan oleh Kerajaan British untuk tujuan ini, adalah dirasakan lebih baik untuk mendapatkan alat kelengkapan yang sesuai daripada pancar bebas di mana keputusan ujian tidak dapat dicabar. Bagi menentukan agar alat kelengkapan tersebut digunakan mengikut kaedah yang betul bagi mendapatkan keputusan yang tepat, seorang pegawai dari Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya akan dihantar ke Denmark pada awal bulan Februari bagi menjalani kursus tentang penggunaan alat kelengkapan tersebut dan memperntukan unit khas di Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah diluluskan untuk tujuan ini. Buat sementara waktu, kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan masa percubaan penerbangan Concorde selama 6 bulan lagi bermula daripada 24hb. Januari, 1980.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK  
TARIKH : 17 JANUARI 1980

**SOALAN**

1. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai jawapan yang Berhormat Menteri yang dahulu, bukan Menteri sekarang, iaitu jawapan mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, menyatakan kita tidak boleh luluskan permohonan Kerajaan British untuk Concorde terbang di angkasa kita oleh kerana satu daripada sebabnya segala telur akan habis, orang hamil akan keguguran anak-anak dan telur ikan akan habis, telur udang habis, telur biawak pun habis. Jadi, saya hendak bertanya dengan adanya alat-alat ujian itu bolehkah atau tidak kesannya didapati betul telur habis, orang tak boleh beranak, betulkah boleh dikesan dengan alat-alat yang baru ini?

**JAWAPAN**

Sebenarnya rakan saya mendiang Tan Sri V. Manickavasagam itu betul-betul takut kesan-kesan yang buruk akan terjadi. Oleh itu, Kementerian saya telah buat satu kajian soal selidik sebelum kita ada kelengkapan ujian. Jadi dalam kajian itu kita ada edarkan 300 borang kepada rakyat tertentu di Muar, Port Dickson, Batu Pahat, Melaka dan Pontian. Daripada kajian soal-selidik itu malangnya hanya 24 jawapan sahaja diterima dan setengah daripada jawapan itu menyatakan tidak pernah mendengar bunyi "sonic boom". Oleh itu, susahlah Kerajaan mencari alasan menolak permintaan Kerajaan British.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN V.V. ABOO  
TARIKH : 10 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Tuan V.V. Aboo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
- (a) langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah pencemaran udara di Kuala Lumpur selain daripada usaha menanam pokok-pokok dan menempatkan industri-industri berat di kawasan perindustrian di Petaling Jaya dan Sungai Way; dan
  - (b) kemajuan yang telah dicapai sejak terlaksananya penguatkuasaan Kualiti Alam Sekitar (Kebersihan Udara) 1978.

**JAWAPAN**

Masalah-masalah pencemaran udara di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh:

- (a) Pencemaran udara kerana pelepasan dari kenderaan bermotor; dan
- (b) pencemaran udara kerana pelepasan daripada punca-punca perindustrian seperti kilang-kilang papan dan kilang-kilang perusahaan kayu lainnya, kilang-kilang getah dan kilang-kilang besi.

Langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh kenderaan bermotor. Dari itu, satu set peraturan-peraturan anti-pencemaran yang dikenali sebagai Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 telah dikuatkuasakan semenjak 15hb Mac, 1978. Buat masa ini aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sedang dipergiatkan di kawasan Kuala Lumpur. Peraturan-peraturan lainnya akan dilaksanakan jika ianya perlu.

Sebagai langkah jangka panjang, Dewan Bandaraya telah menubuhkan sebuah jabatan yang bertanggungjawab kepada pengurusan lalulintas. Kerja-kerja sedang

dijalankan bagi pembinaan jalan-jalan bulatan dalam dan luar (inner and outer ring roads) seperti yang dicadangkan di bawah Rancangan Pembubaran Lalulintas (Traffic Dispersal Scheme). Langkah ini akan memberi hasil yang berkesan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan pencemaran udara di Kuala Lumpur.

Bagi punca-punca perindustrian seperti kilang-kilang papan, kilang-kilang getah dan kilang-kilang besi, pelepasan dari punca-punca ini adalah di bawah kawalan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Untuk menyelesaikan masalah jangka panjang, Dewan Bandaraya sedang mencari kawasan yang sesuai untuk menempatkan semula kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran ke kawasan-kawasan perindustrian di luar dari Kuala Lumpur.

Untuk jawapan kepada (b), ianya tersangat awal untuk memberi satu penilaian yang tertentu tentang kesan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Alasannya ialah kemudahan-kemudahan yang sedia ada pada masa Peraturan-Peraturan ini diwartakan diberi tempoh dua tahun untuk mematuhi Peraturan-Peraturan tersebut dengan sepenuhnya bermula dari 1hb Oktober, 1980.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 11 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa memandangkan Batu Caves ini dikatakan sebagai "Kawah Debu" atau "Dust Bowl" sama ada beliau akan mengambil langkah segera untuk memberhentikan kerja-kerja memecah batu dan juga mengisytiharkan kawasan Batu Caves ini sebagai tugu alam semulajadi atau "nature monument".

**JAWAPAN**

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal berkenaan dengan tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Kuari-kuari di Batu Caves dikendalikan melalui lesen pajakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Oleh itu, hanya Kerajaan Negeri Selangor sahaja yang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Contohnya dengan menarik balik lesen-lesen pajakan yang tersebut itu sesudah ianya dikaji dengan teliti terutama dari segi undang-undang.

Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan Negeri Selangor berkenaan masalah-masalah yang timbul di Batu Caves dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji bagaimana mengatasi masalah-masalah ini.

Kementerian saya, melalui Bahagian Alam Sekitar masih meneruskan pengawasan tentang masalah debu di Batu Caves. Mulai daripada 1hb Oktober, 1980, kuari-kuari di kawasan Batu Caves dan juga di seluruh Malaysia dikehendaki mematuhi piawaian-piawaian pelepasan debu yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Dari itu, adalah dijangkakan bahawa masalah debu itu dapat dikurangkan.

Bagi pertanyaan di atas pengisytiharan kawasan Batu Caves sebagai tugu alam semulajadi atau "nature monument" ianya telah diwartakan sebagai kawasan simpanan untuk kegunaan rekreasi umum, yang telah dikenali sebagai "Kawasan Simpanan Batu Caves" pada 4hb Julai, 1930 di dalam Kenyataan Warta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sebahagian daripada kawasan simpanan itu telah ditarik balik dalam tahun 1954 dan 1959 oleh Kerajaan Negeri Selangor dan kemudiannya dipajakkan untuk aktiviti-aktiviti kuari.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK  
TARIKH : 11 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** hendak bertanya oleh kerana satu masa dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan oleh kerana perdebatan di situ ada tokong orang India yang telah lama di sana maka hendaklah diambil court injunction mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan sebab itu lesen yang diberi oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah ini kalaulah dipandang oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan "Federal" yang keadaan ini merbahaya untuk kesihatan manusia dan juga kepada "tourists" melawat masuk ke dalamnya oleh kerana gegaran batu itu apabila ditembak ia akan jatuh dan mengikut siasatan-siasatan oleh pakar ini telahpun jatuh. Jadi, oleh kerana merbahayanya perkara ini dan juga oleh kerana ada tokong India yang ada di situ yang disembah oleh "bermillion" manusia pada tiap-tiap tahun, tidakkah dipandang oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan "Federal", kerana ianya ada berkaitan di antara "Federal" dan Kerajaan Negeri yang tidak begitu kejam dan membuta tuli mengatakan perkara lesen ini boleh di"cancel" jikalau merbahaya kepada nyawa manusia, sekiranya betul-betul Kerajaan menyiasat dan dapat dengan seberapa segera di"cancel", lesennya ini.

**JAWAPAN**

Terima kasih di atas soalan Yang Berhormat itu. Ingin saya memberitahu di sini, Kementerian saya tidak ada kuasa untuk membatalkan lesen iaitu seperti yang telah dijawab di dalam jawapan saya iaitu lesen dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Hanya Kerajaan Negeri ada kuasa untuk memanjang atau membatalkan lesen itu sesudah dikaji dengan teliti segi undang-undang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATUK WEE KHOON HOCK  
TARIKH : 11 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Datuk Wee Khoo Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan "Regional Offices" yang telah dan akan dibuka di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk mengawal dan mencegah pencemaran alam dan beri nama tempat-tempat letaknya "Regional Offices" itu.

**JAWAPAN**

Kementerian saya sedang di dalam proses untuk menubuhkan pusat-pusat Wilayah Bahagian Alam Sekitar. Sebanyak enam buah pusat wilayah telah diluluskan mulai tahun ini meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pusat-pusat wilayah ini ditempatkan di bandar Pulau Pinang, iaitu untuk Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Bahagian Utara Negeri Perak; Kuala Lumpur, iaitu untuk Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka; Kuantan, iaitu untuk Pahang, Terengganu dan Kelantan; Johor Bahru, iaitu untuk Johor; Kuching, iaitu untuk Sarawak; dan Kota Kinabalu, iaitu untuk Sabah; dan persiapan sedang dibuat bagi mendapatkan ruangan-ruangan pejabat dan lain-lain supaya dapat bertugas pada tahun ini.

Di samping enam buah pusat-pusat Wilayah ini, Bahagian Alam Sekitar telah menubuhkan Unit-unit Alam Sekitar di Lembaga Pembangunan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Pembangunan Terengganu Tengah (KETENGAH) semenjak tahun 1979. DARA dikendalikan dari Kuantan manakala KETENGAH dikendalikan dari Kuala Terengganu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN  
TARIKH : 14 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap yang melebihi had yang ditetapkan di bawah Peraturan 'Motor Vehicles (Control of Smoke and Gas Emission) Rules 1977' yang telah ditahan dan didenda.

**JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat Yang Berhormat atas pencemaran udara. Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 telah dikuatkuasakan pada 15hb Mac, 1978. Penguatkuasaan kaedah-kaedah tersebut dikendalikan bersama oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya.

Dari rekod-rekod kempen penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 1979, sebanyak 760 surat saman dan 445 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang telah melepaskan asap yang berlebihan.

Seperti juga, dalam dua bulan pertama tahun 1980 sahaja, sejumlah 561 surat saman dan 118 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang telah melepaskan asap yang berlebihan.

Dari rekod yang diterima daripada pihak Polis, sebanyak \$34,880 telah dibayar oleh pemandu-pemandu kenderaan yang melanggar Kaedah-kaedah itu sehingga hari ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD  
TARIKH : 14 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah kuatkuasa ini meliputi kenderaan-kenderaan yang dipunyai oleh Kerajaan seperti lori JKR atau Badan-badan Berkanun sebab rakyat tahu bahawa lori-lori ini juga mengeluarkan asap. Adakah juga terlibat dikenakan kuatkuasa ini?

**JAWAPAN**

Termasuk semua kenderaan Kerajaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN  
TARIKH : 14 APRIL 1980

**SOALAN**

1. **Puan Rahmah binti Othman** ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, saya difahamkan bahawa pemeriksaan yang dilakukan sekarang ini kepada kenderaan bermotor adalah dijalankan tiap-tiap 6 bulan sekali. Boleh atau tidak Kementerian ini mengadakan pemeriksaan kepada kenderaan bermotor ini tiap-tiap 3 bulan sekali?

Yang keduanya, dapat atau tidak Kementerian ini mengadakan satu sistem iaitu sepertimana yang kita lihat di negeri Jepun, setelah kenderaan itu diperiksa diadakan satu pelekat (sticker) kepada kereta itu yang menunjukkan bahawa kereta itu telah diperiksa dan tiap-tiap 3 bulan atau 6 bulan sekali kereta-kereta ini akan diberi pelekat-pelekat yang menunjukkan bahawa kereta-kereta ini sudah diperiksa dan dengan itu tidak lagi kena denda-denda ini.

**JAWAPAN**

Untuk menjawab soalan tambahan pertama berkaitan dengan bolehkah pemeriksaan yang sekarang dijalankan setiap 6 bulan dikurangkan kepada 3 bulan untuk memeriksa kereta-kereta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang ini menguji kereta-kereta pekhidmatan awam (public service vehicles) dan perniagaan seperti bas, teksi, lori dan lain-lain setiap 6 bulan di Pejabat RIMV seluruh Semenanjung Malaysia. Untuk tujuan ini 35 buah Hattrick Mark II Smoke Meter telah digunakan. Jikalau ini dikurangkan iaitu dari 6 bulan kepada 3 bulan saya ingat tidak seimbang oleh kerana tempat-tempat ini akan mengalami "congestion problem" tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Untuk menjawab soalan tambahan kedua iaitu tanpa butir-butir lanjut tentang sistem yang diamalkan di Jepun, saya tidak dapat menentukan maksud pemeriksaan ini. Sistem ujian yang diadakan sekarang di mana kereta-kereta diberi sijil ujian oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya adalah didapati memuaskan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil pertimbangan dan akan disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DR. CHOO KOOI FOOK  
TARIKH : 26 JUN 1980

**SOALAN**

1. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah kilang-kilang yang mencemar udara yang telah pindah dari kawasan Kuala Lumpur semenjak penguatkuasaan "Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974" dan sama ada beliau bersetuju bahawa pencemaran udara di Kuala Lumpur masih belum berkurangan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook, semenjak penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, masih tidak ada kilang yang telah berpindah keluar daripada Kuala Lumpur.

Tujuan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah untuk mengawal dan mencegah pencemaran. Malahan, bukanlah tujuan Akta tersebut untuk memindahkan kilang-kilang daripada premis yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun, jika pencemaran kilang-kilang tidak boleh dikawal dengan perbelanjaan yang munasabah oleh kerana kedudukan mereka, kilang-kilang tersebut akan dinasihatkan supaya berpindah.

Pada masa sekarang, pencemaran udara dikawal oleh Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Asap dan Gas) 1977. Peraturan-peraturan Udara Bersih dikuatkuasakan bermula daripada 1hb Oktober, 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor pula berkuatkuasa mulai 15hb Mac, 1978.

Saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pencemaran udara di Kuala Lumpur masih belum berkurangan oleh sebab-sebab berikut:

- (i) Pelepasan pencemaran udara dari kilang-kilang yang baru dibina dapat dikawal semenjak 10hb Oktober, 1978 iaitu tarikh Peraturan-Peraturan Udara Bersih dikuatkuasakan;

- (ii) Kilang-kilang yang telah wujud sebelum itu telah diberi nasihat-nasihat dan amaran-amaran untuk memasang alat-alat mengurangkan pelepasan pencemaran yang mana kebanyakan dari kilang-kilang itu telahpun mengambil tindakan untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh Kementerian saya walaupun mereka diberi tempoh sehingga 1hb Oktober, 1980 untuk mematuhi sepenuhnya;
- (iii) Pelepasan asap hitam dari kilang-kilang dan pembakaran terbuka bagi buangan perusahaan telah dikawal;
- (iv) Pelepasan asap hitam dari kereta-kereta bermotor telah dikawal di bawah Kaedah-Kaedah Kawalan Asap dan Gas;
- (v) Kenderaan sentiasa diperiksa walaupun bilangan kereta-kereta yang baru bertambah dan tindakan-tindakan yang ketat telah diambil terutamanya ke atas kenderaan yang dilesenkan untuk pengangkutan orang ramai serta pengangkutan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DR CHOO KOOI FOOK  
TARIKH : 18 DISEMBER 1980

**SOALAN**

1. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau akan menggunakan tekanan terhadap Kerajaan Negeri Selangor supaya memberhentikan pemecahan batu di Batu Caves dengan serta merta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, seperti saya telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa soal-jawab pada 12hb April, 1979, operasi kuari-kuari di Batu Caves adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Seperti yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor pula telah menyatakan dengan terus-terang pendirian Kerajaan Selangor di atas perkara ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Selangor semasa soal-jawab di Dewan Undangan Negeri Selangor pada 30hb Disember, 1980. Oleh hal demikian, sebarang tekanan daripada Kerajaan Pusat ke atas Kerajaan Negeri Selangor ataupun Kerajaan Negeri-negeri lain berkaitan dengan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri iaitu Senarai Negeri (State List) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tidak timbul.

**1981**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR  
TARIKH : 9 JANUARI 1981

**SOALAN**

1. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada penerbangan pesawat Concorde di ruang angkasa Malaysia mencemarkan udara angkasa Malaysia.

**JAWAPAN**

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penerbangan pesawat supersonik Concorde melintasi ruang angkasa Malaysia merupakan satu soal akademik memandangkan penerbangan Concorde British Airways-Singapore Airlines telah ditangguhkan buat sementara waktu mulai 1hb November, 1980.

Mulai dari 3hb Jun hingga 30hb Oktober, 1980, Kementerian saya telah menjalankan kajian mengesan pencemaran bunyi akibat penerbangan Concorde melintasi ruang angkasa Malaysia yang didapati boleh dikatakan tidak konklusif atau dalam Bahasa Inggeris "inconclusive".

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN M. MAHALINGAM  
TARIKH : 17 APRIL 1981

**SOALAN**

1. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa selain dari Jepun apakah negara-negara lain yang telah membuat sumbangan untuk menjaga Selat Melaka bebas daripada pencemaran minyak.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat mungkin bermaksud kepada Tabung Pusingan Mencegah Tumpahan Minyak Daripada Kapal-kapal di Selat Melaka. Jika itu maksudnya, maka negara kita telah mengadakan satu perjanjian di antara ketiga-tiga negara berpantai iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura dengan pihak negara Jepun. Persetujuan itu adalah termaktub dalam satu "Memorandum of Understanding" mengenai Tabung Pusingan itu yang telah dimeterai di Jakarta pada 11hb Februari, 1981.

Selain daripada itu, memang telah juga wujud sebuah Majlis Selat Melaka (The Malacca Straits Council) yang berpusat di Jepun yang dianggotai oleh beberapa badan bukan Kerajaan yang menyumbang sumbangan kepada Tabung Pusingan Bagi Mencegah Tumpahan Minyak Daripada Kapal-kapal. Pada peringkat permulaan Tabung ini mempunyai peruntukan sebanyak 400 juta yen (M\$4,407,200) yang mana kesemuanya merupakan sumbangan daripada Majlis Selat Melaka. Sungguhpun demikian, Tabung ini berhak menerima sumbangan dari pihak-pihak lain juga dari masa ke semasa.

Setakat ini tidak ada sumbangan lain selain daripada punca-punca daripada Negara Jepun.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN ROGAYAH ARIFF  
TARIKH : 21 APRIL 1981

**SOALAN**

1. **Puan Rogayah Ariff** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa masih ada kilang-kilang seperti kilang-kilang membuat kapur yang berjalan dengan mengeluarkan asap sehingga mengganggu ketenteraman orang ramai terutama sekali di waktu malam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas minat beliau tentang isu pencemaran alam sekitar khususnya pencemaran asap. Kementerian saya memang sedar terdapat kilang-kilang seperti membuat kapur mengeluarkan asap yang mengganggu ketenteraman orang ramai khususnya di tempat-tempat tertentu.

Berikutan dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 yang dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1hb Oktober, 1980, Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar telah dan sedang mengawasi dengan rapi kilang-kilang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun demikian, haruslah dimaklumkan bahawa kajian yang dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar menunjukkan bahawa kebanyakan kilang-kilang dalam kategori ini menjalankan kerja mereka dengan modal yang terhad dan cara pengendalian yang agak primitif. Didapati pada setakat ini tidak ada langkah-langkah kawalan yang berkesan boleh digunakan untuk mengelakkan pengeluaran asap.

Sungguhpun demikian, Kementerian saya khususnya melalui Bahagian Alam Sekitar dan Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) terus berusaha memberi perhatian dalam usaha untuk menentukan sama ada teknologi yang sesuai dan ekonomi wujud untuk perusahaan-perusahaan tersebut.

Sebagai satu usaha jangka panjang pemaju-pemaju baru adalah dinasihatkan supaya menempatkan kilang-kilang mereka di tempat-tempat yang berjauhan daripada kawasan kediaman orang ramai.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO HAJI MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD  
TARIKH : 21 APRIL 1981

**SOALAN**

1. **Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menambah sedikit berkenaan dengan kilang-kilang baja ikan banyak terdapat di tempat-tempat yang ada pukut tunda, jadi ikan-ikan kecil itu dibuat baja. Kilang-kilang ini bukan sahaja mengeluarkan asap tetapi mengeluarkan bau yang busuk di sekelilingnya, kadang-kadang kilang-kilang ini didirikan berhampiran dengan sekolah; saya tidak hendak sebutkan di mana tempat itu. Ini boleh mengganggu suasana di sekolah itu beberapa lama.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah langkah yang hendak dijalankan itu hanyalah mengenai kilang-kilang besar sahaja di ibu-ibu kota ataupun menyeluruh di seluruh negeri termasuk kilang-kilang membuat baja ikan yang berhampiran dengan sekolah-sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat itu. Berkaitan dengan kilang baja ikan yang dikatakan mengeluarkan asap dan juga bau, saya hendak memberi sedikit penjelasan berkaitan dengan ini.

Setakat ini Kementerian saya telah membuat tujuh Peraturan yang berkaitan dengan pencemaran air, udara dan asap dan berkaitan dengan bau sampai sekarang kita masih di dalam peringkat permulaan dan perundingan. Saya harap pada masa yang akan datang kita boleh cari satu jalan bagi mengatasi masalah ini. Terima Kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH  
TARIKH : 21 APRIL 1981

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Abdullah** minta Tuan Yang DiPertua, bersabit dengan kilang membuat kapur ini, saya suka bertanya berapa kilang membuat kapur dalam negeri ini yang telah disiasat dan dapat dikesan ada mengeluarkan asap yang mengganggu orang ramai dan apakah ikhtiar yang telah diatasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, kalau tidak salah fahaman saya, Ahli Yang Berhormat itu bertanya berapakah jumlah kilang pembuat kapur yang menyebabkan pencemaran asap, jenis-jenis kilang yang membuat kapur yang mengeluarkan asap adalah bermodal kecil dan senang dibina, maka jumlah yang tepat tidak dapat diperolehi, tetapi mengikut punca ataupun kajian yang dibuat oleh SIRIM, adalah didapati sebanyak lebih kurang 23 buah kilang di utara Semenanjung Malaysia yang mempunyai 62 tempat membakar sehingga 1980. Mengikut rekod yang ada di Bahagian Alam Sekitar, Kementerian saya setakat ini hanya mengetahui 3 buah kilang membuat kapur yang telah diadukan mengeluarkan asap.

<i>Tahun</i>	<i>Surat amaran dikeluarkan</i>	<i>Surat tawaran kompaun</i>
<i>1980</i>	<i>129</i>	<i>40</i>
<i>1981</i>	<i>6</i>	<i>10</i>

Ini saya nyatakan untuk menjelaskan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 21 APRIL 1981

**SOALAN**

1. Tadi kita telah dengar pihak Setiausaha Parlimen menjawab tindakan akan diambil di masa akan datang supaya kilang tidak ada berdekatan di rumah-rumah kediaman. Di sini saya ingin bertanya apakah tindakan Kerajaan pada masa ini terhadap kilang yang sedia ada, berdekatan dengan rumah kediaman yang mengeluarkan asap busuk, umpamanya kilang getah di Petaling Jaya yang mana longkangnya berbau busuk kepada rumah kediaman. Apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini?

**JAWAPAN**

Terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat itu. Tuan Yang DiPertua, mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1978 tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya adalah seperti berikut. Kesalahan pertama di bawah Peraturan-Peraturan di atas pada biasanya diberi surat amaran (show cause letter). Kedua, jika didapati kesalahan itu terus berlaku tawaran kompaun diberi berdasarkan apa yang diwajibkan di bawah Peraturan-Peraturan yang tersebut. Kompaun maksima yang boleh dikenakan ialah \$500 bagi setiap kesalahan. Semenjak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dikuatkuasakan, butir-butir dakwaan bagi tahun 1980 dan tempoh pertama 1981 adalah seperti berikut:

Dengan izin, Tuan Yang DiPertua, saya sebutkan mana-mana kes yang telah diberi amaran kepada kilang-kilang yang mengeluarkan asap dan juga surat amaran dan surat tawaran kompaun:

<i>Denda diperolehi</i>	<i>Kes dihadapkan ke mahkamah</i>	<i>Denda diperolehi</i>
\$11,850	1	\$1,500
\$2,650	4	\$4,850

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR  
TARIKH : 22 JUN 1981

**SOALAN**

1. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebab kejadian laut merah atau "Red Tide" yang kerap kali berlaku di Teluk Brunei dan sama ada beliau sedar kerap kali berlaku bencana laut merah ianya telah menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan di sekitar Kuala Lawas, Awat-awat, Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu dan Labuan akibat kerang-kerang dan ikan-ikan beracun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kementerian saya memang sedar atas masalah bencana laut merah yang berlaku dari masa ke semasa di perairan Teluk Brunei yang sedikit sebanyak mengancam terhadap kaum nelayan di kawasan-kawasan sekitarnya. Kejadian ini pada lazimnya berlaku di kawasan perairan tropika dan sub-tropika.

Setakat ini tiada cara atau kaedah yang berkesan untuk menjaga berlakunya bencana ini. Pada pendapat umum di kalangan para saintis dunia yang menyatakan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh fenomena semulajadi (natural causes) yang mana ianya boleh menjadi lebih buruk dengan adanya pelepasan zat-zat neutron ke perairan laut berkenaan.

Kejadian ini dipercayai dapat dikurangkan dengan pelaksanaan beberapa peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 yang sedang dikuatkuasakan dengan lebih berkesan dengan wujudnya pejabat-pejabat wilayah di Sabah sejak 15hb Mac, 1981 dan Sarawak sejak 1hb Januari, 1981. Pelepasan kumbahan dan lain-lain buangan perindustrian akan dikawal. Selain daripada itu Kementerian saya sedang giat merangka peraturan-peraturan bagi mengawal pencemaran laut yang mempunyai kesan dalam usaha untuk mengatasi perkara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN  
TARIKH : 17 DISEMBER 1981

**SOALAN**

1. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang diambil terhadap pencemaran air yang sering berlaku di kawasan Pulau Aman, Kuala Juru dan sekitarnya di Seberang Perai yang sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan kaum nelayan di kawasan-kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator di atas minat beliau terhadap masalah pencemaran khasnya yang menjejaskan kehidupan nelayan.

Ingin saya menegaskan yang Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan pencemaran alam sekeliling khasnya yang menjejaskan kehidupan golongan pendapatan rendah dan telah mengambil tindakan-tindakan tegas. Misalnya, kes pencemaran air oleh tumpahan minyak di kawasan Pulau Aman telah diselesaikan dengan cepat. Siasatan oleh pegawai-pegawai Alam Sekitar menunjukkan yang tumpahan minyak di Pulau Aman berpunca dari Janaletrik LLN di Seberang Perai. Tindakan serta-merta telah diambil untuk mengawal pencemaran dari punca ini.

Berkenaan dengan kawasan Kuala Juru juga, Kementerian saya telah mengesan punca-punca pencemaran dari kilang-kilang perindustrian kumbahan domestik serta buangan dari aktiviti ternakan babi dan tindakan yang sewajarnya telah diambil dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan khasnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Untuk mengatasi pencemaran dari kawasan perindustrian di Seberang Perai yang akan mengambil masa, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MAJUIKAN telah melancarkan rancangan seperti Rancangan Ternakan Kerang untuk nelayan-

nelayan di Kuala Juru. Adalah didapati yang pendapatan nelayan-nelayan tersebut adalah lebih lumayan dari penangkapan ikan biasa mengikut laporan akhbar.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil di bawah peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah dan akan diambil. Sejak 15 Julai 1981, Kementerian saya telah menubuhkan satu pejabat di Butterworth supaya tindakan-tindakan yang cepat dan berkesan dapat diambil terhadap masalah pencemaran bagi kawasan-kawasan di Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta Utara Perak.

Oleh yang demikian, masalah pencemaran di kawasan Pulau Aman, Kuala Juru dan sekitarnya di Seberang Perai tidak lagi sering berlaku sehingga ianya menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI DRIS  
TARIKH : 22 DISEMBER 1981

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bau busuk dan hampas dari kilang sagu yang dibiarkan begitu sahaja mengalir ke sungai-sungai di Sarawak merbahaya bagi kehidupan ikan dan udang; jika ya apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**JAWAPAN**

Saya memang sedar tentang apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat menjadi masalah sedikit sebanyak di Sarawak tetapi setakat ini masih belum sampai ke peringkat serius.

Dari penyiasatan yang dikendalikan setakat ini oleh Pejabat Perikanan Negeri Sarawak menunjukkan bahawa sedikit sebanyak pembuangan hampas sagu ke dalam sungai boleh dikatakan menjejaskan kehidupan ikan-ikan dan udang-udang di kawasan sekeliling pembuangan itu. Pada musim tengkujuh pula boleh dikatakan pembuangan hampas sagu itu tiada kesannya dan sebaliknya ia adalah berfaedah kerana pembuangan itu merupakan bahan makanan untuk hidupan-hidupan dalam air.

Adalah ditegaskan bahawa dengan pembukaan Pejabat Wilayah di Kuching mulai bulan depan, Kementerian saya akan mempunyai keupayaan yang lebih untuk mengawasi dan mengambil tindakan yang lebih efektif apabila keadaan memerlukan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 22 DISEMBER 1981

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan Kerajaan mengatasi pencemaran alam sekitar oleh kilang-kilang yang membuang kotoran dan bahan beracun hingga memusnahkan hidupan di air.

**JAWAPAN**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas minat beliau mengenai langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencemaran daripada kilang-kilang.


Sebenarnya, kejadian-kejadian yang melibatkan kemusnahan ikan atau lain-lain hidupan di air akibat pelepasan effluen dan bahan-bahan toksik daripada kilang-kilang jarang sekali berlaku dan jikapun berlaku, ianya tidaklah begitu meluas. Ini adalah kerana langkah-langkah kawalan yang dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya terutama sekali melalui penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dirangka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

*Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.- P.U.(A) 342/77*


*Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. - P.U.(A) 338/78*

*Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.-P.U.(A) 12/79*

Selain daripada langkah penguatkuasaan, Kementerian saya juga terlibat dalam perancangan awal penempatan kilang-kilang dalam mana pihak berkuasa perancang merujuk kepada Kementerian saya untuk ditentukan kesesuaian tapak kilang serta alat-alat pencegah dan pengawalan pencemaran yang perlu dipasang di kilang-kilang tersebut.



**1982**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 26 MAC 1982

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memberi sepenuh perhatian dalam mengawal kebersihan sungai-sungai agar tidak dicemar oleh buangan sisa-sisa industri, najis dan sampah sarap.

**JAWAPAN**

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencemaran merupakan satu masalah sampingan (associated problem) yang terpaksa ditanggung oleh setiap negara akibat dari pembangunan yang pesat. Di mana biasanya pencemaran adalah akibat dari pembangunan industri, bagi Malaysia sebahagian besar pencemaran ini adalah diakibatkan daripada pembangunan pertanian yang pesat seperti perusahaan kelapa sawit dan getah dan pembangunan perbandaran (urban development). Masalah pencemaran ini sedia wujud pada bila-bila masapun dan untuk mengawal masalah ini, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian sepenuhnya ke atas perkara ini dan telahpun mengambil beberapa langkah dari masa ke semasa.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal pencemaran oleh Kementerian saya ialah:

(i) *Penguatkuasaan*

Dalam hubungan ini penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian 1979, Minyak Kelapa Sawit Mentah 1977 dan Getah Asli Mentah 1978 sedang giat dijalankan. Di samping itu juga pengawasan (monitoring) dijalankan dari masa ke semasa untuk mengawal punca-punca pencemaran supaya tindakan selanjutnya dapat diambil. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum tahun 1981, semua

industri-industri telah diberi tempoh 2 tahun untuk memperbaiki ke-  
lengkapan dan peralatan mereka supaya selaras dengan kehendak-  
kehendak Peraturan Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian. Bagi  
industri-industri yang ditubuh selepas 1981, kelulusan awal hendaklah  
diperolehi daripada Kementerian sebelum menubuhkannya.

(ii) *Perancangan*

Di bawah aspek ini, garis-garis panduan telah disediakan untuk membantu  
Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan supaya  
mengambil kira faktor-faktor alam sekitar sebelum perancangan bagi  
sesuatu projek dibuat.

(iii) *Penggunaan Sains dan Teknologi*

Kajian juga sedang dijalankan dari masa ke semasa untuk mendapatkan  
cara-cara dan alat-alat yang paling sesuai untuk mencegah atau meng-  
kurangkan pencemaran.

(iv) *Program Pendidikan*

Kementerian ini juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat  
mengenai masalah pencemaran melalui pendidikan alam sekitar seperti  
mengadakan Majalah Sekitar yang disebarkan ke semua Sekolah-sekolah  
Menengah Kerajaan dan orang awam, menganjurkan Hari Alam Sekitar,  
mewujudkan satu matapelajaran dalam bidang alam sekitar di Sekolah-  
sekolah Rendah dan sebagainya.

Berhubung dengan pencemaran sungai-sungai, sepertimana Ahli Yang Berhormat  
sedia maklum, terdapat undang-undang 'Waters Enactment' yang dikuatkuasakan  
oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencegah pembuangan najis dan sampah  
sarap ke dalam sungai-sungai. Di samping itu pihak-pihak berkuasa tempatan  
juga mempunyai undang-undang kecil untuk mengatasi pembuangan tersebut.

Kerajaan pada masa sekarang mempunyai undang-undang yang cukup di  
peringkat Persekutuan, Negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk  
mengawal pencemaran. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum,  
di samping penguatkuasaan undang-undang, kerjasama dari semua pihak  
khususnya orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan dalam usaha pe-  
ngawasan pencemaran alam sekitar yang lebih berkesan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' CHIN KIM YOONG  
TARIKH : 17 DISEMBER 1982

**SOALAN**

1. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kilang-kilang dan industri-industri mengeluarkan asap dan ubat kimia di ladang-ladang tanpa dikawal dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk menjaga keselamatan awam terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, saya tidak sedar bahawa kilang-kilang dan industri-industri mengeluarkan asap-asap dan ubat kimia ataupun racun perosak di ladang-ladang tanpa dikawal.

Sebenarnya, pelepasan effluen dan asap daripada kilang-kilang kelapa sawit dan getah dikawal melalui satu sistem pelepasan bersyarat oleh Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar. Ini bermakna mereka tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan supaya sentiasa mematuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sejak tahun 1980 hasil daripada aktiviti penguatkuasaan, tindakan seperti berikut telah pun diambil:

- (i) 10 kilang getah dan 22 kilang kelapa sawit telah dihadapkan ke mahkamah. Kesemuanya, melainkan satu kilang, telah mengakui kesalahan, dan denda berjumlah \$20,150 telah dikenakan.
- (ii) Lesen 4 buah kilang kelapa sawit telah digantung sehingga menyakinkan pihak yang berkenaan bahawa segala tindakan bagi mengadakan sistem pengolahan effluen akan disempurnakan dalam jangka masa tertentu.

- (iii) Di dalam 27 kes di bawah tawaran kompaun bagi kesalahan telah diterima oleh pekilang-pekilang dan sejumlah \$10,550 telah dikutip sebagai bayaran kompaun.

Pada keseluruhannya, keadaan adalah terkawal.

Berbalik kepada semburan ubat kimia ataupun racun perosak di ladang-ladang, perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian yang menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak, 1974. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974, racun-racun perosak yang membahayakan, iaitu mempunyai sifat-sifat kebiasaan yang tinggi, tidak diluluskan (iaitu tidak didaftarkan) untuk diimport, dikilang atau dijual di Malaysia. Mana-mana racun perosak merbahaya yang diluluskan pula, didaftar dengan syarat-syarat tertentu, misalnya jenis-jenis penggunaannya dihadkan. Segala syarat-syarat ini dinyatakan pada lebel bungkusan keluaran racun perosak itu untuk makluman pengguna-pengguna.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, tindakan bercorak perundangan tidak semestinya menjadi langkah sempurna bagi mengatasi masalah ini. Apa yang diperlukan ialah kesedaran semua pihak supaya sentiasa menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar supaya alam sekitar bermutu tinggi. Di dalam usaha ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh memainkan peranan penting dengan menasihatkan rakyat jelata berbuat demikian.

Saya merasa sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu nama kilang yang mengeluarkan asap serta menyemburkan ubat kimia yang menyebabkan pencemaran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil oleh Kementerian saya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD  
TARIKH : 17 DISEMBER 1982

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua. Pertanyaan saya ini adalah berkaitan dengan kilang-kilang dan industri-industri yang mengeluarkan asap dan sumber ubat kimia. Pertanyaan saya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah kedudukan alam sekitar di Wilayah Persekutuan. Baru-baru ini ada satu laporan, yang mengerikan semua penduduk-penduduk di sekitar Wilayah Persekutuan, yang mengatakan bahawa tahap racun raksa ataupun "lead poisoning level" di Wilayah Persekutuan sekarang telah meningkat ke garisan yang amat merbahaya yang akan menetuskan maut untuk penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini, termasuk kanak-kanak di Wilayah Persekutuan ini. Dalam jangka masa sembilan bulan yang lepas Department of Environment telah menyukat isipadu udara di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan menyatakan bahawa "lead poisoning level" ataupun garisan racun raksa telah meningkat sebanyak 4.5 microgram tiap-tiap satu meter isipadu udara. Ini telah tinggi daripada taraf yang dibenarkan oleh negara-negara lain dan juga Department of Environment yang menyatakan kesihatan seseorang itu tidak boleh di "expose"kan kepada garis racun raksa melebihi 1.5 microgram tiap-tiap satu meter isipadu udara. Jadi pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membasmi bahaya ini kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan dan kepada kanak-kanak semuanya.

Pertanyaan yang kedua, perlukah Kerajaan menyalurkan ataupun mengusir kilang-kilang itu keluar daripada Lembah Kelang ke tempat-tempat yang lain. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya keputusan kajian yang berkenaan belum lagi disediakan ataupun belum selesai. Apabila kajian itu sudah selesai dan berdasarkan keputusan itu kelak, tindakan akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 17 DISEMBER 1982

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua. Di samping usaha Kerajaan sekarang dalam rancangan pembangunan negara kita diselit-selitkan industri-industri di kawasan-kawasan perumahan, maka bagi mengelakkan pencemaran udara itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidakkah Kerajaan bercadang di masa yang akan datang kelak di kawasan-kawasan perumahan tidak akan dibenarkan lagi didirikan pusat-pusat perindustrian yang mengeluarkan asap dan sebagainya. Perkara ini terjadi di Petaling Jaya sekarang ini tiap-tiap malam iaitu di kawasan Sungai Way, tempat buat Guinness Stout yang berbau busuk mulai waktu malam sampai ke pagi. Begitu juga bau gas oleh sebuah syarikat perkilangan di Lebuhraya Persekutuan yang berbau busuk, itupun merupakan ancaman pencemaran udara kepada penduduk-penduduk kawasan itu.

Soalan kedua, saya ingin bertanya apakah tindakan ataupun pampasan yang didapati oleh kaum-kaum tani di luar bandar yang mana berdekatan dengan kawasan estet ataupun ladang-ladang kerana ladang-ladang itu kadang-kadang kala menyemburkan ubat yang mengandungi racun untuk membunuh lalang menyebabkan banyak kematian kerbau, lembu dan kambing. Apabila orang kampung hendak tuntutan ganti rugi tak dapat kerana pihak estet itu mengatakan dia tak ambil tahu hal itu, kadangkala kaum tani itu pula kena bayar kononnya mereka tak menjaga lembu-kambing atau ternakan mereka masuk dalam kawasan estet itu padahal estet itu tidak berpagar. Apakah tindakan Kerajaan? Adakah Kerajaan bercadang mengarahkan pada masa yang akan datang supaya pihak yang berkenaan membayar saguhati kepada penduduk kampung ataupun di luar bandar yang terlibat ternakannya mati kena racun ubat kimia itu?

**JAWAPAN**


Tuan Yang DiPertua, mengemai soalan yang pertama, kilang yang menyebabkan pencemaran itu telah diadakan terdahulu sebelum kawasan perumahan itu

dibina, tetapi ini satu masalah yang pada masa sekarang belum lagi dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memanglah mencuba supaya kilang-kilang seperti itu dikawal keluaran asapnya. Jadi dapatlah dikurangkan paras pencemaran itu.

Mengenai soalan nombor dua itu berkenaan bayaran kerugian atau "compensation" kepada siapa yang terlibat ternakannya itu. Kerajaan susahlah hendak mengambil tindakan sebab sesiapa yang menanggung kerugian bolehlah minta "compensation" atau gantirugi daripada tuannya estet itu. Saya fikir susahlah semua hal ini jika hendak dipulangkan kepada tanggungjawab Kerajaan, sepatutnya sesiapa yang menyebabkan pencemaran alam sekitar, merekalah yang bertanggungjawab.



**1983**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 30 MAC 1983

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang yang berhampiran dengan tempat kediaman orang ramai yang mengeluarkan habuk, jelaga dan asap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan ke atas kilang-kilang, termasuk yang berhampiran dengan tempat kediaman orang ramai, yang mengeluarkan habuk, jelaga dan asap mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Kilang-kilang itu adalah dikehendaki mengadakan alat-alat pengawalan yang sesuai, seperti memasang alat perangkap habuk dan lain-lain, supaya mematuhi had-had paras pelepasan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang tersebut.

Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Kementerian saya sentiasa mengadakan Jawatan pemeriksaan ke kilang-kilang berkenaan untuk memastikan yang had paras pelepasan yang ditetapkan dipatuhi dengan sepenuhnya. Apabila aduan-aduan mengenai pencemaran udara diterima daripada orang ramai, penyiasatan juga dijalankan. Dalam hubungan ini, kilang-kilang yang didapati melanggar had pelepasan yang ditetapkan didenda atau dihadapkan di Mahkamah. Bagi kilang-kilang yang terletak terlalu hampir dengan kawasan kediaman dan yang tidak dapat mengadakan alat-alat kawalan kerana ketiadaan teknologi bersesuaian atau kos membiayai alat-alat kawalan terlalu tinggi, Kementerian saya menasihatkan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak kilang-kilang berkenaan memindahkan kilang-kilang tersebut.

### **SOALAN TAMBAHAN**

Kalau habuk, jelaga dan asap boleh ditangkap oleh alat yang dibuat, jadi bagaimana dengan kilang-kilang yang mengeluarkan bau busuk seperti bau getah dan bau najis ternakan. Adakah alat boleh menangkap bau busuk itu dan mengurangkan bau itu?

### **JAWAPAN**

Soalan itu memang lain daripada soalan berkenaan alat yang digunakan untuk tangkap asap.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH  
TARIKH : 30 MAC 1983

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** ingin bertanya pada Yang Berhormat, tadi dikatakan tindakan-tindakan sedang diambil kepada kilang-kilang dan sebagainya yang melanggar undang-undang ini. Di sini saya ingin tanya berapakah jumlahnya yang telah diambil tindakan sama ada didenda atau diminta mereka mengubahkilang dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Untuk menjawab soalan ini, saya minta notis.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 30 MAC 1983

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) sama ada beliau sedar bahawa bau busuk dari kawasan ternakan babi menjadi masalah di kampung-kampung dan jika sedar nyatakan sama ada Kementeriaannya dapat mencipta satu bahan kimia yang boleh digunakan untuk menghilangkan bau busuk itu atau Kementeriaannya ada rancangan mengawal supaya satu kawasan khas yang jauh dari kediaman orangramai disediakan untuk ternakan babi; dan
  - (b) sama ada beliau sedar bahawa ada di setengah tempat najis babi disalurkan ke parit JPT yang tidak dibersihkan oleh kerana buruh JPT yang beragama Islam enggan menjalankan kerja ini; jika sedar nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

- (a) Sedar. Kementerian saya tidak ada satu bahan kimia yang dicipta bagi mengatasi masalah bau busuk ternakan babi, kerana tiada satu bahan kimia yang dapat mengawal bau busuk secara memuaskan.  
  
Kementerian saya tiada rancangan khas bagi mengadakan suatu kawasan khas yang jauh dari kediaman orangramai yang disediakan untuk ternakan babi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal berkaitan dengan pemberian tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri masing-masing yang mempunyai Enakmen-Enakmen bagi kawalan dan pelesenan ternakan babi. Namun demikian, jika dipinta oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, Kementerian saya bersedia memberi nasihat tentang kesesuaian kawasan-kawasan khas dari segi kawalan pencemaran alam sekitar bagi penempatan perusahaan ternakan babi.
- (b) Tidak sedar. Jika Ahli Yang Berhormat dapat menentukan kawasan-kawasan yang terlibat, Kementerian saya bersedia untuk mengambil tindakan sewajar bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN SRI DATIN ATHI NAHAPPAN  
TARIKH : 10 OGOS 1983

**SOALAN**

1. **Puan Sri Datin Athi Nahappan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan undang-undang yang ada sekarang untuk mengawal alam sekitar dari dicemar atau beliau bercadang untuk menambahkan kuasanya bagi memastikan alam sekitar itu sentiasa bersih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, berasaskan kepada pengalaman di dalam pelaksanaan dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah didapati bahawa terdapatnya beberapa kekurangan kepada Akta yang sedia ada dan oleh kerana itu Kementerian saya bercadang membuat pindaan kepada Akta tersebut yang bertujuan bagi menambah bidangkuasa Menteri dan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling serta pegawai-pegawai bagi memelihara kualiti alam sekeliling dengan lebih berkesan. Pindaan-pindaan itu akan juga termasuk:

- (1) mengadakan peruntukan untuk menentukan kaedah dan cara bayaran imbuhan kepada pihak-pihak yang mengalami kesan-kesan kecemaran;
- (2) menambahkan komposisi keahlian Majlis Kualiti Alam Sekeliling untuk menentukan perseimbangan perwakilan di antara golongan wakil Kerajaan dan bukan Kerajaan;
- (3) menentukan atau memelihara alam sekitar yang teratur dan kemas supaya pihak-pihak pemaju projek yang tertentu akan disyaratkan untuk menyediakan kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar (environment impact assessment study) sebelum projek-projek ini dipertimbang dan dilaksanakan. Ini adalah berasaskan kepada kesukaran mendapat pihak-pihak berkenaan yang terlibat untuk menyiapkan kajian tersebut.
- (4) mengadakan peruntukan bagi mengawal kecemaran di laut dengan lebih sempurna.

Tuan Yang DiPertua, tertakluk kepada pertimbangan Jemaah Menteri, Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) akan dibentangkan di Parlimen dalam satu sesi yang akan datang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN FADZIL BIN MAHMOOD  
TARIKH : 10 OGOS 1983

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua, Kementerian yang berkenaan telah pun mewujudkan Undang-undang Kecemaran Air, Udara dan sebagainya. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mewujudkan Undang-undang Kecemaran Suara, seperti suara bunyi-bunyi jentera dan sebagainya yang boleh mengganggu ketenteraman penduduk-penduduk di sekitar kawasan yang berkenaan?

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, cadangan ini akan diambil perhatian (*ketawa*). Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sebab ini satu perkara yang akan ditimbangkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MÜLUT  
DARIPADA : TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 10 OGOS 1983

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua, soalan yang termasuk pencemaran suara tadi adakah termasuk suara azan seperti yang timbul baru-baru ini mengganggu ketenteraman awam?

**JAWAPAN**

Tidak payah jawab.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH  
TARIKH : 10 OGOS 1983

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua, soalan tambahan. Saya sebenarnya apabila disebut alam sekitar yang sentiasa bersih, alam sekitar tanahair kita seluruhnya, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tetapi saya tengok Menteri ini perlahan-lahan sahaja menjawab, saya pun susah hati hendak tanya dia banyak. Saya ini cakap panjang tetapi saya pendekkan. Dengan sebab bertambahnya kilang-kilang baik getah, papan, kayu-kayu di tanahair kita berselerak sekarang dan keadaan enjin-enjin yang kita semua tahu khususnya di Kuala Lumpur dan asap-asap yang keluar daripada jentera-jentera di seluruh tanahair kita yang hendak membangun ini, sebenarnya tanahair kita sekarang adakah terjamin kebersihan sekitar alam kita ini ataupun sebenarnya kita sudah masuk dalam satu pancaroba kekotoran, pencemaran yang membahayakan penduduk-penduduk khususnya di Kuala Lumpur ini. Pada pendapat saya ini, alam sekeliling di Kuala Lumpur ini juga sekarang sudah banyak tercemar, daripada hawa-hawanya, daripada jentera-jenteranya, daripada asap-asapnya yang berkepul di udara kita ini. Saya tidak tahu Menteri hendak hantar ke mana asap dan kekotoran yang banyak ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa mengikut Kementerian Sains dan Teknologi bahawa pencemaran alam di Tapah Melayu ini tidak merbahaya dan diawasi. Barangkali ada satu kuasa ghaib kekotoran-kekotoran ini dihantarkan balik ke udara, ke atas ataupun macam mana? Saya percaya Menteri Sains dan Teknologi pun tidak ada kuasa ghaib apa-apa. Jadi, saya hendak bertanya bagaimana sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika dibandingkan dengan negara lain, dalam negara kita pada keseluruhannya keadaan pencemaran alam sekitar adalah terkawal.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN FADZIL BIN MAHMOOD  
TARIKH : 11 OGOS 1983

**SOALAN**

1. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
- (a) nama-nama sungai yang sedang menghadapi masalah pencemaran air di Malaysia; dan
  - (b) apakah usaha-usaha positif yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

- (a) Sungai-sungai yang terjejas dan menghadapi masalah pencemaran adalah seperti berikut:
  - (i) Sungai Merbok (Kedah).
  - (ii) Sungai Juru (Pulau Pinang).
  - (iii) Sungai Perai (Pulau Pinang).
  - (iv) Sungai Kinta (Perak).
  - (v) Sungai Kampar (Perak).
  - (vi) Sungai Bidor (Perak).
  - (vii) Sungai Kelang (Selangor).
  - (viii) Sungai Kepayong (Negeri Sembilan).
  - (ix) Sungai Batu Pahat (Johor).
  - (x) Sungai Benut (Johor).
  - (xi) Sungai Semberong (Johor).
  - (xii) Sungai Berangan (Johor).
  - (xiii) Sungai Serting (Pahang).

- (b) Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:
- (i) Tindakan perlesenan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, di mana kilang-kilang getah dan kelapa sawit disyaratkan untuk mematuhi kehendak-kehendak mengawal had pencemaran. Tindakan-tindakan telahpun dijalankan sejak tahun 1977 dan syarat-syarat had pelepasan telah diketatkan tahun demi tahun; dan
  - (ii) Tindakan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-effluen Perindustrian) 1979, untuk mengawal had pelepasan effluen dari kilang-kilang lain.

Peranan Kementerian saya tidak terhad kepada langkah Undang-undang sahaja, malahan Kementerian saya, dari masa ke masa, merangka garis panduan dan nasihat di atas kes-kes tertentu bagi membantu Kementerian-kementerian lain serta Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam perkara yang di bawah bidangkuasa mereka.

Berkenaan dengan tindakan-tindakan yang akan diambil, adalah wajar disebutkan bahawa Kementerian saya:

- (i) mengadakan garis-garis panduan untuk diamalkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri serta Agensi-agensi Kerajaan Pusat yang berkenaan bagi mengawal pencemaran di bawah bidangkuasa mereka masing-masing;
- (ii) memberikan nasihat kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri mengenai penempatan kilang-kilang dan penyediaan kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar; dan
- (iii) mempergiatkan usaha-usaha yang lebih gigih ke arah mendapat kerjasama semua pihak bagi memelihara kualiti alam sekeliling yang diperlukan oleh kita semua.

Bagi pengendalian kumbahan domestik, adalah perlu supaya pihak-pihak Kerajaan Tempatan mengadakan sistem pembentungan pusat khususnya bagi kawasan-kawasan di bandar-bandar besar. Pada masa kini, hanya sebahagian kawasan di Kuala Lumpur terdapatnya sistem yang dimaksudkan itu.

Selain daripada tindakan Kementerian saya, tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat yang lain ialah seperti kerja-kerja mendalam,

melebar dan mengubah aliran sungai di kawasan-kawasan tertentu serta kerja-kerja mencegah runtuh tebing-tebing Sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Tindakan yang berkesan haruslah melibatkan tindakan perlu Kerajaan Tempatan (seperti pungutan sampah sarap, pelupusan effluen kumbahan domestik), Kerajaan Negeri (seperti penggunaan tanah, perhutanan dan bekalan air) dan Kerajaan Pusat.

Memandangkan punca-punca pencemaran utama adalah dari kumbahan domestik, kelodakan dan hakisan tanah serta dari effluen pelbagai industri sahaja merangkumi pihak-pihak Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, tetapi juga memerlukan tindakan yang bertanggungjawab dari semua golongan termasuk rakyat jelata.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN SRI DATIN ATHI NAHAPPAN  
TARIKH : 11 OGOS 1983

**SOALAN**

1. **Puan Sri Datin Athi Nahappan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan kemerosotan keadaan alam sekitar dari segi kualiti sama ada beliau akan menubuhkan cawangan-cawangan di semua negeri dan daerah di Malaysia untuk memastikan bahawa kilang-kilang, gedung-gedung perniagaan dan pemaju perumahan dapat dikawal dari pencemaran alam sekitar di negeri itu.

**JAWAPAN**

Memang Kementerian saya berhasrat mewujudkan Pejabat-pejabat Cawangan di semua negeri dan jika perlu di peringkat daerah, khususnya di kawasan-kawasan industri yang mungkin menjadi punca-punca pencemaran.

Memandangkan keadaan kemerosotan ekonomi kita, pelaksanaan cadangan itu terpaksa ditangguhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan cawangan-cawangan hendaklah dipandang bukan sahaja dari segi bangunan atau pejabat, tetapi juga dari segi pegawai-pegawai yang berpengalaman dan kakitangan yang terlatih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 20 DISEMBER 1983

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerianya tahu bahawa kilang minyak kelapa sawit di Teluk Panglima Garang banyak mengeluarkan habuk yang membahayakan manusia dan hidupan lain di sekelilingnya; jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mencegahnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, dengan izin penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar telah menunjukkan bahawa tiada kilang minyak kelapa sawit di Teluk Panglima Garang. Sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan kilang penapis minyak makan kepunyaan Jomalina Sdn Bhd, kilang tersebut sebenarnya menggunakan minyak perusahaan sebagai bahanapi yang tidak mengeluarkan habuk. Jabatan Alam Sekitar pernah menerima satu aduan pencemaran asap berpunca dari kilang tersebut, tetapi daripada hasil penyiasatan, didapati aduan itu tidak berasas sama sekali.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN JAAFAR BIN HARON  
TARIKH : 20 DISEMBER 1983

**SOALAN**

1. Tuan Yang DiPertua, berhubung dengan soal ini, adakah atau tidak rancangan ataupun kajian dilaksanakan untuk menghilangkan bau-bau yang busuk di sekeliling kawasan kilang getah MARDEC, seumpama kilang getah MARDEC di Kuala Pilah, iaitu siapa yang lalu berhampiran kilang itu pasti mencium satu bau yang semacam, lebih-lebih lagi penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, soalan asal mengenai kilang di Teluk Panglima Garang sebenarnya. Ini kita pergi ke Negeri Sembilan iaitu ke Kuala Pilah. Jadi "Apo nak dikato" (*ketawa*), soalan ini sudah lari sedikit tetapi sebagai menjawabnya, saya percaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kalau dihubungi khususnya Jabatan Alam Sekitar sentiasa akan menyiasat kilang-kilang yang berbau busuk itu. Sedangkan sehingga 30hb September 1983, 26 kilang kelapa sawit telah dihadapkan ke mahkamah kerana tidak mematuhi kehendak undang-undang dan dikenakan denda kesemuanya sejumlah \$53,600. Jadi, saya percaya kalau laporan disampaikan dan kalau betul-betul kilang itu begitu teruk mesti akan diambil tindakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**


PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 20 DISEMBER 1983

**SOALAN**


1. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah ada rancangan Kerajaan bagi jangka panjang supaya kilang-kilang yang seumpama ini yang mengeluarkan bau-bau busuk umpamanya getah, kelapa sawit dan sebagainya dijauhkan, tidak didekatkan kilang-kilang itu di sekitar perumahan yang ada pada hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, sebenarnya ada; dan pada ketika ini setahu saya aturan-aturan ataupun kehendak-kehendak seperti itu sedang dikuatkuasakan dengan ketatnya.



**1984**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 10 APRIL 1984

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada kawasan-kawasan tertentu di dalam negara ini di mana alam sekitarnya tercemar dengan bau busuk yang sungguh mengganggu fikiran dan keselesaan orang ramai; jika sedar nyatakan sama ada tindakan mahkamah boleh diambil ke atas orang-orang yang bertanggungjawab di atas pengeluaran bau busuk ini dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN**

Saya memang sedar pencemaran bau busuk terdapat di beberapa tempat dalam negara kita tetapi ianya dihadapi di tempat terpencil malahan tidak begitu ketara.

Tindakan mahkamah semata-mata kerana pengeluaran bau busuk sukar diambil kerana:

- (i) reaksi seseorang kepada bau merupakan 'subjektif' dan tidak mengizinkan sukatan menggunakan peralatan;
- (ii) tiada terdapat undang-undang ketat pengkhususan bau busuk walaupun Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 pada amnya meliputi pencemaran bau busuk.

Bagi negara kita sebagai sebuah negara membangun yang berkembang dengan pesat pendekatan yang realistik ialah bagi menurunkan paras bau busuk melalui:

- (i) mempraktikkan amalan 'good house-keeping' dengan cara-cara teratur lagi bersih;
- (ii) meningkatkan kemajuan teknologi dalam proses pengeluaran dan pengolahan effluen dalam perusahaan pembuatan dan ternakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : ABANG HAJI AHMAD URAI BIN  
DATU HAKIM HAJI MOHIDEEN  
TARIKH : 19 APRIL 1984

**SOALAN**

1. **Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil atas berlakunya pencemaran asap berkimia kepada 450 orang murid Sekolah Kebangsaan Padang Besar (U) Perlis, yang berpunca dari beberapa buah kilang haram memproses buah-buahan yang berhampiran dengan sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, saya difahamkan bahawa aktiviti-aktiviti memproses buah-buahan dengan cara menggunakan oksaid sulfur ( $SO_2$ ) yang berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Padang Besar (U) Perlis, telah diberhentikan dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu tidak timbul lagi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH  
TARIKH : 25 APRIL 1984

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa buah kilang di Jalan Kuching yang sentiasa mencemarkan udara (pollution) tanpa dikawal oleh Kementerian dan jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengawal pencemaran udara ini.

**JAWAPAN**

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa terdapat 5 buah kilang membuat barang-barang tembikar yang didapati mencemarkan udara di kilometer 6, Jalan Kuching. Kilang-kilang ini melepaskan asap hitam semasa proses pembakaran (firing) bermula dan proses ini dilakukan 2 atau 3 kali dalam sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memberi amaran bertulis kepada 2 buah kilang tersebut dan juga telah memperakukan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya kilang-kilang ini dipindahkan ke tapak yang lebih sesuai. Tambahan lagi, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah diarahkan untuk menjalankan kajian kemungkinan terhadap cara-cara mengubahsuaikan alat pembakar dari menggunakan bahanapi pepejal kepada bahanapi cecair atau gas cecair.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN PARAMJIT SINGH  
TARIKH : 30 JULAI 1984

**SOALAN**

1. **Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan:
  - (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menukar tempat pembuangan kotoran radioaktif di Papan ke suatu tempat yang lain oleh kerana pembangkangan dari penduduk-penduduk di Papan dan kawasan sekitarnya;
  - (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menanggungkan pembuangan kotoran radioaktif di tempat itu sampai ke suatu masa sehingga laporan diterima dari para pakar telah dibincang dengan sepenuhnya dan diterangkan kepada orang awam; dan
  - (c) mengapa Papan dipilih sebagai tempat membuang kotoran radioaktif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan K. Kumaran pada hari ini, Yang Berhormat Tuan D.P. Vijandran pada 1.8.1984 dan juga daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 3.8.1984 yang mana pertanyaan-pertanyaan itu adalah berhubung dengan perkara-perkara yang sama.

Walau bagaimanapun sebelum saya menjawab soalan-soalan ini, ingin saya terlebih dahulu memberi penerangan ringkas mengenai sisa radioaktif yang mengandungi "thorium hydroxide" ini.

Sisa radioaktif "thorium hydroxide" adalah dihasilkan dari pemerosesan "monazite" yang berpunca dari hasil perlombongan bijih timah. Setakat ini semua hasil dari perlombongan bijih timah termasuklah hasil sampingannya seperti "xenotime, monazite" dan sebagainya dieksport terutamanya ke negara Jepun. Perusahaan pengeluaran, dengan izin, 'rare-earth compounds' dan 'trisodium phosphate'

merupakan usaha pertama ke arah membangunkan teknologi memproses hasil sampingan perlombongan bijih timah ini.

“Thorium Hydroxide” yang merupakan hasil sampingan memproses “monazite” mempunyai nilai oleh kerana ‘thorium’ boleh digunakan sebagai bahanapi nuklear, pancalogam ‘thorium-magnesium’ dan dengan izin, gas mantles. Memandangkan nilai yang terdapat pada “thorium” ini, maka adalah wajar sisa yang mengandungi “thorium hydroxide” ini disimpan di dalam negara kita supaya teknologi yang berkaitan dapat dibangunkan.

Berbalik kepada soalan-soalan yang dikemukakan, ingin saya memaklumkan bahawa keputusan Kerajaan untuk menyimpan sisa radioaktif ini di kawasan Papan adalah berasaskan kepada kajian yang dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam hal ini, termasuklah Kementerian Kesihatan, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan kepada syarat-syarat yang disyorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa, tapak di Papan ini adalah yang paling sesuai di antara beberapa tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Tapak ini memenuhi semua syarat-syarat teknikal seperti keadaan geologi, paras air bawah tanah, taburan penduduk di sekitar kawasan dan jaraknya dari kilang mengeluarkan sisa ini.

Kerajaan sedar akan keraguan dan perasaan takut di kalangan orang awam khususnya penduduk-penduduk di sekitar kawasan Papan. Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini, Kerajaan sentiasa menitikberatkan hal-hal keselamatan dan Kerajaan tidak akan melakukan sesuatu yang akan mengancam keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta kebersihan alam sekitar. Oleh itu segala usaha telah dan akan diambil untuk memastikan penyimpanan sisa radioaktif ini dilakukan dengan selamat.

Ingin juga saya sentuh tentang apa yang dikatakan pendapat-yang berlainan di antara pakar-pakar pihak Kerajaan dengan lain-lain pihak berhubung dengan bahaya sinaran akibat dari penyimpanan sisa radio aktif ini. Adalah diperakui bahawa kesan sinaran boleh membawa mudarat kepada manusia sekiranya paras tadahan itu adalah tinggi. Di dalam hubungan ini ancaman sinaran dari tapak penyimpanan sisa radioaktif ini adalah terlalu kecil bagi sesiapa yang berada di luar kawasan penyimpanan yang berpagar itu. Pakar-pakar yang menasihati Kerajaan di dalam hal ini adalah bersependapat bahawa tapak yang dipilih itu cara penyimpanan dan langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah lebih daripada memadai.

Saya ingin juga memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan, perparitan untuk tujuan ini belum lagi siap dan ianya belum lagi digunakan. Dengan itu tiada apa-apa ancaman sinaran pada masa ini.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mengukur paras sinaran latar belakang di kawasan ini supaya ianya dapat dibandingkan dengan paras sinaran setelah sisa berkenaan disimpan di tempat yang dibina itu. Buat masa ini kerja-kerja pembinaan telah terhenti dan sepertimana yang telah diumumkan, sebuah Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk oleh Kerajaan Negeri Perak untuk mengkaji perkara ini dengan terperinci dan mengemukakan perakuan kepada Kerajaan Negeri atas tindakan selanjutnya. Pihak Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah untuk memaklumkan kepada rakyat mengenai perkara ini dan ini termasuklah dengan mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk tempatan serta memberi penerangan umum menerusi media massa supaya rakyat dapat mengetahui keadaan yang sebenar. Oleh yang demikian tiada sebab pada masa ini bagi Kerajaan mengubah pendirian berhubung dengan tapak penyimpanan itu. Adalah tidak wajar sesuatu keputusan Kerajaan diubah semata-mata atas desakan pihak-pihak tertentu tanpa kajian yang mendalam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN K. KUMARAN  
TARIKH : 30 JULAI 1984

**SOALAN**

1. **Tuan K. Kumaran** minta Perdana Menteri menyatakan:-
  - (a) kawalan yang diambil sehingga hari ini untuk menjamin kesihatan orang ramai di Papan, Perak dari sisa radioaktif yang terbuang di sana;
  - (b) sama ada terdapat fahaman yang bertentangan di antara pakar-pakar alam sekitar Kementerian dengan pakar-pakar alam sekitar pelbagai badan-badan lain berkenaan dengan bahaya sisa radioaktif kepada manusia di kawasan itu; dan
  - (c) jika ya, tindakan Kementerian untuk memperbetulkan perselisihan fahaman ini.

**JAWAPAN**

Sila lihat Jawapan Soalan 4/84 pada 30 Julai 1984.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN D. P. VIJANDRAN  
TARIKH : 1 OGOS 1984

**SOALAN**

1. **Tuan D. P. Vijandran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk tempatan adalah tidak senang dan puashati dengan sikap Kementerian untuk menempatkan pembuangan sisa radioaktif di Papan, Perak dan sama ada beliau akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti lagi sebelum melaksanakannya.

**JAWAPAN**

Sila lihat Jawapan Soalan 4/84 pada 30 Julai 1994.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN ABU BAKAR  
TARIKH : 3 OGOS 1984

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan sisa-sisa radioaktif akan dibuang ke kawasan Papan, Perak, nyatakan:-
- (a) sebab-sebab kawasan tersebut dipilih untuk pembuangan sisa-sisa radioaktif berkenaan;
  - (b) sama ada pilihan ini sudah muktamad; dan
  - (c) langkah-langkah bagi menjamin keselamatan penduduk-penduduk serta alam persekitarannya dari segala rupa bentuk pencemaran yang amat merbahaya.

**JAWAPAN**

Sila lihat Jawapan Soalan 4/84 pada 30 Julai 1994

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR  
TARIKH : 11 DISEMBER 1984

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada terdapat pencemaran udara dan air laut yang lebih tinggi di Bandar Kota Kinabalu, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sandakan jika dibandingkan dengan Bandaraya Kuala Lumpur; jika ya, nyatakan sebab-sebab pencemaran berlaku di bandar-bandar tersebut?

**JAWAPAN**

Masalah pencemaran udara di Bandar Kota Kinabalu pada keseluruhannya lebih rendah dari keadaan di Kuala Lumpur. Di setengah-setengah kawasan di Bandar Kota Kinabalu paras abuk terampai (suspended dust) adalah lebih tinggi, dan ini mungkin disebabkan oleh kegiatan pembinaan dan pembaikan jalan. Keadaan ini akan selesai apabila kerja-kerja pembinaan tersebut berkurangan.

Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar tidak ada stesen-stesen pengawasan di Labuan dan Sandakan oleh kerana Pejabat Wilayah baru sahaja dibuka di Sabah. Tambahan lagi, Jabatan itu mengalami kekurangan kakitangan dan kewangan. Adalah hasrat Kementerian saya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pengawasan di bandar-bandar besar di Negeri Sabah dengan secepat mungkin.

Mengenai pencemaran laut pula, adalah sukar untuk dibuat perbandingan oleh kerana Kuala Lumpur adalah berjauhan dari pantai. Walau bagaimanapun, untuk makluman Y.B. Senator, dari data pengawasan laut yang telah dijalankan di kawasan pantai Tanjung Aru Kota Kinabalu, adalah didapati bahawa keadaannya tidak membimbangkan, oleh kerana paras bakteria *E. coli* adalah jauh ke bawah dari paras merbahaya.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Cara-cara mengurangkan abuk terampai di Kota Kinabalu menunjukkan kepekatan dalam lingkungan  $105\mu\text{g}/\text{m}^3$  (mikrogram per satu meter padu) adalah satu keadaan lebih rendah berbanding dengan paras kepekatan yang didapati di Kuala Lumpur sebanyak  $237\mu\text{g}/\text{m}^3$ .

Kementerian saya sentiasa memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan serta Jabatan Pengangkutan Jalan supaya menetapkan syarat-syarat kepada pemborong-pemborong pembinaan khas untuk mencuci kenderaan yang membawa bahan tanah, mengadakan tempat membawa yang sesuai, menutup muatan tanah dan mengurangkan kelajuan apabila di atas jalan tanah berhampiran dengan kawasan kediaman. Pihak Kerajaan Negeri juga disyorkan untuk mengadakan perenjis air (sprinklers) untuk mengawal debu pada hari-hari panas serta mempergiatkan rancangan mengtar jalan-jalan tanah.

2. Pengawasan laut hanya dijalankan di sekitar kawasan pantai di Kota Kinabalu. Data percontohan akhir adalah seperti di Lampiran 'A'. Punca-punca pencemaran laut di kawasan Tanjung Aru adalah dari beberapa restoran dan hotel sepanjang pantai. Pada masa ini hanya kawasan pantai Kota Kinabalu sahaja yang diawasi. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan serta kewangan. Usaha-usaha untuk meneruskan pengawasan ke seluruh pantai-pantai di Negeri Sabah akan dipergiatkan di tahun hadapan.

Jarak bilangan bangkai *E. coli* tiap-tip 100 ml bagi percontohan  
(*E. coli* Average Values)

Tempat Percontohan	Jarak
<b>SEMENANJUNG MALAYSIA</b>	
1. Port Dickson	4 - 478
2. Pahang	2 - 408
3. Pulau Langkawi	4 - 496
4. Kedah	9 - 901
5. Melaka	1,640 - 12,157
<b>SABAH</b>	
6. Tanjung Aru	2 - 70

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM  
TARIKH : 12 DISEMBER 1984

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil penyiasatan Kementerian ini adalah usahanya menghapuskan bau busuk buangan tahi babi di seluruh negara terutama di kampung-kampung yang berjiran dengan kampung-kampung Melayu dan nyatakan juga sama ada:
  - (a) Loji membuat baja dari tahi babi sepertimana yang dijalankan di Sungai Buloh akan diperluaskan ke seluruh negara; dan
  - (b) Kementerian ini ada langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini memandangkan bertambahnya penduduk dan lebih banyak lagi babi akan diternak.

**JAWAPAN**

- (a) Kementerian saya melalui sebuah Jawatankuasa Petugas, yang juga dianggotai oleh Jabatan Haiwan dan Universiti Pertanian Malaysia, telah dan sedang menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengatasi masalah buangan ternakan babi serta mengurangkan bau busuk. Bau busuk dari ternakan babi ini boleh dikurangkan tetapi pada masa kini tiada teknologi yang dapat menghapuskan bau busuk sama sekali.

Projek perintis di Sg. Buloh, Selangor ialah satu projek kajian pengolahan buangan ternakan babi untuk menghasilkan biogas dan ia bukanlah untuk membuat baja. Projek tersebut ialah projek loji perintis dan jika ianya menjadi sesuai dan praktik untuk dilaksanakan, maka usaha akan dijalankan untuk menggalakkan kegunaannya oleh penternak-penternak babi. Selain daripada loji tersebut, satu lagi sistem pengolahan yang terdiri daripada sistem 'filter bed' dan kolam pengoksidaan juga diusahakan. Sistem ini adalah untuk ladang ternakan babi yang mengandungi di antara sebanyak 100 hingga 1,000 ekor babi. Bagi tujuan ini, Kementerian saya sedang dalam proses menyediakan risalah-risalah maklumat untuk diedarkan kepada penternak-penternak babi.

- (b) Untuk mengatasi masalah pembuangan ternakan babi, langkah-langkah jangka panjang adalah seperti berikut:
  - (i) Ternakan babi hendaklah dijalankan di kawasan yang dizonkan khas untuk perindustrian itu;
  - (ii) Effluen ternakan babi tidak dilepaskan ke dalam alur air;
  - (iii) Peningkatan teknologi untuk mengawal pencemaran ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pertanian telahpun mengambilalih pengendalian perkara ini.

Memandangkan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri ialah pihak yang mengeluarkan lesen untuk ternakan babi, maka pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri hendaklah mensyaratkan langkah-langkah tersebut iaitu pengezonan dan kawalan pelepasan effluen di dalam lesen yang dikeluarkan olehnya. Penguatkuasaannya undang-undang dan syarat-syarat itu adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri. Kementerian saya ialah pihak yang memberi nasihat kepada pihak Kerajaan Negeri dari segi mengatasi masalah pencemaran dari ternakan babi.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Projek khas Jabatan Alam Sekitar mengenai kajian-kajian pelepasan effluen ternakan babi telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke 4 berjumlah RM500,000.00 (Ringgit: Lima ratus ribu sahaja). Projek itu dibahagikan seperti berikut:
  - (a) Penternak kecil  
(antara 100-1000 dan 1000 - 5000 ekor babi)  
PojeK dijalankan di Pusat Perkhidmatan Haiwan Sungai Buloh, Selangor.  
- Perbelanjaan untuk membeli peralatan dan lain-lain kos adalah sebanyak RM66,000.00.
  - (b) Projek pertengahan  
(antara 5000 - 10,000 ekor babi)  
Projek ini dirancangan dijalankan di ladang ternakan babi sendiri di Rawang, Selangor. Projek ini masih lagi dalam peringkat perbincangan oleh kerana tuan punya ladang yang telah bersetuju pada dasarnya telah menolak cadangan Jabatan kerana telah memperolehi satu projek biogas bantuan Kerajaan Asing.
2. Agensi-agensi Kerajaan lain seperti Jabatan Haiwan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) sedang menjalankan kajian-kajian tertentu mengenai masalah mengatasi pencemaran buangan ternakan babi.

**1985**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSOFF BIN KASSIM  
TARIKH : 24 APRIL 1985

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Mohd Yusoff bin Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya berpuashati dengan penggunaan LPG di kereta-kereta dan lori-lori kecil iaitu khasnya mengenai pengeluaran asap dari kereta-kereta tersebut; jika ya, sama ada beliau akan menggalakkan lebih banyak lagi kereta-kereta dan lori-lori kecil untuk menggunakannya.

**JAWAPAN**

Ya, Kementerian saya berpuashati dengan penggunaan LPG oleh kereta-kereta dan lori-lori kecil oleh kerana penggunaan LPG mengurangkan pencemar-pencemar udara seperti asap, plumbum dan gas karbon monoksid yang dilepaskan dari ekzos kereta yang berenjin petrol.

Oleh itu, Kementerian saya sentiasa menggalakkan lebih banyak lagi kereta-kereta dan lori-lori kecil menggunakannya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM  
TARIKH : 29 JULAI 1985

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kes yang telah diambil terhadap kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap yang berlebihan pada tahun 1983 dan sehingga bulan Jun, 1985.

**JAWAPAN**

Bilangan kes-kes yang telah diambil tindakan undang-undang melalui kempen penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak polis di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977, adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes
1983	2,509
1984	3,620
1985	1,292 * (sehingga bulan Jun 1985)

\* Bilangan kes hingga bulan Jun sahaja.

Kesemua aduan yang diterima seperti dalam rajah yang di atas telah disiasat kecuali 3 kes lagi yang mana penyiasatan masih dijalankan. Di antara tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar termasuklah:

- (i) Memberi surat amaran dan arahan untuk mengatasi masalah dan pemasangan alat kawalan pencemaran;
- (ii) Mengeluarkan kompaun; dan
- (iii) Mengambil tindakan mahkamah jika didapati kilang telah melanggar peraturan-peraturan yang telah dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Jabatan Alam Sekitar tiada mempunyai rekod mengenai nilai wang kerugian yang dibelanjakan untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran oleh kerana perbelanjaan tersebut biasanya ditanggung oleh pihak pekilang yang bertanggungjawab. Nilai wang yang terlibat akan bergantung kepada kerumitan masalah pencemaran, kos alat-alat kawalan yang perlu dipasang, kos pembersihan, pembayaran kompaun dan juga denda yang dikenakan oleh mahkamah kepada pihak kilang. Kerugian-kerugian yang ditanggung oleh negara dan masyarakat adalah sukar hendak dianggarkan oleh kerana akibat pencemaran bukanlah kos kerugian kewangan semata-mata. Kos yang subjektif tetapi 'real' mestilah diambil kira seperti kerosakan harta benda dan warisan negara seperti udara, air, hutan, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan hidupan-hidupan lain yang juga terpenting sekali, kerugian dari segi kesihatan penduduk-penduduk tempatan yang terancam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM  
TARIKH : 29 JULAI 1985

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) Berapa banyak aduan beliau terima dari orang ramai mengenai pencemaran udara dan air oleh sektor perkilangan berbanding dengan tahun-tahun yang lalu;
  - (b) Dari jumlah aduan itu, berapa banyak tindakan dari Kementerian beliau telah dijalankan; dan
  - (c) Anggaran nilai wang kerugian yang dibelanjakan untuk mengatasi masalah kedua-dua pencemaran itu.

**JAWAPAN**

Jumlah aduan pencemaran daripada orang ramai yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar mengenai pencemaran udara dan air oleh sektor perkilangan adalah seperti berikut:

<b>Jumlah Pencemaran Mengikut Jenis</b>	<b>1980</b>	<b>1981</b>	<b>1982</b>	<b>1983</b>	<b>1984</b>
Pencemaran Udara	138	181	114	119	153
Pencemaran Air	28	42	29	32	30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' HJ ZAKARIA BIN HJ YAHYA  
TARIKH : 30 JULAI 1985

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato' Hj Zakaria bin Hj Yahya** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang data-data dan perangkaan yang dikeluarkan oleh Persatuan Alam Sekitar yang menyebut bahawa lebih dari 50% rakyat Malaysia yang tinggal di bandar-bandar menghadapi risiko rosak pendengaran kerana didedahkan kepada bunyi melampaui paras selamat; jika ya; tindakan Kementerian beliau akan diambil bagi mengatasi perkara itu.

**JAWAPAN**

Saya sedar tentang kenyataan akhbar oleh Persatuan Perlindungan Alam Sekitar pada bulan Jun yang lalu mengenai masalah pencemaran bunyi bising yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang tinggal di bandar-bandar. Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya ada menjalankan kajian mengukur paras bunyi bising di kawasan-kawasan bandar besar, perumahan dan perindustrian di seluruh negara. Punca-punca utama masalah bunyi bising di bandar-bandar ialah lalulintas atau kenderaan dan tempat-tempat perdagangan. Mengikut data-data yang diperolehi, paras bunyi bising di pusat-pusat bandar besar adalah melebihi paras yang disyorkan oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia. Walau bagaimanapun, kajian mengenai risiko rosak pendengaran oleh bunyi bising belum dijalankan. Dalam pada itu, saya tidak dapat menyatakan bahawa 50% daripada penduduk bandar menghadapi risiko itu.

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL GHANI OTHMAN  
TARIKH : 31 JULAI 1985

### SOALAN

1. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang tidak terhingga nilainya kepada manusia dan harus dipelihara untuk dinikmati oleh kita bersama dan generasi akan datang, jika sedar mengapakah Kerajaan hanya bertindak apabila sesuatu masalah kritikal tercemas dan apakah dasar dan rancangan menyeluruh dan jangka masa panjang Kerajaan untuk memelihara alam sekitar supaya generasi yang mewarisinya tidak akan kutuk kita sebagai generasi yang tidak bertanggungjawab.

### JAWAPAN

Saya juga sedar bahawa alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang tidak terhingga nilainya kepada kita dan generasi kita akan datang. Dengan kesedaran ini, Kerajaan tidak hanya bertindak apabila sesuatu krisis berlaku, tetapi Kerajaan telahpun mewujudkan dasar-dasar dan rancangan yang menyeluruh untuk memelihara alam sekitar di negara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang yang meliputi hal-hal alam sekitar, iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah diperkenalkan sejak 10 tahun dahulu dan berbagai Peraturan telah dikuatkuasakan kemudian, manakala sebelum itu banyak aktiviti pembangunan telahpun dijalankan termasuk penubuhan kilang seperti kilang getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain industri perkilangan yang telah membawakan pencemaran alam sekitar. Dengan keadaan yang wujud pada ketika itu, Jabatan Alam Sekitar terpaksa bertindak untuk membersihkan alam sekitar dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan alam sekeliling.

Sementara itu lebih banyak tanah telah diluluskan untuk pembangunan dan juga penubuhan kilang-kilang diluluskan oleh berbagai pihak berkuasa seperti pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri tanpa rujukan kepada Kementerian saya. Hanya dalam 3 tahun kebelakangan, barulah pihak-pihak berkuasa yang berkenaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk menerima garis-garis panduan Jabatan Alam Sekitar dan merujuk kepada Jabatan itu tentang soal-soal

kawalan pencemaran dari pencadang projek.

Kementerian saya telah menggunakan strategi-strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk mengendalikan masalah di dalam negara ini.

Strategi jangka masa pendek meliputi kawalan pelepasan effluen cecair dan pencemar udara dari kilang-kilang yang sedia wujud dan baru.

Strategi jangka masa sederhana meliputi garis panduan alam sekitar untuk agensi-agensi perancangan dan pembangunan bagi membantu mereka untuk mengambil kira langkah-langkah perlindungan alam sekitar di dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek mereka.

Strategi jangka masa panjang ialah untuk menentukan bahawa kualiti alam sekeliling termasuk kualiti alam sekeliling fizikal dan kualiti hidup rakyat yang menjejaskan oleh projek pembangunan diambilkira di dalam pembangunan. Ini bermakna satu strategi yang meliputi suatu pendekatan yang bersepadu (integrated) dengan merangkumi perancangan awal di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan alam sekeliling. Tambahan lagi, strategi ini bertujuan mengadakan dimensi sekeliling di dalam perancangan pembangunan.

Walau apapun, strategi yang disebutkan itu hanya akan berjaya dengan kerjasama penuh dari pihak-pihak berkuasa tempatan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pencadang-pencadang projek.

Berkenaan aspek pemuliharaan, Kerajaan Pusat bekerjasama rapat dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan beberapa taman negara, hutan simpanan, kawasan pemuliharaan flora dan fauna telah diwujudkan baik di darat mahupun di laut.

Satu Pelan Induk bagi Pemuliharaan Alam Semulajadi telahpun disediakan oleh Kementerian saya. Cadangan-cadangan untuk mengadakan taman-taman negara, rezab dan 'sanctuary' hidupan liar telahpun dikemukakan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, memandangkan soal tanah ialah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Cadangan untuk mengekalkan kawasan hutan di kawasan-kawasan tadahan air juga dibentangkan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri.

Bagi kawasan yang telah dimajukan, cadangan juga dibuat untuk meminta pihak-pihak yang berkenaan untuk mengindahkan kawasan yang dibuka untuk pembangunan supaya kawasan itu dapat dipulih dari alam semulajadi kawasan itu akan menjadi lebih sempurna.

Yang penting sekali untuk diingati ialah usaha-usaha Kerajaan akan menjadi sia-sia belaka melainkan rakyat menyedari kepentingan perlindungan alam sekitar dan bertindak ke arah tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN NEN ABIDAH BT. HJ. ABDULLAH  
TARIKH : 31 JULAI 1985

**SOALAN**

1. **Puan Nen Abidah bt. Hj. Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa pembukaan kilang baru di Padang Rengas mengeluarkan debu yang banyak, membimbangkan penduduk di sekitar kilang tersebut, apakah ikhtiar Kementerian berkenaan untuk mengatasi perkara ini, dan sudahkah Kementerian berkenaan menyaksikan keadaan ini dan nyatakan tindakan yang akan diambil.

**JAWAPAN**

Mengenai kilang batu di Padang Rengas dan masalah pencemaran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di Ipoh telah menjalankan penyiasatan di sekitar kawasan Padang Rengas pada 24hb. Julai ini. Adalah didapati bahawa sebuah kuari, iaitu Sendayan Rock Products, telahpun beroperasi semenjak tahun 1984 tanpa apa-apa alat kawalan pencemaran dan cadangan membuka kilang batu itu tidak dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu. Jabatan Alam Sekitar telah mengarah pihak kilang supaya memasang alat-alat kawalan yang perlu, yang lazimnya dalam tempoh 3 bulan, dan tindakan undang-undang akan diambil jika kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi oleh pihak kilang tersebut tanpa apa-apa alasan yang munasabah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN  
TARIKH : 9 DISEMBER 1985

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan keadaan di negara kita sekarang di mana pencemaran dari beberapa punca menjadi masalah serius, apakah langkah-langkah yang beliau akan mengambil untuk mengawal keadaan ini dari segi undang-undang dan menguatkuasakannya.

**JAWAPAN**

Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah menggubal dan sedang menguatkuasakan beberapa Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengawal dan mencegah pencemaran. Bagi tujuan untuk mengawal punca-punca pencemaran air terdapat 3 undang-undang yang telah sedia ada dan giat dikuatkuasakan iaitu:

- (i) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) 1977;
- (ii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978, dan
- (iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

Bagi tujuan untuk mengawal pencemaran udara dari punca-punca yang tetap dan tidak bergerak (stationary sources), seperti kilang-kilang, undang-undang yang berkenaan dikuatkuasakan ialah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Bagi kawalan punca-punca yang bergerak (mobile sources) seperti bas, lori pula, pelepasan-pelepasan dari kenderaan diesel dikehendaki mematuhi standard-standard yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Dua Peraturan baru untuk menghadkan pelepasan asap dan gas dari enjin diesel dan enjin petrol adalah sedang disediakan dan dijangka

akan dikuatkuasakan pada awal Rancangan Malaysia Kelima; Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telahpun diluluskan pada 4 Disember baru-baru ini oleh Dewan yang mulia ini untuk melicinkan pelaksanaan tugas ini. Sementara itu, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan dan sesi dialog telah diadakan dengan pihak perusahaan pengangkutan bagi mendapat kerjasama yang lebih rapat.

Di samping itu, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985 telahpun diadakan untuk mengurangkan kandungan plumbum di dalam gasolin (petrol) secara berperingkat. Mulai bulan Julai 1985, kandungan plumbum telah dikurangkan dari 0.84 gm tiap-tiap satu liter ke 0.4 gm tiap-tiap satu liter dan selanjutnya ke paras 0.15 gm tiap-tiap satu liter pada 1990.

Satu lagi masalah pencemaran yang tidak kurang pentingnya ialah pelupusan bahan-bahan buangan toksik. Satu peraturan khas sedang disediakan untuk mengawal masalah ini dan dijangka akan dikuatkuasakan dalam tahun 1986.

Kesemua undang-undang dan peraturan-peraturan yang disebutkan di atas tadi telahpun dikuatkuasakan melalui Jabatan Alam Sekitar, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Bagi pencemaran bunyi bising, Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses menggubalkan peraturan-peraturan untuk mengawal masalah ini. Berkenaan dengan bau busuk dari kilang-kilang getah, kilang-kilang ini adalah dilengkapi dengan alat-alat untuk mengurangkan keadaan bau busuk. Satu lagi punca bau busuk ialah dari ternakan babi dan masalah ini disebabkan oleh penempatan ladang ternakan babi. Pihak yang mengeluarkan lesen untuk ternakan babi ialah Kerajaan Negeri dan adalah diharapkan bahawa pihak Kerajaan Negeri akan mendapatkan satu tapak yang sesuai dan jauh dari kawasan kediaman dan sungai-sungai dan juga pihak Kerajaan Negeri akan mengenakan syarat-syarat terhadap pelupusan pembuangan serta kaedah-kaedah untuk membersihkan kandang babi.

Pencemaran sungai dan anak sungai yang disebabkan oleh pelepasan najis dari rumah yang tidak diolah serta pembuangan sampah sarap, pembangunan tanah, perlombongan dan sebagainya. Kawalan ke atas semua aktiviti ini adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan-Kerajaan Tempatan. Pihak Jabatan Alam Sekitar telah menyediakan garis-garis panduan kepada pihak-pihak yang berkuasa itu supaya mereka dapat mengambil langkah-langkah untuk mencegah terjadinya pencemaran dari punca-punca ini. Tambahan lagi Jabatan Alam Sekitar juga memberikan khidmat nasihat kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri yang memerlukannya.

Pada amnya masalah dan keadaan pencemaran di negara ini adalah terkawal dan pengawasan dan pengawalan keadaan alam sekitar akan terus dipertingkatkan dari masa ke masa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD  
TARIKH : 13 DISEMBER 1985

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa sebelum Malaysia dapat memasuki pasaran dunia Malaysia hendaklah mengadakan Pusat Penyelidikan yang bertaraf "International" supaya negara kita dapat mengeluarkan hasil-hasil teknologi yang moden yang dapat dipasarkan dengan jayanya di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tidak bolehlah dinafikan bahawa sebelum barangan keluaran Malaysia dapat bersaing di dalam pasaran dunia, barangan keluaran itu mestilah mencapai satu taraf yang tinggi dalam mutunya serta juga dikeluarkan dari teknologi yang dapat mengeluarkan barangan itu dengan kos yang setaraf dengan barangan yang dikeluarkan oleh lain-lain negara. Oleh yang demikian, kita hanya dapat menghadapi persaingan pasaran dunia dengan memperkenalkan teknologi moden dan yang berkesan kepada sektor perindustrian kita supaya meningkatkan lagi produktiviti dan mutu pengeluaran mereka. Jika sektor perindustrian Malaysia hendak maju ke depan, ia memerlukan satu infrastruktur sains dan teknologi yang dapat mengekal dan mengukuhkan keupayaan teknologi negara ini. Mendirikan pusat-pusat penyelidikan untuk mengekalkan dan mengukuhkan usaha-usaha kerajaan dalam membangun sebuah sektor perindustrian yang dapat mengeluarkan barangan yang setanding dengan keluaran barangan negara-negara maju adalah di antara objektif utama Kementerian saya.

Untuk mengeluarkan hasil-hasil teknologi yang moden yang dapat dipasarkan dengan jayanya, keutamaan mestilah diberikan kepada usaha untuk mencipta teknologi di mana negara kita mempunyai kekuatan seperti dalam bidang teknologi untuk memproseskan hasil-hasil barangan utama negara seperti getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain lagi.

Kementerian saya telah mencadangkan penubuhan sebuah Pusat Pindahan Teknologi untuk menemui keperluan sektor perindustrian. Adalah dijangka bahawa pusat-pusat penyelidikan yang didirikan itu akan memberi keutamaan untuk meningkatkan lagi keupayaan rekabentuk dan fabrikasi, bantuan teknikal dan perundingan dalam usaha mencipta teknologi-teknologi yang moden. Saya berharap sektor perindustrian dapat memberi sumbangannya supaya meningkatkan lagi perhubungan di antara sektor swasta dan sektor awam khususnya dengan Kementerian saya.



**1986**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI ISHAK BIN ABDUL RAHMAN  
TARIKH : 7 APRIL 1986

**SOALAN**

1. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adanya pencemaran di kawasan Batu Maung di Pulau Pinang akibat kegiatan memelihara babi dan pencemaran lumpur merah (dari tanah merah yang ditimbus) di beberapa kawasan berhampiran Batu Feringgi, jika sedar:
  - (a) Apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil;
  - (b) Kemungkinan pencemaran seluruh pantai mengurangkan minat pelancong ke Pulau Pinang;
  - (c) Kemungkinan mengakibatkan putus mata pencarian nelayan kecil terutama perusahaan memelihara kerang.

**JAWAPAN**

Saya sedar bahawa adanya masalah pencemaran di kawasan Batu Maung di Pulau Pinang akibat kegiatan memelihara babi dan pencemaran lumpur merah di beberapa kawasan Batu Feringgi yang mungkin mengurangkan minat pelancong ke Pulau Pinang. Kementerian saya telah mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah pencemaran oleh buangan-buangan ternakan babi yang terdapat di seluruh negara. Satu Jawatankuasa Kebangsaan terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, Jabatan Haiwan, Universiti Pertanian Malaysia, SIRIM dan Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah ditubuhkan untuk meneliti dan mengkaji masalah penternakan babi di seluruh negara dan menetapkan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Tindakan-tindakan tersebut ialah:-

- (a) Menjalankan kajian kemungkinan bagi menentukan keadaan sebenar pencemaran oleh buangan-buangan ternakan babi dan menetapkan sistem pengolahan yang sesuai.

- (b) Menyelaraskan kajian pembentukan teknologi kawalan bagi buangan ternakan babi oleh pihak SIRIM dan Universiti Pertanian Malaysia.

Setakat ini satu sistem pengolahan ternakan babi peringkat 'pilot plant' telah diwujudkan dan sedang digunakan di ladang ternakan babi Jabatan Haiwan Sungai Buloh untuk mengolah buangan-buangan dari 100 - 1,000 ekor babi. Universiti Pertanian Malaysia juga telah menjalankan satu kajian prestasi ke atas sistem pengolahan yang terdapat di beberapa negeri dan kriteria-kriteria reka-bentuk sistem pengolahan bagi ladang ternakan babi yang berbilangan di antara 1,000 - 10,000 ekor telah disediakan.

Tentang masalah pencemaran buangan ternakan bagi Negeri Pulau Pinang dan kemungkinan mengakibatkan putus mata pencarian nelayan kecil terutama perusahaan menternak kerang, saya difahami bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun meminta peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk pembinaan sebuah sistem pengolahan berpusat bagi mengolah buangan tersebut. Dalam pada itu pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pula telah siap membina satu sistem kolam pengolahan yang bernilai \$500,000 untuk mengolah buangan di kawasan Batu Maung. Dengan itu, kesan pencemaran dari punca tersebut akan dapat dikurangkan.

Tentang pencemaran lumpur merah pula, ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya dan saya juga difahami bahawa perkara ini adalah di dalam perhatian Jabatan berkenaan. Jabatan Kerja Raya telahpun menghentikan segala kegiatan menimbus tanah di beberapa kawasan berhampiran Batu Feringgi yang dijalankan oleh pihak pemaju.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN NAM  
TARIKH : 7 APRIL 1986

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah bilangan kenderaan yang telah disaman akibat pencemaran asap kenderaan bagi tahun 1985 serta jumlah bayaran kompaun yang telah dikenakan ke atas pemandu dan pengusaha kenderaan tersebut.

**JAWAPAN**

Bilangan kenderaan yang disaman akibat pencemaran asap berlebihan adalah seperti berikut:-

Bagi tahun 1983	-	2,509 buah
1984	-	2,620 buah
1985	-	2,059 buah

Jumlah bayaran kompaun yang telah dibayar oleh pemandu dan pengusaha kenderaan adalah:-

Bagi tahun 1983	-	sebanyak \$65,406.00
1984	-	sebanyak \$106,930.00
1985	-	sebanyak \$46,760.00

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN AINON ARIFFIN  
TARIKH : 11 APRIL 1986

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Aion Ariffin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar pencemaran udara kotor dan keadaan bencana alam seperti banjir di kawasan yang tidak sepatutnya banjir yang kian meningkat di negara ini, dan apakah tindakan-tindakan yang telah dirancang bagi mengatasinya, terutama pencemaran bahan-bahan kotor di tempat-tempat kediaman, jenis-jenis penyakit yang merebak berpunca dari kekotoran udara di kawasan bandar-bandar.

**JAWAPAN**

Masalah banjir yang boleh menjejaskan sosio-ekonomi serta mendatangkan kesan-kesan buruk adalah di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair dan terpulanglah kepada jabatan tersebut untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Begitu juga berkenaan dengan bahan-bahan kotor di tempat-tempat kediaman yang mana adalah di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Kementerian adalah bertanggungjawab dengan masalah pencemaran udara dan tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:

- a) Menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling dengan peraturan-peraturannya yang ketat.
- b) Mengadakan dialog dengan pihak pengangkutan awam untuk mendapatkan kerjasama mereka.
- c) Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar seperti yang telah dilancarkan di negeri Selangor pada 4 Mac 1986.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM  
TARIKH : 18 APRIL 1986

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat bas-bas yang mengeluarkan asap hitam menjalankan perkhidmatan di bandaraya Kuala Lumpur. Jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak penguatkuasa berkenaan bagi mengatasi perkara ini.

**JAWAPAN**

Ya, saya sedar. Kementerian saya memberi perhatian berat terhadap pencemaran udara oleh kenderaan-kenderaan di bandaraya Kuala Lumpur, khususnya yang bermotor diesel.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Jabatan Alam Sekitar telah meningkatkan lagi penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap & Gas) 1977. Satu pasukan penguatkuasaan tambahan telah ditubuhkan di Pejabat Wilayah Tengah Jabatan Alam Sekitar yang menumpukan tindakan di Bandaraya Kuala Lumpur;
2. Satu pasukan peronda Jabatan Alam Sekitar bersama dengan pihak polis Kuala Lumpur menjalankan kegiatan mengecam dan menguji kenderaan bermotor serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan;
3. Sesi-sesi dialog telah diadakan dengan sektor pengangkutan bagi mengetahui masalah mereka dan mendapat kerjasama mengawal pencemaran udara.
4. Skim penyertaan orang ramai membuat aduan mengenai kenderaan yang didapati mengeluarkan asap hitam dengan menggunakan kad aduan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar; dan
5. Jabatan Alam Sekitar telah melancarkan perkhidmatan ujian asap **secara percuma** kepada tuan punya dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti teksi, bas, lori dan lain-lain lagi termasuk tuan punya kenderaan persendirian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI IBRAHIM B. HAJI UJANG  
TARIKH : 17 DISEMBER 1986

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah program yang telah disusun bagi menjamin penduduk bandar besar mendapat udara bersih, dan apakah jaminan bagi penduduk luar bandar yang tinggal berhampiran dengan kilang-kilang yang sentiasa mengeluarkan udara kotor dan bau busuk yang boleh memberi keadaan kurang selesa.

**JAWAPAN**

Program-program kawalan alam sekitar yang telah disusun oleh Kerajaan adalah untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan semua rakyat dan penduduk, baik yang di bandar mahupun yang di luar bandar. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan program-program khusus untuk mengawal dan mengawasi kualiti udara seperti berikut:

- (i) Program menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 untuk mengawal pencemaran udara yang disebabkan oleh:
  - (a) Pelepasan gas toksik, abuk, bendasing dan asap dari kilang-kilang;
  - (b) Pembakaran terbuka;
  - (c) Bau busuk
- (ii) Program menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985 dengan menentukan paras isi kandungan plumbum dalam minyak petrol diturunkan dari 0.84 gram tiap-tiap satu liter ke 0.4 gram tiap-tiap satu liter dan dikuatkuasakan semenjak 1 Julai 1985. Paras plumbum dalam minyak petrol akan dikurangkan lagi ke 0.15 gram tiap-tiap satu liter pada 1 Januari 1990;

- (iii) Menjalankan kempen-kempen penguatkuasaan bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan-kenderaan diesel mengikut Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 bersama dengan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (iv) Menghadkan program pengawasan kualiti udara di seluruh negara;
- (v) Mengadakan kempen-kempen kesedaran orang ramai supaya mencintai dan memelihara alam sekitar yang kita warisi bersama;
- (vi) Menyediakan garis panduan penempatan dan pengezonan perusahaan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Di mana tapak perindustrian yang pada masa ini tidak lagi didapati sesuai, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam mengenalpasti tapak-tapak kilang yang baru dan lebih sesuai dan terkawal;
- (vii) Selain dari itu, Kerajaan bekerjasama dengan Penguasa Kuasa Tempatan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam menjalankan tindakan bersama dan bersepadu serta menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar.

Dengan adanya program-program ini, keadaan udara akan bertambah baik dan kesihatan serta kesejahteraan penduduk adalah lebih terjamin.

### **Maklumat Tambahan**

Di sepanjang tahun 1986 (sehingga November) jumlah kompaun yang dipungut oleh Jabatan Alam Sekitar ialah sebanyak RM87,345.00. Daripada jumlah ini, RM69,550 adalah daripada pihak kilang kerana melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Antara peraturan-peraturan yang dimaksudkan ialah:


- (i) Pembakaran terbuka (P.U.B. II)
- (ii) Membina alat-alat/kelengkapan tanpa kebenaran (P.U.B. 8, 36, 38)
- (iii) Asap hitam (P.U.B. 15)
- (iv) Lain-lain (seperti tidak mengendalikn peralatan kawalan - P.U.B. 40)

Manakala RM17,795.00 adalah daripada tuan-tuan punya kenderaan yang didapati melanggar peraturan mengenai had pelepasan asap hitam di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

**KES-KES DIKOMPAN DAN DIBERI ARAHAN  
SEHINGGA NOVEMBER 1986**

<b>Perkara Punca</b>	<b>Jenis-Jenis Kesalahan</b>	<b>Jumlah Kes Dikompaun</b>	<b>Kompaun Yang Dipungut \$</b>	<b>Jumlah Kes Didakwa Di Mahkamah</b>	<b>Jumlah \$</b>	<b>Arahan/Amaran</b>
Kilang	Pembakaran Terbuka	139	35600	9	4000	Arahan di bawah sek. 31,37 = 22 kilang
	Membina Alat/ Kelengkapan Tanpa Kelulusan	81	23800	1	4500	
	Asap Hitam	25	8850	1	2000	Arahan biasa = 105 kilang  Amaran = 2 kilang
	Melanggar Syarat Lesen			12	28100	
	Menduduki PYDT Tanpa Lesen			1	3000	
	Melepaskan Effluen Yang Tidak Mematuhi Standard Tanpa Lesen			7	11500	
	Lain-lain	5	1300	7	1300	
Kenderaan	Melepaskan , Asap Hitam Melebihi Had Yang Dibenar- kan		17795			
<b>JUMLAH</b>		<b>250</b>	<b>87345</b>	<b>38</b>	<b>54400</b>	

**1987**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN G. RAJOO  
TARIKH : 4 DISEMBER 1987

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (i) Sama ada beliau sedar pembuangan sampah yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan berhampiran kawasan-kawasan perumahan telah menjejaskan kebersihan udara dan kesihatan penduduk-penduduk di persekitaran tempat ini;
  - (b) Jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk melaksanakan projek pembuangan sampah dengan cara yang lebih selamat dan "hygienic"; dan
  - (c) Sama ada Kerajaan akan berusaha membina tempat membakar sampah (incinerator) di setiap bandar di negara ini. Jika tidak, kenapa?

**JAWAPAN**

Saya minta izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Y.B. Senator Dato' Dr. K.S. Nijhar yang dijadualkan untuk 9 Disember ini oleh kerana kedua-dua pertanyaan merujuk kepada perkara yang sama. Saya sedar terdapatnya beberapa tapak pelupusan pihak berkuasa tempatan yang terletak berhampiran kawasan-kawasan perumahan. Pengendalian pelupusan sampah sarap di tapak-tapak tersebut telah menimbulkan kacau-ganggu khususnya dari segi bau busuk dan abuk terhadap penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan. Oleh kerana saya tidak berpuashati dengan keadaan ini, maka Jabatan Alam Sekitar telah berhubung dengan pihak-pihak berkuasa tempatan berkenaan supaya langkah-langkah diambil oleh mereka bagi menyelesaikan masalah bau busuk dan abuk tersebut. Walau bagaimanapun, dalam pada itu belum ada sebarang kes yang menunjukkan bahawa kesihatan penduduk di kawasan sedemikian adalah terjejas.

Berkenaan dengan penggunaan tempat membakar sampah atau "incinerator", memandangkan kos pelupusan sampah sarap melalui "incinerator" adalah berlipat ganda jika dibandingkan dengan kos pelupusan sampah sarap ke atas tanah, maka tidaklah ekonomik untuk menggunakan "incinerator" di setiap bandar. Walaupun demikian, keputusan mengenai hal ini terpulanglah kepada pihak Kerajaan tempat masing-masing.

Saya difahamkan bahawa di dalam usaha-usaha Kerajaan bagi melaksanakan projek pelupusan sampah sarap dengan cara yang lebih sempurna, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang merumuskan satu Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Pengurusan Buangan Pepejal atau Sampah Sarap. Pelan ini akan mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap pihak berkuasa tempatan di negara ini di dalam hal pengurusan sampah sarap dan mengesyorkan sistem-sistem pelupusan yang sesuai untuk digunakan di negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN G. RAJOO  
TARIKH : 8 DISEMBER 1987

**SOALAN**

1. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa Sungai Gombak di Kuala Lumpur dan beberapa buah sungai di seluruh negara ini telah 'mati' (biologically dead); jika benar, apakah cadangan Kementerian untuk mengadakan suatu sistem pengawasan yang berterusan untuk mengawasi sungai-sungai di negara ini tidak dicemari oleh sampah, kimia dari kilang dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tidak benar, istilah 'mati' atau 'biologically dead river' dalam konteks ini tidak tepat. Ertikata 'biologically dead river' memanglah bermaksud bahawa sesebuah sungai langsung tidak mempunyai sebarang kehidupan termasuk bakteria dan organisma-organisma lain. Sebenarnya jika sebuah sungai telah dicemari sehingga ianya tidak lagi mempunyai sebarang kehidupan seperti tersebut, maka ianya memang tercemar dengan bahan-bahan toksik ke satu tahap yang boleh dikatakan sungai itu mati. Keadaan seperti ini tiada wujud di mana-mana sungai di Malaysia termasuk sungai Gombak.

Walau bagaimanapun, untuk mengawasi keadaan pencemaran di sungai-sungai di negara kita, Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan satu program pengawasan kualiti air sejak 1978 yang melibatkan Oksigen Biokimia yang Diperlukan, Ammoniakal-Nitrogen, Pepejal Terampai dan logam-logam berat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' K.S. NIJHAR  
TARIKH : 9 DISEMBER 1987

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato' K.S. Nijhar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan cara pembuangan serta kemudahan-kemudahan untuk memproses bahan-bahan buangan pepejal di bandar-bandar. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan tidak ada kesan buruk atas kesihatan awam dan alam sekitar.

**JAWAPAN**

Pertanyaan mulut ini adalah serupa dengan pertanyaan mulut dari Y.B. Tuan G. Rajoo pada 4 Disember 1987, dan jawapan kepada kedua-dua pertanyaan itu telah diberi oleh Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada hari itu juga. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM  
TARIKH : 17 DISEMBER 1987

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah keadaan pencemaran air, udara dan bunyi di negara ini pada masa sekarang. Adakah usaha-usaha memperbaiki keadaan tersebut telah diusahakan dan nyatakan kejayaan-kejayaannya. Berapakah perbelanjaan Kementerian yang telah digunakan bagi menjamin mutu alam sekitar yang baik di negara ini.

**JAWAPAN**

Pada keseluruhannya keadaan pencemaran pada masa sekarang pada keseluruhannya adalah terkawal. Walau bagaimanapun keadaan pencemaran di kawasan-kawasan tertentu masih didapati melebihi keadaan yang boleh diterima dan tindakan lanjut yang wajar sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar. Misalnya, berhubung dengan pencemaran udara paras habuk terampai telah didapati melebihi standard-standard yang ditetapkan di kawasan-kawasan tertentu di beberapa bandar, iaitu Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Inanam di Sabah, Melaka Tengah, Klang, Georgetown, Butterworth, Pasir Gudang, Bintulu, Shah Alam dan Kuala Terengganu. Paras plumbum di udara didapati memuaskan di bandar-bandar di mana ianya diawasi, iaitu Georgetown, Shah Alam dan Melaka; akan tetapi didapati melebihi standard di kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, paras plumbum di udara pada keseluruhannya sedang turun dan ini memanglah disebabkan paras kandungan plumbum di dalam petrol telah dihadkan melalui peraturan-peraturan iaitu dari 0.8 milligram seliter ke 0.4 milligram seliter pada 1 hb Januari 1986; ini adalah atas sebab plumbum yang terkandung di dalam petrol merupakan punca utama pelepasan plumbum ke udara.

Berhubung dengan pencemaran air, keadaan pada keseluruhannya didapati bertambah baik berdasarkan data-data kualiti air yang dianalisa bagi tahun 1985 dan 1986. Pada tahun 1985, didapati 26 daripada 35 sungai yang diawasi di

seluruh negara adalah dalam keadaan kualiti yang memuaskan dari segi pencemaran oleh bahan-bahan organik; manakala dari segi pencemaran oleh pencemar-pencemar yang mungkin berasal dari buangan kumbahan dan buangan ternakan didapati 25 daripada 35 sungai itu dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar. Keadaan kualiti air sungai dari segi kandungan pepejal terampai, iaitu pepejal yang kebanyakannya berasal dari hakisan tanah didapati masih tidak begitu memuaskan. Bagi tahun 1985 semua 35 sungai yang diawasi didapati mengandungi pepejal terampai yang melebihi standard-standard tertentu.


Walau bagaimanapun penganalisaan data-data bagi tahun 1986 telah menunjukkan bahawa keadaan kualiti air di lima sungai telahpun bertambah baik dari segi pencemaran organik, manakala keadaan kualiti dari segi parameter-parameter lain tidak begitu berubah.

Keadaan pencemaran bunyi bising didapati merupakan masalah hanya di beberapa kawasan yang berhampiran punca-punca tertentu. Bunyi bising disebabkan oleh kenderaan bermotor akan mula dikawal tidak lama lagi dengan dikuatkuasakan Peraturan-peraturan Kawalan Bunyi Bising yang telah diwartakan tahun ini. Punca-punca lain bunyi bising buat sementara waktu sedang dikawal melalui perintah yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah peruntukan kuasa tertentu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di mana didapati masalah bunyi bising berbangkit.

Mengenai usaha-usaha kawalan pencemaran air dan udara, saya ingin memaklumkan bahawa selain dari program-program pengawasan, Jabatan Alam Sekitar telah juga melaksanakan program-program kawalan punca-punca pencemaran yang melibatkan penguatkuasaan lima peraturan-peraturan kawalan bagi pelbagai punca perindustrian dan kenderaan bermotor.

Tentang perbelanjaan bagi program-program Kementerian untuk menjamin kualiti alam sekitar saya ingin menyatakan bahawa bagi tahun ini jumlah sebanyak \$8,854,500.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk belanjawan mengurus dan \$3,390,000.00 untuk belanjawan pembangunan.

**1988**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU KENG SIONG  
TARIKH : 31 MAC 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kebanyakan kenderaan berjentera diesel sentiasa mengeluarkan terlalu banyak asap yang boleh membahayakan kesihatan orang ramai disebabkan kotoran udara. Apakah langkah-langkah yang diperlukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengatasi keadaan yang telah berlarutan.

**JAWAPAN**

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak polis telah menjalankan kerja penguatkuasaan di tepi jalan untuk menentukan kenderaan berenjin diesel sentiasa mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Sejak tahun 1979 hingga akhir bulan Februari tahun ini, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan 1,389 operasi penguatkuasaan dan menjalankan ujian ke atas 127,985 kenderaan. Pada setakat ini kenderaan diesel yang dapat mematuhi had pelepasan asap telah bertambah, iaitu 85% berbanding dengan 35% pada tahun 1977.

Langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi keadaan yang telah berlarutan ialah:

- (i) Pejabat-Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri terus memberi perkhidmatan nasihat dan ujian asap percuma kepada tuanpunya kenderaan;
- (ii) Satu Jawatankuasa Petugas Kebangsaan yang terdiri dari persatuan-persatuan perusahaan pengangkutan, persatuan pembuat kenderaan dan agensi penguatkuasaan terus menyelaras usaha bagi mengatasi masalah pencemaran yang berasal dari kenderaan; dan
- (iii) Peraturan-peraturan baru untuk mengawal pencemaran kenderaan di peringkat rekaan dan pembinaan yang masih dalam peringkat penggubalan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN NG PENG HAY  
TARIKH : 1 APRIL 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) apakah usaha Kementerian untuk membantu Melaka dalam projek Bersih dan Segar; dan --
  - (b) apakah Kementerian sedar kilang getah MARDEC di Durian Tunggal, kilang getah Lee Rubber di Bachang dan kilang getah Hai Guan di Bachang mencemarkan Sungai Melaka dan udara persekitaran. Kenapa Kementerian tidak mengambil tindakan tegas untuk memindah kilang-kilang tersebut ke kawasan yang jauh dari rumah kediaman bagi menjamin beratus-ratus ribu penduduk-penduduk di bandar Melaka.

**JAWAPAN**

- (a) Kementerian saya mengalu-alukan projek Bersih dan Segar dan bantuan yang diberi adalah:
  - (i) Menyertai Program Perkhemahan Alam Sekitar (Envirocamp) untuk murid-murid sekolah bagi menggalakkan dan meninggikan percintaan dan penghargaan terhadap alam sekitar;
  - (ii) Mempertingkatkan lawatan dan perjumpaan dengan pihak perusahaan bagi memberi nasihat dan panduan menjaga kebersihan alam sekitar;
  - (iii) Meningkatkan aktiviti pengawalan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran termasuk kempen penguatkuasaan kawalan asap kenderaan bermotor;

- (iv) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam mengadakan kempen kesedaran dan program Sambutan Hari Alam Sekitar.
- (b) Kerajaan memang sedar terhadap masalah yang ditimbulkan oleh kilang getah MARDEC, Lee Rubber dan Hai Guan. Sejak Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 April 1979, MARDEC dan Lee Rubber telah dilesenkan dan sistem pengolahan telah dipasang dan prestasinya dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut kemajuan teknologi. Pelepasan kilang ini didapati memenuhi standard dan keadaan alam sekitar adalah didapati bertambah baik. Kualiti pelepasan air kotor dari Hai Guan didapati tidak begitu banyak kerana kapasiti operasinya kurang dari 5 tan sehari. Walaupun kilang ini tidak dilesenkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, kilang ini dikehendaki mematuhi Kod Amalan Baik bagi menentukan pelepasannya tidak mendatangkan kesan buruk.

Berkaitan dengan bau dari kilang getah, perlulah ditegaskan bahawa semua kilang getah melepaskan bau getah dan setakat ini tiada teknologi yang boleh menghindari bau ini dengan seratus peratus. Walau bagaimanapun, alat kawalan dipasang untuk mengurangkan kesan bau ini. Selain daripada ini, kilang itu juga dikehendaki menjaga kolam air kotor mereka mengikut amalan kejuruteraan yang baik supaya mengurangkan paras pelepasan bau.

Kilang berkenaan telah dibina beberapa tahun yang lalu dan setakat ini telah dikelilingi oleh kawasan kediaman. Dari segi jangka panjang, adalah lebih sesuai kilang berkenaan dipindah ke tapak yang lebih jauh dari kawasan kediaman. Dalam hal ini, adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan tapak yang lebih sesuai untuk kilang-kilang berkenaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' K.S. NIJHAR  
TARIKH : 4 APRIL 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah pencemaran udara dengan asap kotor dari teksi-teksi, bas-bas dan lori di bandar-bandar negara kita.

**JAWAPAN**

Jabatan Alam sekitar dengan kerjasama pihak polis telah menjalankan kerja penguatkuasaan di tepi jalan untuk menentukan kenderaan berenjin diesel sentiasa mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Sejak tahun 1979 hingga akhir bulan Februari tahun ini, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan 1,389 operasi penguatkuasaan dan menjalankan ujian ke atas 127,985 kenderaan. Pada setakat ini, kenderaan diesel yang dapat mematuhi had pelepasan asap telah bertambah, iaitu 85% berbanding dengan 35% pada tahun 1977.

Langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi keadaan yang telah berlarutan ialah:

- (i) Pejabat-Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri terus memberi perkhidmatan nasihat dan ujian percuma kepada tuanpunya kenderaan;
- (ii) Satu Jawatankuasa Petugas Kebangsaan yang terdiri dari Persatuan-persatuan perusahaan pengangkutan, persatuan pembuat kenderaan dan agensi penguatkuasaan terus menyelaras usaha bagi mengatasi masalah pencemaran yang berasal dari kenderaan; dan
- (iii) Peraturan-peraturan baru untuk mengawal pencemaran kenderaan di peringkat rekaan dan pembinaan yang masih dalam peringkat penggubalan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. SENATOR DR. TAN CHONG KENG  
TARIKH : 11 JULAI 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah masalah pencemaran air kawasan Kuala Juru di Seberang Perai oleh bahan kimia buangan kilang-kilang telah dikawalkan. Adakah langkah-langkah tertentu diambil supaya menentukan bahawa kerang dan tangkapan yang lain adalah bebas daripada pencemaran dan selamat untuk dimakan.

**JAWAPAN**

Memang benar, pencemaran air di kawasan Kuala Juru di Seberang Perai sebahagian besarnya disebabkan oleh bahan kimia yang dibuang dari kilang-kilang berdekatan. Untuk mencegah dari pencemaran ini terus berlaku, Kerajaan telah menggubalkan Peraturan-Peraturan Kualiti -Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian). Peraturan-Peraturan ini dikuatkuasakan mulai tahun 1981.

Sejak Peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan, semua kilang utama di kawasan Kuala Juru seperti juga kilang-kilang di tempat-tempat lain dikehendaki memasang sistem pengolahan effluen untuk mencegah pencemaran berlaku. Nampaknya tindakan ini berkesan. Kini, pencemaran air akibat dari bahan kimia buangan dari kilang-kilang tersebut kian terkawal dan keadaan semakin bertambah baik.

Untuk menentukan kerang dan tangkapan laut yang lain bebas daripada pencemaran, kualiti air Sungai Juru sentiasa diawasi melalui Program Pengawasan Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar. Tambahan lagi, selaras dengan perakuan yang dibuat di Mesyuarat Keselamatan Makanan yang telah dianjurkan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini, satu Jawatankuasa terdiri dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Kementerian Kesihatan dan pakar-pakar Universiti telah ditubuhkan untuk mengawasi mutu kualiti makanan laut berkulit (shell fish), termasuk juga kerang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN PANDIKAR AMIN HAJI MULIA  
TARIKH : 30 NOVEMBER 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Pandikar Amin Haji Mulia** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya:
  - (a) Sedar dengan adanya ancaman gas "chlorofluorocarbon" atau gas CFC yang memusnahkan lapisan ozon yang melindungi bumi yang mengakibatkan keadaan cuaca yang tidak **menentu dan sukar diramal**;
  - (b) Kalau sedar apakah tindakan Kerajaan mengenai dengan masalah ini?

**JAWAPAN**

- (a) Ya, Kerajaan memang sedar akan ancaman gas CFC yang mengikut saintis boleh memusnahkan lapisan ozon yang melindungi permukaan bumi dari terus terdedah kepada sinaran cahaya ungu matahari (ultra-violet rays), tetapi gas CFC tidak menyukarkan ramalan cuaca atau menyebabkan kajicuaca yang tidak menentu,
- (b) Kerajaan senantiasa membuat kajian terhadap jumlah gas CFC yang diimport serta industri-industri yang menggunakan gas CFC itu. Tujuan kajian itu ialah untuk mengawal pengimportan dan penggunaan CFC.

Kerajaan sedang mengkaji sama ada untuk menyertai "Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer" dan "Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer" iaitu satu perjanjian antarabangsa yang digubal untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan CFC.

### **SOALAN TAMBAHAN**

1. Apakah kegunaan gas CFC?

### **JAWAPAN**

Gas CFC digunakan di dalam pengeluaran peti sejuk, pendingin hawa, aerosol, dan juga untuk bahan-bahan pembungkusan.

### **SOALAN TAMBAHAN**

2. Apakah jumlah CFC yang digunakan di negara ini?

### **JAWAPAN**

Mengikut angka-angka masa kini, pada 1986 sebanyak 2,597 tan CFC telah digunakan, iaitu 0.16 kilogram seorang.

Perjanjian Protokol Montreal menetapkan supaya penggunaan CFC dihadkan pada 0.33 kilogram seorang di negara-negara sedang membangun. Malaysia belum lagi melebihi had penggunaan yang ditetapkan oleh Protokol itu. Dengan pertumbuhan industri-industri kita, had penggunaan ini mungkin boleh menjejaskan rancangan pertumbuhan industri-industri di Malaysia.

(Unjuran bagi penggunaan CFC untuk tahun 1990 dianggarkan sebanyak 6,923 tan, iaitu 0.43 kilogram seorang).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN V.K. SELLAPAN  
TARIKH : 30 NOVEMBER 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adalah difahamkan bahawa dua tempat di Semenanjung Malaysia dipilih sebagai tempat pembuangan sisa TOKSIK dan ada juga dikatakan bahawa pembuangan sisa ini secara langsung atau tidak langsung akan membawa keburukan kepada manusia serta binatang dan tumbuh-tumbuhan. Kenapakah pihak Kementerian tidak memilih kawasan pendalaman yang tidak didiami dalam jangkamasa panjang dan tidak dibangunkan sekarang. Tempat yang dimaksudkan adalah kawasan pendalaman yang tidak didiami orang dan jauh dari kawasan pendudukan orang, seperti di pendalaman Sarawak dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Kerajaan sudahpun mengenalpasti 2 kawasan di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan sebagai tapak pelupusan yang selamat bagi sisa-sisa toksik dan merbahaya. Adalah perlu ditegaskan bahawa sisa-sisa itu akan terlebih dahulu diolah dan kemudiannya dilupuskan di dalam tapak pelupusan yang selamat (atau secure landfill). Tapak-tapak pelupusan yang selamat ini akan dibina mengikut standard-standard antarabangsa untuk menentukan bahawa tapak-tapak pelupusan itu tidak akan membawa apa-apa kesan kepada rakyat dan alam sekitar.

Tapak-tapak pelupusan itu yang dipilih hendaklah tidak jauh dari industri-industri yang mengeluarkan sisa-sisa toksik supaya pengendalian dan pengolahan sisa-sisa itu dapat dilakukan dengan cepat dan tidak menelan belanja yang besar.

Setakat ini di Sarawak tiada sebarang industri yang mengeluarkan sisa-sisa toksik, maka tapak pelupusan yang selamat tidak perlu ditempatkan di negeri Sarawak. Tambahan lagi, sekiranya tapak pelupusan yang selamat diletakkan di kawasan pendalaman, ianya akan menimbulkan masalah dari segi pengangkutan dan kos yang tinggi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH HABIDAH BT. JUSOH @ YUSOF  
TARIKH : 5 DISEMBER 1988

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Hajah Habidah bt. Jusoh @ Yusof** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tidakkah boleh Kerajaan menubuhkan di tiap-tiap negeri satu jabatan yang bertanggungjawab mengendalikan ciptaan rakyat bagi mengumpulkan mereka di dalam satu badan yang digelar Badan Pencipta Sains dan Teknologi Negara.

**JAWAPAN**

Buat masa ini, Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk menubuhkan jabatan khas di tiap-tiap buah negeri untuk mengelolakan ciptaan rakyat.

Kerajaan berpendapat lebih baik jika rakyat yang berminat dalam aktiviti merekacipta dan merekabentuk supaya menyertai Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (atau MINDS iaitu, Malaysian Invention & Design Society), yang pengagasannya direstui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Dalam pada itu, Kerajaan menggalakkan sekolah-sekolah menubuhkan kelab-kelab rekacipta dengan bantuan dan bimbingan daripada MINDS untuk menggalakkan murid-murid berusaha menggunakan daya kreatif mereka dalam bidang sains dan teknologi yang mereka pelajari. Ini bukan sahaja akan mendapatkan murid-murid menggunakan teori sains dan teknologi secara praktik, bahkan dengan cara ini, mereka boleh meningkatkan daya kreativiti mereka dan seterusnya mereka dapat memberi sumbangan kepada kemajuan sains dan teknologi negara ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan pada tahun ini telah mengadakan satu seminar khas untuk guru-guru yang terlibat dalam kelab-kelab rekacipta di sekolah-sekolah. Guru-guru yang hadiri Seminar tersebut didedahkan kepada cara-cara menggalakkan daya kreatif di kalangan murid-murid sekolah di negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DR. NG KHEK KIUNG  
TARIKH : 15 DISEMBER 1988


**SOALAN**

1. **Dr. Ng Khek Kiung** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (i) Setakat manakah keadaan pencemaran udara di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya;
  - (ii) Apakah punca-punca bahan pencemaran tersebut; dan
  - (iii) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menghadapi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

- (i) Mengikut data-data pengawasan kualiti udara tahun 1987, pada amnya kualiti udara bagi Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah terkawal. Walau bagaimanapun di lokasi tertentu dan secara setempat parameter habuk terampai melebihi standard kualiti udara yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat, iaitu  $75 \text{ ug/m}^3$ . Paras kandungan plumbum di dalam udara pula bagi kawasan Petaling Jaya didapati memuaskan, manakala paras bagi Kuala Lumpur kadangkala melebihi sedikit dari paras standard interim yang dicadangkan iaitu  $1.5 \text{ ug/m}^3$ .
- (ii) Punca-punca pencemaran udara adalah dari aktiviti-aktiviti kerja pembuangan seperti kerja-kerja pembersihan tanah, pembinaan bangunan, jalan raya, pengangkutan khususnya kenderaan bermotor, perindustrian dan amalan pembakaran di tapak pelupusan sampah sarap.
- (iii) Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah pencemaran udara. Cara utama adalah dengan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan

peraturan-peraturan kawalan seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985 dan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Aktiviti lawat-siasat telah dilakukan ke atas punca-punca pencemaran udara seperti kilang, kenderaan, tapak pelupusan sampah sarap dan tapak pembangunan. Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan penilaian tapak baru perindustrian, tapak sampah sarap dan projek pembangunan melalui Prosedur Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) dan proses Penilaian Awal Tapak. Selain daripada ini, garis panduan seperti pengezonan industri, kawalan hakisan tanah, dan urusan tapak sampah sarap juga disediakan untuk panduan dan pelaksanaan pihak Kerajaan Tempatan. Hubungan dan kerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri pun juga ditingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar di Peringkat Negeri. Tambahan lagi, sejak 1984 lagi, Kempen Kesedaran dan Pendidikan Alam Sekitar dan Kurikulum Sekolah mengenai alam sekitar telahpun dilancarkan. Semua usaha ini telah membawakan hasil seperti terbukti dari kualiti alam sekeliling yang semakin bertambah baik dan terkawal, dan juga kesedaran alam sekitar yang semakin meningkat di kalangan pentadbiran pengurusan projek, murid sekolah dan orang ramai.



**1989**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN HAJJAH ROSNAH BT. HJ. MOHD. SALLEH  
TARIKH : 28 MAC 1989

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Rosnah bt. Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi pencemaran dari asap kenderaan dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi pencemaran dari asap kenderaan dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

1. Menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan dan kerjasama dari pihak Polis Trafik Bandaraya dan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan melalui pemeriksaan secara mengejut di sekatan-sekatan jalan raya dan rondaan oleh Unit Peronda bersama Jabatan Alam Sekitar-Polis.
2. Menjalankan pemeriksaan keselamatan berjadual ke atas kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap kenderaan-kenderaan komersial setiap 6 bulan sekali.

**SOALAN TAMBAHAN**

1. MALAYSIA: Data-Data Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Dari Kenderaan Bermotor (Diesel) Di Bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 Mengikut Jenis Kenderaan Tahun 1987 dan 1988.

JENIS KENDERAAN	TAHUN					
	1987			1988		
	Tahan	Saman	% Pematuhan	Tahan	Saman	% Pematuhan
BAS	5742	876	85	7265	1080	85
TEKSI	5110	751	85	5472	1268	77
LORI	17,082	1674	90	22,937	2821	88
KERETA PERSENDIRIAN	1997	645	68	2722	900	67
LAIN-LAIN	4538	604	87	6582	1291	80
JUMLAH BESAR	34,469	4550	87	44,978	7360	84

- Kenapakah keadaan pencemaran oleh kenderaan masih berlaku sedangkan pihak Kementerian telahpun menguatkuasakan peraturan-peraturan bagi kawalan pelepasan asap dan gas.

## JAWAPAN

Masalah utama yang dihadapi oleh pihak Kementerian di dalam menguatkuasakan dan mengawal pencemaran asap hitam dari kenderaan ialah masalah kekurangan kakitangan dari semua agensi penguatkuasaan yang terlibat (Polis, JPJ dan JAS) untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dengan lebih intensif.

Kekurangan kerjasama oleh pengusaha-pengusaha kenderaan diesel (terutama pengusaha bas) di dalam melaksanakan langkah-langkah kawalan dan pencegahan di peringkat masing-masing juga telah merumitkan kelicinan pencapaian bagi mengurangkan kadar pelepasan asap oleh kenderaan. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kesedaran sivik mengenai kebersihan alam sekitar dari aspek pelepasan asap hitam dari kalangan pengusaha-pengusaha kenderaan.

Juga terdapat kekurangan penglibatan pihak pengusaha-pengusaha kenderaan dan pihak-pihak lain yang berkenaan di dalam menyahut seruan Kerajaan supaya menukar penggunaan bahanapi diesel kepada gas petroleum cecair (LPG) atau gas tekanan asli (CNG) yang mana ini boleh mengurangkan lagi masalah pelepasan asap hitam oleh kenderaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN AINON ARIFFIN  
TARIKH : 29 MAC 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Ainon Ariffin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah segera yang telah diusahakan bagi mengatasi kejadian gas merbahaya yang bocor yang sering berlaku di negara ini seperti kejadian kebocoran gas ammonia di Melaka baru-baru ini, kerana kejadian-kejadian serupa ini boleh mengakibatkan kematian dan penderitaan jangka panjang kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

**JAWAPAN**

Saya mohon izin daripada Tuan Yang DiPertua untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Senator Valli Muthusamy untuk 4 April 1989 oleh kerana kedua-dua soalan ini menyentuh hal yang sama.

Untuk mengatasi kejadian kebocoran gas merbahaya yang kadangkala berlaku di negara ini, Jabatan Alam Sekitar telah menghendaki industri-industri yang menggunakan gas merbahaya mengadakan satu Pelan Tindakan Kecemasan sendiri (Emergency Response Plan) supaya mereka sentiasa bersedia menghadapi sebarang kejadian kebocoran gas merbahaya semasa mengendalikan perusahaan masing-masing. Pelan ini sepatutnya mengandungi butir-butir mengenai segala tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan kepada orang ramai dan alam sekeliling akibat daripada kebocoran seumpama itu.

Jika sesuatu kemalangan berlaku, pihak pekilang dikehendaki dengan sertamerta menghubungi pihak-pihak berkuasa seperti Polis, Jabatan Perkhidmatan Bomba yang terdekat dan Jabatan Alam Sekitar untuk melaporkan kejadian yang telah berlaku serta mengambil segala tindakan atau langkah-langkah di dalam Pelan Tindakan Kecemasannya. Selepas kejadian itu, pekilang yang berkenaan perlu mengadakan satu laporan lengkap yang menerangkan satu persatu kejadian dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kejadian itu.

Laporan itu juga akan menggariskan kelemahan-kelemahan Pelan Tindakan Kecemasannya jika ada untuk diperbaiki bagi penggunaan Pelan tersebut di masa akan datang.

#### **SOALAN TAMBAHAN**

Apakah tindakan yang telah diambil bagi kejadian di Tangga Batu tersebut?

#### **JAWAPAN**

Sebuah Jawatankuasa telah ditubuh oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka untuk menyasat kejadian yang berlaku. Jabatan Alam Sekitar adalah salah seorang anggota Jawatankuasa yang dimaksudkan. Laporan penyiasatan sedang disediakan dan dijangka siap di dalam sedikit masa lagi. Segala tindakan susulan akan dilakukan berpandukan kepada syor-syor yang akan dikemukakan di dalam laporan tersebut nanti.

#### **SOALAN TAMBAHAN**

Adakah tapak bagi pembinaan kilang ammonia di Tangga Batu, Melaka itu pernah diluluskan oleh Kementerian tuan?

#### **JAWAPAN**

Sebenarnya Kementerian saya khususnya Jabatan Alam Sekitar tidak menyokong pembinaan kilang ammonia di tapak yang dimaksudkan. Di dalam hal ini saya ingin menyeru kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan agar dapat memberi kerjasama dengan sedaya upaya mengikuti garis-garis panduan dan peraturan-peraturan yang sedia ada di dalam hal penempatan kilang-kilang yang berpotensi mencemar atau membahayakan orang ramai dan juga alam sekitar.

### **SOALAN TAMBAHAN**

Bagaimanakah tindakan Kerajaan dari segi membayar gantirugi kepada mangsa-mangsa yang terlibat, siapakah yang boleh melaksanakan perkara ini?

### **JAWAPAN**

Undang-undang yang wujud di Kementerian saya tidak mempunyai peruntukan untuk tujuan bayaran gantirugi bagi mangsa-mangsa yang terlibat seperti kejadian yang telah berlaku. Walau bagaimanapun hal ini boleh diselesaikan melalui peruntukan undang-undang sivil. Di samping itu pada kebiasaannya pihak Kerajaan akan berusaha untuk kedua-dua pihak, bersama-sama berbincang dan mencapai satu penyelesaian.

### **SOALAN TAMBAHAN**

Adakah kes kematian pernah berlaku akibat dari kebocoran gas ammonia atau lain-lain gas berbahaya di negara ini?

### **JAWAPAN**

Sepengetahuan kami, tiada kes kematian sedutan gas berbahaya yang mengakibatkan orang ramai pernah berlaku akibat kejadian kebocoran gas berbahaya. Walau bagaimanapun terdapat dua kes kemalangan yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa iaitu akibat kejadian kebakaran dan letupan gas petroleum. Rekod mengenai semua kes-kes kemalangan yang mengakibatkan kebocoran sebelum ini tidak wujud dengan lengkapnya. Pada masa ini usaha-usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan maklumat-maklumat tersebut.

### **SOALAN TAMBAHAN**

Siapakah yang bertanggungjawab ke atas pengangkutan, penyimpanan dan kegunaan bahan-bahan berbahaya?

## **JAWAPAN**

Perkara penyimpanan bahan-bahan berbahaya di dalam tangki-tangki tekanan (pressure vessels) adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Kilang dan Jentera. Manakala Jabatan Alam Sekitar pula menilai dari segi kesesuaian tapak penempatan bahan-bahan tersebut.

Dari segi pengangkutan, saya difahamkan Jabatan yang berkenaan (Jabatan Pengangkutan Jalan) sedang menyediakan satu peraturan yang lebih ketat khasnya untuk mengawal pengangkutan bahan-bahan berbahaya.

Dari segi kegunaan bahan-bahan merbahaya pula, ianya berhubungkait dengan perkara penyimpanan dan keselamatan pekerja-pekerja yang mana ini sedang diawasi oleh Jabatan Kilang dan Jentera.

## **SOALAN TAMBAHAN**

Mengapakah kilang gas ammonia itu dibenarkan di Tangga Batu, Melaka.

## **JAWAPAN**

Penubuhan kilang tersebut di Melaka, khususnya di kawasan Tangga Batu tidak dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar. Dalam pada itu, saya ingin menggesa supaya pihak-pihak berkuasa tempatan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH  
TARIKH : 30 MAC 1989

**SOALAN**

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar oleh bahan-bahan sisa kimia yang merbahaya, yang dikeluarkan oleh kilang-kilang perindustrian.

**JAWAPAN**

Saya memohon izin Tuan Yang DiPertua supaya menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Senator Puan Valli Puthusamy untuk 4hb. April 1989 nanti oleh kerana kedua-dua soalan ini menyentuh hal yang sama.

Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan satu kajian mengenai buangan toksik dan berbahaya pada tahun 1985 sehingga 1987. Lebih kurang 1,000 buah kilang di Malaysia telah dikenalpasti dan dilawat siasat. Kilang-kilang tersebut telah didapati mengeluarkan sebanyak lebih 380,000 meterpadu bahan buangan berbahaya setahun. Negeri-negeri Pulau Pinang, Selangor Darul Ehsan dan Johor Darul Takzim didapati mengeluarkan 60% daripada jumlah kuantiti tersebut. Sejauh pengetahuan saya Universiti Teknologi Malaysia tidak pernah menjalankan kajian sedemikian.

Kilang-kilang besar di negara ini kebanyakannya mempunyai kemudahan untuk mengolah buangan masing-masing. Kerajaan berhasrat menubuhkan kemudahan pengolahan pusat bagi mengolah buangan-buangan dari kilang-kilang lain yang tidak mempunyai sebarang kemudahan sendiri untuk mengolah buangannya. Kerajaan juga bercadang supaya pembinaan dan pengurusan kemudahan ini dilaksanakan secara pengswastaan.

Pada masa ini Kerajaan sedang berusaha dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi mendapatkan tapak-tapak sesuai untuk melupuskan buangan-buangan yang telah

diolah. Pembinaan dan pengurusan tapak-tapak pelupusan juga dirancang dilakukan melalui pengswastaan.

Di samping itu, pihak Kementerian juga menyediakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengawal pelupusan buangan toksik dan berbahaya.

## **SOALAN-SOALAN TAMBAHAN**

### **SOALAN 1**

Berapakah tapak-tapak pelupusan yang dicadang ditubuhkan?

### **JAWAPAN**

Berdasarkan kepada keadaan sekarang iaitu dari segi kuantiti bahan-bahan buangan toksik dan berbahaya yang dikeluarkan, 3 buah tapak dicadang ditubuhkan satu di utara, satu di kawasan tengah dan satu lagi di kawasan timur Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk perancangan jangka panjang, tiap-tiap negeri perlu mengenalpastikan sekurang-kurangnya satu tapak yang sesuai untuk tujuan ini.

### **SOALAN 2**

Pihak manakah yang akan menubuh dan mengoperasi tapak-tapak tersebut?

### **JAWAPAN**

Pihak kabinet telah memutuskan bahawa penubuhan dan operasi tapak-tapak tersebut adalah terbuka kepada pihak-pihak swasta yang berminat.

### **SOALAN 3**

Adakah buangan-buangan dari negeri lain boleh dilupuskan di negeri-negeri di mana tapak-tapak pelupusan akan diwujudkan?

## **JAWAPAN**

Perkara ini sebenarnya belum lagi diputuskan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, kajian dijalankan oleh juruperunding luar negeri telah mencadangkan bahawa tapak-tapak yang dipilih di negeri Selangor dan Pulau Pinang dan tapak yang akan ditentukan bagi kawasan pantai timur mengendalikan buangan-buangan dari negeri-negeri lain.

## **SOALAN 4**

Apakah masalah yang paling rumit dihadapi mendapatkan atau mengujudkan sesuatu tapak pelupusan?

## **JAWAPAN**

Kajian-kajian terperinci dari segi kesan terhadap alam sekitar harus dijalankan sebelum sesuatu tapak itu dapat dinilai kesesuaiannya untuk dijadikan sebagai tapak pelupusan. Kajian ini merangkumi beberapa aspek penting seperti kesan negatif terhadap sumber alam dan orang ramai di kawasan persekitaran serta juga penerimaan orang ramai atas keujudan tapak pelupusan di kawasan mereka berada. Semua aspek-aspek ini perlu dikaji dan keputusannya dipertimbangkan dengan teliti dan sewajar-wajarnya sebelum sesuatu keputusan diambil.

## **SOALAN 5**

Apakah kriteria-kriteria bagi pemilihan tapak-tapak pelupusan?

## **JAWAPAN**

Kriteria-kriteria yang digunakan bagi pemilihan tapak-tapak pelupusan di antara lain ialah jarak kedudukan tapak dari kawasan kediaman, pembangunan semasa dan akan datang di sekitar tapak, sama ada tapak di hulu atau di hilir takat pengambilan air minuman, sama ada tapak terletak di dalam kawasan tadahan air, jenis tanah, ketinggian paras air bawah tanah, jarak dari pengeluaran-peluaran buangan dan lain-lain lagi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN VALLI MUTHUSAMY  
TARIKH : 4 APRIL 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

Apakah tindakan-tindakan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berlakunya peristiwa seperti kebocoran gas ammonia di Tangga Batu, Melaka?

**JAWAPAN**

Jawapan untuk soalan ini telah saya berikan jawapannya semasa menjawab soalan daripada Y.B. Senator Puan Ainon Ariffin pada 29 Mac yang lalu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN  
TARIKH : 4 APRIL 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adalah biasa untuk menghidu udara busuk dari "kenderaan busuk" di antara Perlis ke Ipoh. Ini berlaku setiap hari dengan perjalanan lori-lori yang memuat ikan, baja dan getah masam yang busuk dan bertaburan air. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini?

**JAWAPAN**

Masalah bau ini disebabkan oleh penggunaan bekas-bekas dan cara menyimpan barang-barang seperti ikan, baja dan getah masam yang tidak sempurna. Tugas mengawal masalah ini terletak di luar bidangkuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Agensi yang bertanggungjawab ialah Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan melalui penguatkuasaan Seksyen 92(a), Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.

Pada amnya, jika pihak pengusaha pengangkutan menyediakan bekas-bekas yang kedap udara dan tidak mudah bocor, maka masalah bau busuk akan berkurangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN VALLI MUTHUSAMY  
TARIKH : 4 APRIL 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

Adakah beliau sedar bahawa menurut satu kajian Universiti Teknologi Malaysia, 647 daripada 747 kilang- di Malaysia menghasilkan bahan buangan beracun. Pulau Pinang, Selangor dan Johor dikatakan mengeluarkan kira-kira 65 peratus bahan beracun pada tahun 1987. Memandangkan Malaysia tidak mempunyai kaedah kawalan pusat bahan buangan berbahaya, adakah cadangan oleh Kementerian untuk membina pusat pembuangan sisa industri negara?

**JAWAPAN**

Jawapan untuk soalan ini telah saya berikan jawapannya semasa menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Mohd. Noor Bedah pada 30 Mac yang lalu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN NORANI BT. HJ. BELUAH  
TARIKH : 12 DISEMBER 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Norani bt. Hj. Beluah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan dan perancangan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan tidak ada berlakunya pencemaran alam di Daerah Bentong kerana kawasan perindustrian yang ada di Daerah ini telah mula membangun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Y.B., tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa masalah alam sekitar tidak berlaku di kawasan-kawasan perindustrian termasuk Daerah Bentong ialah:

- (i) menilai industri-industri yang dicadangkan, melalui proses penilaian awal ke atas kesesuaian tapak yang dicadangkan;
- (ii) menentukan langkah-langkah kawalan pencemaran digabungkan di dalam pelan pembangunan kilang; dan
- (iii) menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa syarat-syarat alam sekitar dipatuhi.

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN MAZIDAH BT. HJ. ZAKARIA  
TARIKH : 14 DISEMBER 1989

### SOALAN

1. **Y.B. Puan Mazidah bt. Hj. Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dirancangkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menterjemahkan Deklarasi Langkawi dalam konteks perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

### JAWAPAN

Kerajaan telahpun menubuhkan Urusetia di Kementerian Luar Negeri untuk menentukan semua resolusi termasuk Deklarasi Langkawi dilaksanakan dengan berkesannya. Urusetia ini akan juga mengawasi semua proses pelaksanaan Deklarasi ini dan mengambil langkah-langkah tertentu di peringkat antarabangsa supaya perkara ini dibincangkan dan diperakui juga oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dalam konteks perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara pula, semua agensi Kerajaan telah diarahkan melalui Pekeliling Bil. 3 Tahun 1989 supaya mengambilkira faktor-faktor penjagaan alam sekitar dan pengurusan sumber-sumber alam semulajadi dalam menyediakan program-program dan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke Enam (RME) 1991 - 1995 supaya perancangan sumber-sumber alam semulajadi termasuk hutan belantara perlu dibuat dengan lebih berkesan dan terperinci lagi. Program-program pendidikan dan maklumat alam sekitar akan dipertingkatkan lagi.

Manakala pihak swasta, dan juga agensi-agensi pembangunan kerajaan, adalah dikehendaki menjalankan kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar (EIA) sebelum satu-satu cadangan projek tertentu boleh ditimbangkan untuk kelulusan mana-mana pihak berkuasa sama ada Kerajaan Persekutuan, Negeri, ataupun Tempatan.

Antara langkah-langkah yang dirancangkan untuk melaksanakan Deklarasi Langkawi dengan sepenuhnya adalah bagi Kerajaan mengkaji semula segala

dasar, program, prosidur, dan tatacara yang tersedia ada bagi tiap-tiap sektor ekonomi supaya lebih mirip ke arah matlamat-matlamat pembangunan dan penjagaan alam sekitar yang berterusan.

Antara langkah-langkah lain adalah bagi Kerajaan merancang pengwujudan cukai yang lebih tinggi ke atas barang-barang keluaran yang mencemarkan dan sumber kewangan yang diperolehi boleh diguna untuk menggalakkan pengeluaran barang-barang dan tenaga yang bersih dan bermutu tinggi.

### **SOALAN TAMBAHAN**

Apakah kejayaan yang dicapai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan sumbangannya di peringkat antarabangsa untuk mengatasi masalah-masalah alam sekitar dunia?

### **JAWAPAN**

Dengan mengambil bahagian di persidangan-persidangan antarabangsa mengenai alam sekitar, perwakilan-perwakilan Malaysia telah dapat menengahkan kepentingan negara supaya usaha-usaha baik untuk mengatasi masalah alam sekitar tidak juga menjejaskan kepentingan sosio-ekonomi negara, dan memberi gambaran yang jelas bahawa negara kita Malaysia bukan sahaja mempunyai rekod yang baik bahkan boleh dijadikan model bagi negara-negara lain mencontohinya. Program-program alam sekitar kita adalah antara yang termaju di dunia semenjak Akta Kualiti Alam sekeliling, 1974 dilaksanakan. Dengan penguatkuasaan Akta ini, Malaysia telah dapat mengawal semua usaha pembangunan dan perindustrian supaya usaha-usaha sosio-ekonomi tidak membawa dengannya sebarang masalah alam sekitar yang serius.

Walaupun negara kita masih membangun, kita akan terus berusaha bersama dan malah telah dapat memegang tajuk pimpinan antarabangsa untuk mendorong negara-negara lain termasuk negara-negara maju mengambil langkah yang sama. Misalnya, pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri kita telah berjaya menggubal Deklarasi Langkawi, dan Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjadi Pengerusi dan Jurucakap Kumpulan 77 supaya Bangsa-Bangsa Bersatu menubuhkan Tabung Kewangan Alam Sekitar Dunia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAHALAN B. HJ. EMBUN  
TARIKH : 27 DISEMBER 1989

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Dahalan bin Hj. Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap kenderaan-kenderaan yang memuatkan barang-barang yang busuk dan merbahaya kepada kesihatan manusia seperti ikan, baja dan getah masam di negeri-negeri di sebelah utara-Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

**JAWAPAN**

Gangguan-gangguan bau busuk dari kenderaan ini adalah didapati berpunca dari penggunaan bekas menyimpan barang-barang dan cara penyimpanan yang tidak sesuai diamalkan di atas lori-lori berkenaan. Walau bagaimanapun, gangguan-gangguan ini adalah bersifat seketika/sementara sahaja (iaitu semasa lori-lori melalui sesuatu laluan/jalan).

Masalah bau busuk yang berpunca dari kenderaan ini sedang/boleh diatasi dengan penguatkuasaan peruntukan yang ada di bawah Seksyen 92(A) Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959 oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH HABIDAH JUSOH @ YUSOF  
TARIKH : 28 DISEMBER 1989


**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan benarkah kerana menebang hutan-hutan dan menimbus tanah-tanah paya untuk pembangunan tanpa perancangan yang teratur dari segi alam sekitar menyebabkan kekotoran sungai-sungai dan perubahan cuaca begitu mendadak.


**JAWAPAN**

Segala aktiviti manusia yang melibatkan eksploitasi atau kemusnahan sumber-sumber alam semulajadi boleh menimbulkan masalah alam sekitar seperti kekotoran sungai dan perubahan cuaca jika perancangan yang teratur tidak diikuti. Sehubungan ini, Jabatan Alam Sekitar telah memberi garis panduan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sebelum mana-mana projek diluluskan.

Berkaitan dengan perubahan cuaca, ingin saya menjelaskan di sini bahawa perubahan cuaca adalah satu-satunya fenomena yang kompleks dan ianya tidak semestinya berkait rapat dengan hutan sahaja.



**1990**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 23 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada masih terdapat berbagai-bagai industri yang terdiri daripada kilang-kilang papan, kilang-kilang getah dan perniagaan barang-barang terpakai berhampiran kawasan perumahan di mana perusahaan-perusahaan itu mengeluarkan bahan-bahan yang mencemarkan udara dan menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu:-
  - (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kilang-kilang itu berhenti mencemarkan udara; dan
  - (b) Apakah tindakan yang dijalankan untuk menyusun semula zon-zon untuk perusahaan tersebut supaya jauh dari kawasan perumahan.

**JAWAPAN**

- (a) Ya, Kerajaan mendapati beberapa kilang masih terletak berhampiran dengan kawasan perumahan. Kebanyakan kilang-kilang itu telahpun didirikan sebelum projek-projek perumahan dibangunkan berhampiran dengan kawasan perindustrian itu.

Untuk mengawal keadaan itu, pekilang-pekilang dikehendaki memasang alat-alat kawalan pencemaran dan mematuhi standard-standard yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan kerja pengawasan keadaan di sekitar kawasan perindustrian dan perumahan.

Bagi projek-projek perindustrian yang hendak dimajukan serta berpotensi membawa pencemaran dan berhampiran dengan kawasan perumahan dan tempat kediaman, Kerajaan tidak akan menyokong cadangan projek perindustrian itu dan seterusnya akan menolak cadangan itu.

- (b) Kerajaan telahpun mengeluarkan garis-garis panduan dan memberi nasihat kepada agensi-agensinya kerajaan tempatan supaya mengasingkan kawasan perindustrian dan kawasan perumahan dengan menyediakan zon penampungan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN CHONG KENG  
TARIKH : 23 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Tan Chong Keng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementeriannya dalam usaha sedunia untuk menyelamatkan lapisan ozon dalam atmosfera. Apakah tindakan yang diambil untuk tujuan menyelamatkan lapisan ozon atmosfera.

**JAWAPAN**

Kerajaan telah mengambil perhatian berat terhadap isu menyelamatkan lapisan ozon dalam atmosfera sejak 1985 dan menjadi parti kepada Protokol Montreal mengenai bahan-bahan yang mengurangkan lapisan ozon yang dikuatkuasakan di Malaysia pada 27 November 1989. Langkah-langkah yang diambil untuk tujuan itu ialah berikut:-

- (i) Menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Perlindungan Lapisan Ozon yang dianggotai oleh jabatan Kerajaan berkenaan, industri, pembekal dan persatuan pekilang Malaysia. Jawatankuasa itu ditugaskan untuk mengkaji, mengawasi dan merangka strategi kawalan penggunaan CFC/Halon;
- (ii) Menguatkuasakan Perintah-Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35), 1989 mulai daripada 14 Disember 1989 supaya memperoleh data terperinci untuk pembentukan strategi kawalan penggunaan CFC/Halon;
- (iii) Menubuhkan Jawatankuasa Kecil Mekanisma Kawalan CFC/Halon untuk merangka strategi kawalan penggunaan CFC/Halon dan implikasinya serta kajian kes di Malaysia;
- (iv) Menggalakkan industri-industri baru supaya menggunakan bahan ganti dan teknologi yang sesuai;

- (v) Memberi tumpuan kepada soal penjagaan alam sekitar seperti di dalam Deklarasi Langkawi;
- (vi) Menyertai secara pro-aktif di dalam program antarabangsa berkaitan lapisan ozon seperti menghadiri persidangan, mesyuarat, seminar dan bengkel termasuk yang dikelolakan oleh Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP). Kerajaan akan menghadiri Mesyuarat Kedua untuk Parti-parti kepada Protokol Montreal pada Jun 1990 di London, United Kingdom;
- (vii) Menjadi tuan rumah kepada Persidangan Antarabangsa Ozon Tropika dan Perubahan Iklim pada bulan Februari 1990 di Pulau Pinang; dan
- (viii) Bekerjasama dengan UNEP untuk menjalankan kajian kes terperinci bagi Malaysia sebagai contoh untuk mendapatkan data bagi menetapkan kos pematuhan serta teknologi alternatif.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN HARUN  
TARIKH : 26 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kementerian sedar usaha pelancongan dan aktiviti pertanian dan ekonomi yang tidak terancang dan terkawal di Langkawi sekarang mengancam bukan sahaja keindahan semulajadi tetapi juga ekologi pulau ini. Apakah rancangan dan program Kementerian untuk menghadapi cabaran dan dilema pembangunan dan kemajuan ini.

**JAWAPAN**

Kerajaan memang sedar akan masalah yang dihadapi di Pulau Langkawi di mana sedikit sebanyak aktiviti pembangunan untuk pelancongan dan sebagainya boleh menjejaskan keadaan alam sekitar.

Untuk mengelakkan masalah ini daripada berbangkit lagi, Kerajaan telahpun menubuhkan Lembaga Pembangunan Langkawi yang dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Melalui Lembaga ini, beberapa rancangan dan program telah diatur dan akan dilaksanakan, termasuk kajian-kajian alam sekitar sebelum satu-satu projek pembangunan dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 26 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa:

Kita bangga Kerajaan kita telah dipilih untuk menerima Anugerah Alam Sekitar 1989 akibat mengambil langkah pertama menyediakan **Deklarasi Langkawi** semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM pada tahun lepas, sehingga sekarang apakah program yang dirancang oleh Kerajaan untuk mengawal pencemaran alam sekitar di negara kita.

**JAWAPAN**

Saya turut merasa bangga dengan Ahli Yang Berhormat di atas kejayaan dan penerimaan Deklarasi Langkawi oleh Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel pada bulan Oktober tahun lalu.

Sejajar dengan aspirasi yang termaktub di dalam Deklarasi Langkawi, Jabatan Alam Sekitar telah mencadangkan program-program alam sekitar sebagai tindakan susulan seperti berikut:-

- (i) Pembentukan dasar dan program bermirip alam sekitar termasuk penguatkuasaan berterusan peraturan-peraturan alam sekitar dan keperluan kajian EIA bagi projek-projek pembangunan;
- (ii) Menyokong pembentukan tabung kewangan bagi perlindungan alam sekitar sedunia;
- (iii) Pembangunan sumber-sumber tenaga bersih serta galakan menggunakan teknologi yang tidak mengeluarkan sisa-sisa (zero waste technology);
- (iv) Penggunaan bahan-bahan gantian "chlorofluorocarbon" dan halon serta mengguna semula bahan kimia itu;

- (v) Pembangunan dan perlindungan hutan belantara melalui pelan pengurusan hutan yang komprehensif;
- (vi) Peningkatan kesedaran dan pendidikan alam sekitar;
- (vii) Peningkatan penyertaan Malaysia di dalam aktiviti-aktiviti antarabangsa seperti menghadiri persidangan dan sebagainya untuk melindungi alam sekitar; dan
- (viii) Usaha untuk menentukan bahawa setiap aktiviti pembangunan mematuhi prinsip pembangunan berterusan (sustainable development).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah menetapkan 21hb Oktober tiap-tiap tahun yang merupakan ulang tahun Deklarasi Langkawi untuk menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia di peringkat kebangsaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 26 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan 'Bank Botol' untuk mengumpul botol-botol kaca yang lama di O.G. Heights, Kuala Lumpur baru-baru ini:-
  - (a) adakah rancangan untuk mendirikan 'Bank Botol' yang lain di kawasan-kawasan perumahan, pusat-pusat rekreasi, dan pantai-pantai; dan
  - (b) adakah rancangan yang disediakan oleh Kementerian untuk mendirikan 'Bank Beg Plastik' bagi mengawal pencemaran alam sekitar.

**JAWAPAN**

Sebenarnya, soal-soal 'Bank Botol' dan 'Bank Beg Plastik' tidaklah di bawah kendalian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Walaupun demikian, sekiranya ada sesiapa yang berminat untuk mengusaha cadangan itu, maka Kerajaan sedia memberi sokongan yang sewajarnya, dan bakal pengusaha bolehlah berhubung dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN G. RAJOO  
TARIKH : 26 MAC 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan Tabung Amanah Alam Sekitar Sedunia (Global Environmental Trust Fund) untuk menyelamatkan 'ozone layer' yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini;
  - (b) jumlah wang yang diperlukan untuk menjayakan Tabung ini dan negara-negara yang akan mencarum mengisi Tabung ini; dan
  - (c) objektif, cara pelaksanaan, dan pengawasan kewangan Tabung ini.

**JAWAPAN**

- (a) Kerajaan telah mencadangkan penubuhan Tabung Amanah Alam Sekitar Sedunia di beberapa persidangan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia. Kerajaan juga telah memainkan peranan utama dan berjaya mendapat sokongan dari Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel untuk mengkaji dan menubuhkan Tabung Alam Sekitar Sedunia ini. Beberapa pegawai kanan Kerajaan telah dan akan menghadiri mesyuarat-mesyuarat di Nairobi, Geneva, dan di London pada tahun ini mengenai pembentukan tabung kewangan untuk menyelamatkan lapisan ozon.
- (b) Jumlah wang yang diperlukan adalah dianggarkan sebanyak \$50,500 juta hingga \$13,700 juta (ringgit). Adalah diharapkan negara-negara maju akan memberi caruman yang besar.
- (c) Tujuan utama Tabung Amanah Alam Sekitar ini adalah untuk membantu negara-negara membangun menyelesaikan masalah alam sekitarnya. Bantuan-bantuan kewangan boleh disalurkan dalam bentuk subsidi, perkhidmatan pakar-pakar teknik, penyelidikan dan pembangunan sumber. Setakat ini, kaedah-kaedah pelaksanaan dan pengawasan yang terperinci masih di peringkat perbincangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 25 JUN 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa pada waktu ini terdapat banyak kilang-kilang yang sedang beroperasi telah melakukan pencemaran sungai dengan membuang sisa bahan kimia ke dalam sungai dengan sewenang-wenangnya. Apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap perkara ini dan setakat ini berapakah kilang-kilang yang telah dikenakan tindakan undang-undang?

**JAWAPAN**

Saya tidak sedar terhadap masalah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan setakat ini tiada laporan rasmi diterima. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat mempunyai keterangan mengenai kejadian tersebut, adalah dihargai sekiranya kejadian ini dilaporkan kepada Kementerian atau Jabatan Alam Sekitar supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Undang-undang yang relevan bagi mengawal kejadian-kejadian tersebut ialah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 yang mengawal tahap pencemaran di dalam effluen yang boleh dilepaskan ke mana-mana alurair, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 bagi mengawal pelupusan buangan-buangan toksik dan merbahaya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHAYA  
TARIKH : 26 JUN 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa asap kereta dari kesesakan jalan raya mendatangkan pencemaran udara yang teruk dan jika sedar apakah bentuk tindakan yang akan diambil bagi mengatasi perkara tersebut.

**JAWAPAN**

Ya, saya memang menyedari akan masalah pencemaran udara yang berpunca daripada pelepasan ekzos kenderaan bermotor ini yang boleh mengancam kesihatan umum sekiranya ia tidak dikawal dengan sempurna.

Tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi perkara tersebut adalah:-

- (i) mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 bagi mengawal pencemaran udara yang berpunca dari pelepasan asap hitam melalui ekzos kenderaan diesel di seluruh negara, terutamanya di sekitar ibu-ibu negeri dan juga di lebuh raya-lebuh raya serta jalan-jalan utama.

Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan dalam bentuk program bulanan oleh semua Pejabat-pejabat Wilayah Alam Sekitar dengan bantuan dan kerjasama pihak polis dan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui cara sekatan jalan raya dan juga cara rondaan oleh unit peronda JAS-POLIS.

Untuk kawalan pelepasan dari ekzos kenderaan diesel dengan lebih berkesan, satu draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel) telahpun disiapkan dan sedang dalam perhatian Jabatan Peguam Negara.

- (ii) Bagi mengawal pelepasan habuk-habuk plumbum ke udara melalui ekzos kenderaan petrol, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dan sedang meneruskan kerja-kerja penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985 yang menghendaki kandungan paras plumbum dalam minyak gasolin (petrol) dikurangkan dari 0.4 gram/liter ke paras 0.15 gram/liter pada 1.1.1990 yang lalu.

Seterusnya, bagi mengawal pelepasan asap dan gas-gas lain (seperti karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dari ekzos kenderaan petrol, draf cadangan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan dari Enjin Petrol) sedang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHI SIONG  
TARIKH : 27 JUN 1990

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) daripada kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian, setakat manakah orang ramai mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masalah dan isu persekitaran alam semulajadi;
  - (b) memandangkan bahawa negara telah banyak menerima kritikan mengenai pupusan hutan rimba negara, apakah tindakan negara terhadap kritikan-kritikan tersebut; dan
  - (c) sejauh manakah Perisytiharan Langkawi mengenai Alam Sekitar, Oktober 21, 1989 itu telah berjaya menepati tujuan/matlamat perisytiharan tersebut.

**JAWAPAN**

1. (a) Mengenai soalan (a) mengikut kajian-kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, isu-isu alam sekitar kini kian mendapat perhatian dan sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat. Ini dapat dilihat dari:-
  - (i) Meningkatnya bilangan aduan-aduan mengenai alam sekitar yang diterima oleh Kementerian ini dari orang ramai melalui surat, telefon atau perantaraan agensi-agensi lain. Masyarakat telah sedar dan ingin sama-sama memperbaiki kualiti alam sekitar dengan membuat laporan tentang masalah alam sekitar yang berlaku di sekeliling tempat kediaman mereka;
  - (ii) Bilangan permintaan bagi ceramah-ceramah peringkat sekolah-sekolah juga bertambah. Setiap tahun lebih kurang 50 buah sekolah menengah di seluruh negara telah menjemput pegawai-pegawai Alam Sekitar

bagi memberi ceramah mengenai alam sekitar. Dari sini dapat disimpulkan bahawa kesedaran alam sekitar telah mula dipupuk di peringkat persekolahan lagi;

- (iii) Penganjuran seminar dan bengkel mengenai alam sekitar oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta disambut dengan baik oleh pelbagai kumpulan sasaran;
  - (iv) Pertimbangan alam sekitar oleh agensi-agensi pihak Kerajaan dan pihak swasta semasa perancangan projek telah meningkat; dan
  - (v) Penglibatan Jabatan ini di dalam aktiviti pameran yang dianjurkan oleh agensi swasta dan Kerajaan lain. Ini adalah salah satu cara meningkatkan kesedaran alam sekitar. Bagi tahun 1989 sebanyak 16 jemputan untuk mengadakan pameran telah diterima oleh Kementerian ini.
- (b) Soalan (b) adalah lebih sesuai dijawab oleh Kementerian Perusahaan Utama. Walau bagaimanapun di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:-
- (i) Penyediaan buku, filem dan risalah mengenai sektor perhutanan dan sistem pengurusan hutan di Malaysia untuk diedarkan ke luar negeri;
  - (ii) Mengatur misi-misi khusus ke luar negeri untuk membetulkan tanggapan mengenai isu pengurusan hutan di negara ini serta mendapatkan persefahaman dan sokongan daripada kerajaan-kerajaan asing. Di peringkat serantau, satu misi di peringkat Menteri ASEAN telah dipersetujui untuk dihantar ke beberapa negara bermula dengan beberapa negara di Eropah bagi membanteras kempen tersebut;
  - (iii) Membantu panel pakar daripada ITTO untuk membuat penilaian ke atas sistem pengurusan hutan di Sarawak untuk membanteras tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ke atas pengurusan hutan negeri itu;
  - (iv) Melalui saluran diplomatik dan perhubungan dua hala untuk memperolehi persefahaman dan kerjasama dari Kerajaan-Kerajaan berkaitan.
- (c) Mengenai soalan (c) adalah sukar untuk menilai sejauh manakah Perisytiharan Langkawi telah berjaya menepati tujuan/matlamatnya. Walau bagaimanapun Perisytiharan Langkawi telah mendapat sambutan yang baik di peringkat

antarabangsa di mana prinsip-prinsip yang diisytiharkan telah diterima dan digunakan sebagai garis panduan untuk mengenalpasti strategi-strategi bagi mengatasi masalah-masalah alam sekitar dunia.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk meningkatkan kesedaran orang ramai?

Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran alam sekitar kepada masyarakat antaranya:-

- mengadakan ceramah-ceramah ke sekolah-sekolah.
- menglibatkan diri serta mengadakan pameran-pameran alam sekitar.
- menganjurkan aktiviti-aktiviti tidak formal kepada murid-murid sekolah mengenai alam sekitar seperti “envirowalks”, perkhemahan alam sekitar dan lain-lain.
- mengadakan tayangan-tayangan filem/video mengenai alam sekitar serta menerbitkan filem/video mengenai alam sekitar.
- mengadakan Sambutan Hari Alam Sekitar setiap tahun.
- mengadakan kempen-kempen kesedaran alam sekitar.
- penerbitan risalah-risalah dan edaran kepada orang ramai.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. SENATOR DOL BIN DOLLAH  
TARIKH : 29 JUN 1990

**SOALAN**

1. **Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada cadangan Jabatan Alam Sekitar mengkaji semula kedudukan kebanyakan kilang-kilang memproses getah supaya dipindahkan kepada tempat yang sesuai dan jauh daripada kediaman-kediaman.

**JAWAPAN**

Ya, Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan kajian tentang kedudukan kilang-kilang yang bermasalah berdasarkan status pematuhan kilang semasa lawatan-lawatan penguatkuasaan serta aduan-aduan pencemaran yang diterima mengenai kilang-kilang tersebut. Laporan tentang masalah pencemaran yang timbul akibat kedudukan kilang yang tidak sesuai kemudiannya dimajukan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya memandangkan soal tanah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Kekerapan lawatan penguatkuasaan yang diadakan?

Kekerapan lawatan penguatkuasaan yang diadakan oleh Jabatan Alam Sekitar bergantung samaada kilang punca bermasalah atau tidak:-

- (a) Bagi kilang-kilang yang merupakan punca masalah, lawatan penguatkuasaan diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- (b) Bagi punca yang tidak menimbulkan masalah pula lawatan adalah sekurang-kurangnya sekali setahun.

2. Bilangan kilang getah yang dihadapkan ke mahkamah?
3. Bilangan kilang getah yang menimbulkan masalah dan bilangan kilang yang disyorkan untuk dipindah?

Tahun	Jumlah
1980	Tiada
1981	5
1982	5
1983	1
1984	Tiada
1985	1
1986	8
1987	Tiada
1988	Tiada
1989	5
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>

Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar sebanyak 20 kilang getah daripada 205 kilang yang dilesenkan didapati punca bermasalah dan 4 kilang disyor untuk dipindahkan.

- (a) Lee Rubber (Sel) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- (b) Lee Latex (Pte) Ltd., Kuala Lumpur
- (c) Lian Hin Rubber Co. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- (d) Lee Rubber, Kuala Kangsar, Perak.

4. Dari kilang yang disyorkan pindah berapa telah mematuhi arahan? Jika tidak mengapa?

Setakat ini tidak ada yang telah pindah. Masalah utama yang dihadapi adalah mendapatkan tapak alternatif yang sesuai. Walau bagaimanapun, usaha pemindahan kilang-kilang tersebut masih diteruskan oleh pihak berkuasa tempatan.

5. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar selain dari yang disebutkan di atas.

Penempatan yang sesuai sesuatu kilang adalah faktor utama yang harus dipertimbangkan. Dalam hal ini, selain dari tindakan-tindakan penguatkuasaan, Jabatan Alam sekitar juga telah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menentukan tapak-tapak kilang baru adalah sesuai memandangkan bau busuk adalah masalah utama dari industri ini.

6. Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai kesesuaian tapak yang dicadangkan?

Kriteria yang digunakan termasuk:-

- (a) zon penampungan yang mencukupi (di antara 1.5km hingga 3.0km)
  - (b) kegunaan tanah berhampiran - tapak yang berhampiran kawasan kediaman tidak digalakkan
  - (c) kegunaan air sungai
7. Bilangan kilang yang telah diberi kelulusan tapak selepas Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dikuatkuasakan?

Sebanyak 120 kilang getah telah diberi kelulusan tapak dan seterusnya beroperasi selepas Peraturan dikuatkuasakan.

**Nota:** Bilangan kilang getah yang dilesenkan = 205

8. Sejak penguatkuasaan undang-undang apakah pencapaian setakat ini.

Tempoh	Standard BOD (mg/l)
1.4.1980	450
1.4.1981	300
1.4.1982	200
1.4.1983	100
dan seterusnya	

Standard pelepasan untuk parameter keperluan oksigen biokimia (BOD) bagi kilang getah telah diturunkan dari 500 miligram seliter semenjak tahun 1978 sehingga 100 miligram seliter dalam tahun 1983 yang mana standard ini digunakan sehingga kini. Secara am, kesemua kilang getah dapat mematuhi standard pelepasan tersebut di mana beban pencemaran dari industri ini telah berkurangan sebanyak 90% semenjak undang-undang dikuatkuasakan.

9. Mengapakah masalah ini masih berterusan?

Kebanyakan masalah timbul akibat dari pembangunan baru seperti projek-projek perumahan yang dibangunkan terlalu dekat dengan kilang-kilang yang sudah bertempat di kawasan tersebut.

**Nota:** Bau merupakan masalah ketara yang susah dikawal selain daripada peruntukan zon penampungan yang mencukupi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN V.K. SELLAPPAN  
TARIKH : 29 JUN 1990


**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada penebangan pokok-pokok di kawasan-kawasan pendalaman khususnya di tepi-tepi sungai akan membawa kepada hakisan tanah.

**JAWAPAN**

Ya, hakisan tanah adalah gejala yang akan berlaku jika pokok-pokok di sesuatu kawasan ditebang secara besar-besaran tidak kira sama ada ianya di tepi-tepi sungai atau pendalaman.

**1991**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH ROSNAH BINTI HJ. MOHD. SALLEH  
TARIKH : 25 FEBRUARI 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah keadaan pencemaran di negara kita dalam keadaan terkawal. Kenapakah banjir kilat selalu sangat terjadi di Kuala Lumpur. Tidakkah apa-apa perancangan atau tindakan diambil oleh pihak berkenaan.

**JAWAPAN**

Pada keseluruhannya keadaan pencemaran di negara kita adalah dalam keadaan terkawal. Sebagai contoh, dari aspek pencemaran-pencemaran air daripada 86 batang sungai yang diawasi dalam tahun 1989 cuma Sungai Juru, Sungai Ibai dan Sungai Kelang termasuk dalam kategori sungai tercemar dan 49 batang sungai yang lain adalah bersih. Sebahagian besar dari sungai yang termasuk dalam kategori tercemar berpunca dari bahan pembuangan organik yang tinggi daripada kumbahan, penternakan babi dan industri, dan pembangunan tanah kawalan yang secukupnya yang mengakibatkan kelodakan air.

Menyentuh tentang pencemaran udara pula, keadaan juga terkawal di mana tahap kualiti udara keseluruhannya masih dalam keadaan memuaskan.

Walau bagaimanapun, di beberapa kawasan seperti di bandar-bandar yang besar dengan bilangan kenderaan bermotor yang kian meningkat dan di kawasan perindustrian yang pesat tahap kualiti udara dari beberapa bahan pencemar telah merosot.

Pada tahun 1989, paras kandungan habuk terampai di kawasan-kawasan komersial, perumahan dan luar bandar adalah rendah dan mematuhi garis panduan yang disarankan. Kawasan-kawasan trafik dan perindustrian merekodkan paras kandungan habuk terampai yang tinggi dan melebihi garis panduan yang disarankan.

Paras kandungan plumbum yang boleh memudaratkan kesihatan adalah rendah di kawasan-kawasan perumahan, perindustrian dan komersial tetapi tinggi di kawasan yang bercorak trafik.

Jawapan yang diberikan kepada Ahli YB adalah secara ringkas yang dapat memberi gambaran mengenai keadaan kualiti alam sekitar di negara ini. Jika Ahli YB berminat saya sedia memberi satu salinan Laporan Kualiti Alam Sekitar '89 yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Mengenai masalah banjir kilat di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk makluman Ahli YB, ianya biasa berlaku di kawasan-kawasan rendah di hilir sungai-sungai. Sebab-sebab utama berlakunya banjir kilat ialah jumlah air larian hujan yang banyak turun ke sungai dan mengalir dengan cepat ke hilir sungai.

Keadaan ini berlaku kerana perubahan permukaan bumi daripada kawasan pokok-pokok dan tanaman-tanaman (kawasan hijau) yang mempunyai daya resapan dan tahanan air hujan ke dalam tanah yang lebih tinggi di kawasan-kawasan perumahan dan industri yang mana daya dan resapannya hampir kosong. Pembinaan parit-parit saluran ke kawasan-kawasan perumahan dan pembangunan juga mempercepatkan aliran air hujan sampai ke sungai.

Proses pemendapan di sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga merupakan faktor yang mengurangkan daya saliran pada rangkaian sungai-sungai ini.

Banjir kilat juga berlaku apabila sungai-sungai, parit-parit utama atau pembentung tersumbat akibat dari sampah sarap yang menghalang aliran sungai dan parit.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan dua agensi kerajaan yang terlibat di dalam menyediakan sistem saluran bandar bagi mengurangkan kejadian banjir kilat dan banjir besar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai perancangan, malah telah dan sedang melaksanakan, berbagai-bagai projek pembaikan dan pembesaran sungai-sungai yang selalu menyebabkan banjir besar. Perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran telah bermula sejak Rancangan Malaysia Ketiga dan kerja-kerjanya akan diteruskan ke masa akan datang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAVID YEOH ENG HOCK  
TARIKH : 28 FEBRUARI 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah pencemaran persekitaran di Malaysia sekiranya tidak dikawal boleh menjadi masalah yang besar di negara ini kebanyakannya adalah berpunca dari gas buangan kenderaan bermotor, buangan dari kilang, kebakaran sampah sarap yang tidak terkawal dan lain-lain. Cuaca berjerebu yang berlaku pada Ogos 1990 di Kuala Lumpur adalah punca dari faktor-faktor ini:
  - (a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memeriksa darjah pencemaran udara di negara ini;
  - (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal masalah pencemaran udara di negara ini.

**JAWAPAN**

Ya, saya sedar bahawa masalah pencemaran di Malaysia boleh menjadi masalah yang besar jika tidak dikawal. Oleh sebab itu Kerajaan telah mewartakan Akta Kualiti Alam Sekeliling dalam tahun 1974 dan menubuhkan Jabatan Alam Sekitar bagi menguatkuasakan Akta dan Peraturan di bawahnya.

- (a) Untuk makluman Ahli Y.B., Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menentukan status kualiti udara dengan merancang dan melaksanakan Program Pengawasan Udara Kebangsaan bertujuan memeriksa darjah atau tahap pencemaran udara di negara ini. Setakat ini 224 buah stesyen telah ditubuhkan untuk mengawas berbagai bahan pencemaran di udara.
- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan berkenaan untuk mengawal masalah pencemaran udara di negara ini termasuklah:

- (i) Memperketat dan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan terhadap kenderaan bermotor mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977; kerana kenderaan bermotor merupakan punca utama dan terbesar masalah udara;
- (ii) Memperketat dan mempertimbangkan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978; bagi mengawal masalah pencemaran khususnya oleh aktiviti-aktiviti perindustrian dan komersial;
- (iii) Mengawasi pematuhan oleh pihak industri petroleum kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985 yang menghendaki kandungan paras plumbum dalam minyak gasolin (petrol) hanya pada paras 0.15 gram/liter mulai 1 Januari 1990 yang lalu bagi mengawal pelepasan plumbum ke udara melalui ekzos kenderaan petrol;
- (iv) Mempertingkatkan lagi sistem pengawasan kualiti udara di seluruh negara supaya maklumat-maklumat terperinci boleh diperolehi untuk memberikan gambaran status kualiti udara dari semasa ke semasa; dan
- (v) Memperketat dan mempertingkatkan penguatkuasaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 demi menentukan projek pembangunan di peringkat perancangan mengambilkira pencegahan dan kawalan pencemaran udara sebelum projek tersebut didirikan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 30 JULAI 1991

**SOALAN**

1. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan kabus yang timbul semula di pertengahan bulan Jun 1991 dan Jabatan Kaji Cuaca menyatakan kabus akan berterusan sehingga Ogos dan ia adalah fenomena biasa:
  - (a) sebab-sebab Kementerian tersebut mengatakan kabus adalah satu fenomena biasa pada masa kini dan bukan pada masa dahulu;
  - (b) bagaimana Kementerian akan meningkatkan kesedaran rakyat tentang kempen mengurangkan kabus seperti membakar sampah pada masa itu; dan
  - (c) bagaimana kabus boleh mengancam kesihatan orang ramai dan langkah pencegahan yang diambil supaya kabus tidak menjejaskan kesihatan rakyat.

**JAWAPAN**

- (a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat fenomena jerebu (haze, dengan izin) berlaku bukan sahaja pada masa kini tetapi juga pada masa dahulu terutamanya di kawasan bandar dan semasa musim kering.

Fenomena jerebu itu biasanya berlaku pada musim barat daya (Southwest Monsoon, dengan izin) yang dialami di Semenanjung Malaysia dari bulan Jun sehingga awal September. Semasa ini cuaca kering kerap berlaku dengan keadaan angin perlahan yang merupakan keadaan yang sesuai (favourable, dengan izin) untuk kejadian jerebu.

Jerebu ringan itu berlaku kerana asap dari kenderaan-kenderaan yang bertambah dari tahun ke tahun terutamanya di Lembah Kelang dan di bandar-bandar besar yang lain.

- (b) Kementerian akan meningkatkan kesedaran rakyat tentang kempen mengurangkan kabus dengan langkah-langkah berikut:
- (i) Menyiarkan amaran melalui radio dan televisyen kepada rakyat supaya tidak mengamalkan pembakaran sampah semasa keadaan jerebu berlaku.
  - (ii) Meningkatkan kempen penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
  - (iii) Menyediakan talian 'hotline' bagi membolehkan orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti pembakaran oleh mana-mana pihak.
  - (iv) Mengumumkan status kualiti udara dari masa ke semasa melalui media massa dalam keadaan berjerebu ini.
- (c) Kesan buruk kesihatan yang disebabkan oleh kabus bergantung kepada faktor-faktor seperti jenis bahan pencemaran di udara, kepekatan bahan pencemaran di udara, jangkamasa pendedahan kepada bahan pencemaran, dan taraf kesihatan seseorang. Langkah pencegahan yang boleh diambil supaya tidak menjejaskan kesihatan rakyat terbahagi kepada dua (2). Langkah pencegahan permulaan meliputi segala usaha untuk mencegah dan/atau mengurangkan penghasilan bahan pencemaran pada punca (source). Langkah pencegahan selanjutnya adalah mengurangkan kemungkinan terdedah kepada bahan pencemaran tersebut seperti menghadkan aktiviti luar rumah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAVID YEOH ENG HOCK  
TARIKH : 30 JULAI 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sama ada benar bahawa terdapat pembuangan secara terbuka sisa-sisa toksik oleh sebuah kilang yang mengeluarkan racun tumbuhan (herbicide) "2, 4-D agent orange fame" tanpa mendapat kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar telah dijumpai di kawasan perairan Pelabuhan Klang Utara. Memandangkan bahawa negara-negara maju telah mula menghentikan pengeluaran 2, 4-D disebabkan oleh kesan berbahayanya ke atas kesihatan manusia, adakah Kerajaan kita mengambil sebarang langkah positif untuk mengawal operasi sebegini di negara ini. Nyatakan langkah-langkah yang diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, adalah tidak benar bahawa terdapat pembuangan secara terbuka sisa-sisa toksik oleh kilang 2, 4-D di Pelabuhan Klang Utara. Lawatan pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar telah mendapati bahawa kilang belum beroperasi dan tidak melepaskan sebarang buangan ke kawasan perairan Selat Klang Utara.

Sebenarnya bahan kimia 2, 4-D yang akan dikeluarkan oleh kilang ini bukanlah "agent orange" seperti yang dimaksudkan. "Agent orange" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah campuran kimia 2, 4, 5-T dan 2, 4-D. Manakala 2, 4-D adalah racun tumbuhan yang didaftarkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 kerana ia didapati selamat untuk digunakan jika mengikut kaedah yang ditetapkan. Mengikut data-data yang diperolehi daripada badan antarabangsa seperti "International Register of Potentially Toxic Chemicals" atau IRPTC, tiada negara yang mengharamkan pengeluaran dan penggunaan 2,4-D. Cuma penggunaannya sahaja dihadkan untuk sesuatu tujuan tertentu.

Mengenai keselamatan kilang-kilang kimia, Kerajaan memang telah dan sentiasa mengambil langkah positif dalam mengawal operasi kilang-kilang kimia seperti

ini. Kilang-kilang seperti ini tidak akan dibenarkan beroperasi sekiranya kilang tiada mempunyai langkah-langkah kawalan tertentu. Jabatan Alam Sekitar juga akan memastikan bahawa sebarang pelepasan daripada kilang, sama ada ke dalam udara atau ke dalam sistem air mematuhi standard pelepasan yang ditentukan. Kilang-kilang seperti ini juga diminta mengemukakan laporan analisis risiko dan prosedur tindakan kecemasan bagi menentukan tahap risiko kilang, alat-alat keselamatan yang dipasang serta prosedur komunikasi yang berkesan sekiranya berlaku kemalangan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan alam sekitar. Kilangnya dibenarkan beroperasi setelah semua Jabatan yang berkaitan berpuashati dengan perkara-perkara yang saya nyatakan di atas.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **SOALAN**

1. Bilakah Jabatan Alam Sekitar menerima permohonan untuk mendirikan kilang kimia 2, 4-D di Selat Klang Utara dan apakah status permohonan tersebut?

### **JAWAPAN**

Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima permohonan tentang cadangan penubuhan kilang 2, 4-D di Selat Klang Utara pada 30 Oktober 1989, setelah kerja-kerja pembinaan kilang dimulakan. Oleh kerana kilang tersebut adalah dari jenis kilang berbahaya, Jabatan Alam Sekitar telah meminta pihak pekilang mengemukakan Laporan Analisis sebagai sebahagian daripada pertimbangan kesesuaian tapak kilang. Pihak pekilang telah mengemukakan laporan tersebut pada 4 Januari 1991. Walau bagaimanapun, laporan masih kekurangan maklumat-maklumat tertentu dan pihak kilang telah diarah mengemaskinikan laporan tersebut. Seterusnya, Jabatan Alam Sekitar menerima laporan yang agak lengkap pada 11 Jun 1991. Pada masa sekarang ini, Jabatan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Klang dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk memastikan operasi kilang ini kelak di tahap selamat dan tidak membahayakan.

### **SOALAN**

2. Mengapa kilang tidak menjalankan kajian EIA?

## **JAWAPAN**

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, menetapkan aktiviti dan keluasan/pengeluarannya di mana laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling perlu disediakan.

Kilang kimia ini tidak tertakluk di bawah Perintah tersebut kerana pengeluarannya adalah kurang daripada 100 tan metrik/hari. (Cadangan pengeluaran mengikut maklumat yang dikemukakan adalah 3 tan metrik/hari).

## **SOALAN**

3. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian bagi mengawal kilang ini jika tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling)?

## **JAWAPAN**

Tindakan boleh diambil di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 bagi mencegah dan mengawal pencemaran dari kilang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. ABD. MAJID B. HJ. ABDULLAH  
TARIKH : 6 OGOS 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, adakah Kementerian sedar adanya satu perusahaan menternak itik dan ayam secara besar-besaran di Sungai Sayong Daerah Kota Tinggi, Johor yang sedang mengancam sebuah loji bekalan air di sebelah bawahnya yang dibekalkan kepada penduduk FELDA Sg. Sayong, Pasir Raja, Bukit Besar dan Bukit Ramun. Demi kesihatan penduduk tempatan, apakah tindakan Kementerian di atas perkara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan perusahaan menternak itik dan ayam ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Kota Tinggi. Oleh itu saya telahpun merujuk perkara ini untuk perhatian dan tindakan agensi yang berkenaan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

**SOALAN**

Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kesihatan?

**JAWAPAN**

Jabatan Alam Sekitar ada menerima salinan surat dan laporan bertarikh 24 Jun 1991 daripada Jabatan Kesihatan, Kota Tinggi kepada Pejabat Daerah Kota Tinggi mengenai perusahaan itik di kawasan tersebut. Jabatan Kesihatan menasihatkan supaya perusahaan tersebut dihentikan kerana mungkin akan mengakibatkan pencemaran yang serius.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN K. VIJAYANATHAN  
TARIKH : 6 OGOS 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandang kepada perjalanan trafik kapal-kapal laut yang berat dan besar di Selat Melaka terutamanya kapal-kapal (tankers) dimuatkan dengan minyak, sama ada Kementerian sedar mengenai bahaya yang akan menimpa kepada alam sekitar dan kepada persisiran (coast line) negara kita jika berlaku pelanggaran sepertimana yang melibatkan kapal "EXXON VALDEZ". Bolehkah Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam situasi seumpama ini untuk mengelakkan kerugian kepada alam sekitar dan persisiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar mengenai bahaya yang akan menimpa kepada alam sekitar dan kepada persisiran (coast line) negara kita jika berlaku pelanggaran yang menyebabkan tumpahan minyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 1976 langkah yang telah diambil bagi mencegah dan mengawal tumpahan minyak di perairan Malaysia dan persekitarannya adalah seperti berikut:

- (i) Prosedur Bertindak (Response Procedure) bagi kawasan Selat Melaka yang telah digubal pada tahun 1976.
- (ii) Rancangan Kontingensi Kebangsaan yang meliputi keseluruhan perairan Malaysia sama ada meliputi Selat Melaka atau Laut China Selatan.
- (iii) Rancangan Kontingensi Tumpahan Minyak oleh syarikat minyak dan Lembaga Pelabuhan bagi mengawal tumpahan minyak dari operasi mereka.

- (iv) Skim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) yang bertujuan mengendalikan laluan kapal-kapal di Selat Melaka.
- (v) Rancangan Kontingensi di antara Indonesia, Malaysia dan Singapura di bawah "Standard Operating Procedure for Joint Oil Spill Combat in the Straits of Malacca and Singapore".
- (vi) Rancangan Kontingensi ASEAN.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **SOALAN**

Pernahkah latihan-latihan dibuat untuk menguji keberkesanan rancangan-rancangan kontingensi ini?

### **JAWAPAN**

Sebanyak dua siri latihan telah diadakan bagi menguji keberkesanan dan kecekapan Rancangan Kontingensi Kebangsaan ini. Latihan pertama telah diadakan pada Disember 1989 yang menguji kekesan komunikasi antara agensi-agensi terbabit. Pada bulan Jun 1990, Rancangan ini sekali lagi diuji dengan melibatkan pegawai-pegawai berkaitan dan penggunaan peralatan melawan tumpahan minyak.

### **SOALAN**

Bagaimanakah sejarah pembentukan Rancangan Kontingensi Melawan Tumpahan Minyak di Malaysia?

### **JAWAPAN**

Dari kedua-dua kejadian Showa Maru dan Diego Silang tersebut sebanyak 9,500 tan tumpahan minyak terjadi dan telah menyebabkan kesan-kesan yang buruk kepada perairan negara terutamanya kawasan-kawasan sensitif sepanjang persisiran pantai. Akibatnya pendapatan nelayan telah merosot dan pantai-pantai juga turut tercemar. Tuntutan ganti rugi telah dikenakan di mana sejumlah M\$1.2 juta dituntut dari kes Showa Maru dan sejumlah M\$2.6 juta dituntut dari kapal Diego Silang.

## SOALAN

Apakah perkara-perkara yang terkandung di dalam Rancangan Kontingensi Melawan Tumpahan Minyak?

## JAWAPAN

Antara isi kandungan Rancangan Kontingensi Kebangsaan tersebut ialah:-

- (i) Prosedur mendapatkan bantuan luar sekiranya bantuan dalam negeri tidak mencukupi.
- (ii) Prosedur pembersihan pantai.
- (iii) Bantuan pemerhatian dan operasi penyemburan "dispersant" dari udara.
- (iv) Teknik-teknik melawan tumpahan minyak.
- (v) Kaedah pelupusan buangan berminyak.

Rancangan tersebut juga menyenaraikan:

- (i) Peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak.
- (ii) Pegawai-pegawai yang boleh dihubungi semasa kejadian tumpahan minyak.
- (iii) Kawasan kemungkinan berlakunya tumpahan minyak.
- (iv) Kawasan-kawasan yang sensitif pada tumpahan minyak.

Selain dari itu bagi memastikan pegawai-pegawai terbabit bersedia menghadapi tumpahan minyak latihan-latihan berkaitan penggunaan peralatan dan teknik-teknik pengendalian minyak dengan teratur sentiasa diadakan.

## SOALAN

Adakah Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan ke atas kapal-kapal yang membuang minyak/encemar minyak di perairan Malaysia?

## JAWAPAN

Bagi kejadian pembuangan bahan-bahan berminyak misalnya enapcemar, tindakan juga boleh diambil dengan menahan kapal yang terbabit. Terdapat dua kes yang melibatkan pembuangan enapcemar pada tahun 1990 dan 1991 yang mana kedua kejadian berlaku di Johor. Kes-kes tersebut adalah seperti lampiran.

### Kes-kes Pencemaran yang Melibatkan Pembuangan Enapcemar di Perairan Malaysia

Tarikh	Kapal/Tongkang	Kuantiti Enapcemar (tan metrik)	Nilai Jaminan Bank (M\$)
16.8.90	Kapal - M.T. Happy Giant Tongkang - Maharaja I - Maharaja III	4000 tan metrik	75,000.00
28.6.91	Kapal - Al Nisr Al Arabi Tongkang - KT 33	500 tan metrik	695,000.00

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 17 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - a) sebab-sebab wujud jerebu 'back-ground' yang meliputi bandar-bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang baru-baru ini;
  - b) samada jerebu 'back-ground' itu boleh menjadi 'smog' sebagaimana yang berlaku di California, Amerika Syarikat pada tahun lapan puluhan; dan
  - c) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan orang ramai untuk mengawal jerebu 'back-ground' itu.

**JAWAPAN**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan udara berjerebu yang wujud di Malaysia termasuk bandar-bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang baru-baru ini adalah berpunca dari 2 faktor iaitu faktor luaran dan faktor dalaman.

Faktor luaran adalah kejadian pembakaran hutan yang berlaku di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Kejadian ini biasanya berlaku dalam keadaan cuaca yang kering dan tiupan angin Barat Daya yang membawa debu dan asap dari kawasan kebakaran ke kawasan Malaysia.

Faktor dalaman iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian, kegiatan pembakaran terbuka dari tempat-tempat pelupusan sampah sarap serta aktiviti pembukaan tanah baru turut memberi kesan kepada keadaan berjerebu ini, terutamanya apabila keadaan udara didapati stabil dan tidak mampu membawa debu dan asap ke kawasan-kawasan lain.

- b) Daripada laporan mengenai kejadian 'L.A. smog' yang berlaku di California, Amerika Syarikat adalah berpunca dari pelepasan gas-gas pencemar yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan bermotor. Gas-gas pencemar tersebut adalah seperti Ozon ( $O_3$ ) dan Nitrogen Dioksida ( $NO_2$ ).

Pada masa keadaan berjerebu berlaku baru-baru ini, paras gas-gas pencemar di atas berada dalam keadaan terkawal. Sebahagian besar udara berjerubu tersebut terdiri dari kandungan habuk terampai. Oleh yang demikian pihak Kementerian berpendapat kejadian 'L.A. SMOG' tidak serupa dengan kejadian berjerebu di negara ini.

- c) Dalam usaha untuk mengawal keadaan berjerebu ini, pihak Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa induk mengenai jerebu yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Di bawah jawatankuasa ini, 3 Kumpulan Kerja telah dibentuk iaitu:
- (i) Kumpulan Kerja untuk mengenalpasti punca-punca jerebu;
  - (ii) Kumpulan Kerja untuk mengkaji kesan-kesan jerebu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
  - (iii) Kumpulan Kerja untuk membentuk strategi kawalan jerebu.

Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan sedang berusaha untuk mengetatkan lagi undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri.

Manakala orang ramai pula dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerebu demi mengelak keadaan menjadi bertambah serius.

Orang ramai juga digalakkan supaya menggunakan kenderaan awam atau berkongsi kenderaan (car-pool) untuk ke tempat kerja atau lain-lain destinasi.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan iaitu 'Mass Rapid Transport' atau MRT bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan pencemaran udara.

Pihak Kementerian memang sedar bahawa pelepasan gas-gas pencemar dari kenderaan bermotor akan terus meningkat dengan bertambahnya bilangan kenderaan. Oleh itu langkah Kerajaan bercadang untuk menggantikan sumber bahan bakar yang digunakan sekarang iaitu minyak petrol kepada gas asli (CNG) dalam kegiatan ekonomi dan pengangkutan pada masa-masa hadapan akan mengatasi sebahagian besar masalah pencemaran udara di negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN MUNIASAMY  
TARIKH : 19 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Tuan K. Muniasamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - a) apakah sebabnya keadaan berjerebu berlaku di Malaysia baru-baru ini;
  - b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan perkara begini berlaku lagi; dan
  - c) kerugian yang dialami oleh berbagai pihak semenjak keadaan berjerebu berlaku.

**JAWAPAN**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan soalan (a) dan (b) telahpun dijawab dalam Dewan yang sama pada 17 Disember 1991 yang lalu.
- b) Berhubung dengan soalan (c), hanya pihak penerbangan MAS sahaja yang melaporkan telah menghadapi kerugian selepas berlaku kejadian berjerebu. Pada tempoh antara 30 September hingga 14 Oktober 1991 yang lalu, sebanyak 109 penerbangan tempatan terpaksa dibatalkan dan ini telah melibatkan kerugian sebanyak \$380,000.00. Walau bagaimanapun jadual penerbangan antarabangsa tidak terjejas.

Kerugian ke atas tanam-tanaman dan ternakan haiwan belum dapat dipastikan kerana tidak ada kajian dibuat oleh mana-mana pihak yang berkenaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH CHE PORA BT. HAJI OMAR  
TARIKH : 20 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa untuk mengatasi masalah suasana berjerebu yang dialami di seluruh negara. Sekiranya ada, apakah pendekatan yang diambil untuk membendung masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd Salleh pada 26.12.91, Yang Berhormat Tuan Dol bin Dolah pada 30.12.91, soalan (b), dan Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan pada 31.12.91 kerana semua pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, keadaan udara berjerebu yang berlaku di negara ini, khususnya bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang baru-baru ini, adalah berpunca dari dua faktor.

Pertama faktor luaran iaitu kejadian pembakaran hutan yang berlaku di negara jiran. Kejadian ini biasanya berlaku dalam keadaan cuaca yang kering dan tiupan angin Barat-Daya yang membawa debu dan asap dari kawasan kebakaran tersebut ke kawasan-kawasan berkenaan di negara ini.

Kedua faktor-faktor dalaman iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian, kegiatan pembakaran terbuka dari tempat-tempat pelupusan sampah serta aktiviti pembukaan tanah baru yang turut juga memberi kesan kepada keadaan berjerebu ini, terutamanya apabila keadaan udara didapati stabil dan tidak mampu membawa debu dan asap ke kawasan-kawasan lain.

Dalam usaha untuk mengawal kawasan berjerebu, Kementerian ini telah

menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan (Induk) mengenai jerebu yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Tiga Kumpulan Kerja telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa berkenaan iaitu:-

- (a) Kumpulan Kerja untuk mengenalpasti punca-punca jerebu;
- (b) Kumpulan Kerja untuk mengkaji kesan-kesan jerebu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
- (c) Kumpulan Kerja untuk membentuk strategi kawalan jerebu.

Kerajaan sedang berusaha untuk mengetat serta meningkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri. Manakala orang ramai pula dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerebu demi mengelakkan daripada keadaan jerebu menjadi bertambah serius.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 20 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah benar dengan pembinaan Pusat Remote Sensing Negara sebagai stesen pengesan, dapat membantu mengesan pembalakan haram.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar Pusat Remote Sensing Negara boleh membantu mengesan aktiviti pembalakan haram khususnya bagi kawasan-kawasan baru. Selain daripada itu, Pusat Remote Sensing Negara juga boleh membantu mengumpul maklumat bagi aktiviti pertanian meliputi pemetaan guna tanah, kajian keadaan tanaman dan ramalan hasil tanaman, aktiviti geologi meliputi eksplorasi mineral, petroleum dan pemetaan struktur batu-batuan, aktiviti alam sekitar meliputi keadaan jerebu, keadaan tadahan air dan hakisan tanah khususnya di kawasan pantai, aktiviti pembangunan infrastruktur meliputi lebuh raya, empangan dan petempatan peneroka-peneroka luar bandar dan aktiviti perancangan strategik serta aktiviti keselamatan negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ROSNAH BT. HJ. MOHD SALLEH  
TARIKH : 24 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah teknologi gantian “recycle” akan diperkenalkan di Malaysia. Apakah kesannya terhadap alam sekitar serta ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa teknologi “recycle” telah diperkenalkan di negara ini secara berperingkat-peringkat. Teknologi ini digunakan bagi memproses bahan buangan untuk digunakan semula sebagai bahan mentah di dalam aktiviti-aktiviti perindustrian dan lain-lain. Teknologi “recycle” memberi kesan yang positif kepada alam sekitar di samping dapat meningkatkan ekonomi negara. Teknologi ini juga merupakan salah satu kaedah bagi mengurang atau mengelakkan daripada berlakunya pembaziran yang boleh mengakibatkan kesan kepada alam sekitar, memaksimumkan penggunaan sumber dan menjimatkan tenaga kerja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN MUSTAFFA BIN AWANG  
TARIKH : 24 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Mustaffa bin Awang** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa sehingga kini sejauh mana berjayanya sekam padi dan habuk kayu dan gergaji diproses untuk dijadikan bahan perabot dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini SIRIM telah mengkaji penggunaan sekam padi dalam pelbagai bidang iaitu seperti batu-batu ringan, pembakar bahan bendalir (fluidized bed combuster), "particle board" dan "rice husk briquette", dengan izin. SIRIM juga telah mengkaji penggunaan abu sekam padi, serbuk sental, bahan penapis, bahan penebat kalsium silikat (calcium silicate insulation material), bahan "amorphous silica", bahan kalsium silikit hidrat, "wollastonite, zeolite, activated carbon", serbuk "silicon carbide" dan "silicon nitride", dengan izin.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH ROSNAH BT. HJ. MOHD SALLEH  
TARIKH : 26 DISEMBER 1991

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apa-apa langkah yang dilakukan untuk mengurangkan jerebu yang mengakibatkan berbagai-bagai jenis penyakit dan kerugian kepada MAS akibat kapal terbang tidak dapat mendarat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengawal keadaan berjerebu, Kementerian ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan (Induk) Mengenai Jerebu yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Tiga Kumpulan Kerja telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa berkenaan iaitu untuk:

- (a) mengenalpasti punca-punca jerebu;
- (b) mengkaji kesan-kesan jerebu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
- (c) membentuk strategi kawalan jerebu.

Di samping itu Kerajaan juga sedang berusaha untuk mengetat serta meningkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri. Manakala orang ramai pula adalah diminta memberi kerjasama supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerebu dengan tujuan untuk mengelakkan daripada keadaan jerebu menjadi bertambah serius.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN V.K. SELLAPAN  
TARIKH : 31 DISEMBER 1991


**SOALAN**

1. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) Apakah hasil kajian Kementerian keadaan berjerebu yang melanda teruk negara kita baru-baru ini; dan
  - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar seumpama itu tidak berulang lagi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan bahagian (a) adalah sama dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada 17.12.91. Manakala soalan bahagian (b) adalah sama dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah bte Mohd. Salleh pada 26.12.91. Kesemua soalan tersebut telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada hari-hari yang tersebut di atas. Saya tiada apa-apa lagi yang hendak ditambah.

**1992**  
**DEWAN NEGARA**



## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN  
TARIKH : 4 MEI 1992

### SOALAN

1. **Encik Wan Hanafiah Bin Wan Mat Saman** minta Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang padi yang masih tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan hingga masyarakat di sekitar kilang-kilang padi terutamanya di Kedah terganggu dengan debu sekam padi yang dibiarkan berterbangan di alam sekitar?

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, di Negeri Kedah, beberapa agensi Kerajaan yang terlibat seperti Lembaga Padi dan Beras Negara, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Kerajaan Tempatan serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri bekerjasama mengawasi, mengawal, menguatkuasakan serta mengambil tindakan terhadap kilang-kilang padi yang masih tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan bersepadu ini telah dapat mengawal dan mengurangkan masalah kacau ganggu yang ketara daripada operasi kilang padi di negara ini. Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar sendiri sering menjalankan pemeriksaan mengejut dan tindakan penguatkuasaan selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, P.U. (A) 280 telah diambil terhadap kilang yang tidak mematuhi undang-undang.

### MAKLUMAT TAMBAHAN

Sepanjang tempoh tahun 1990 hingga April 1992 sebanyak 15 aduan mengenai masalah debu sekam padi diterima oleh Jabatan Alam Sekitar. Pemeriksaan mengejut dan tindakan penguatkuasaan telah menghasilkan 4 tawaran kompaun bersabit dengan kesalahan pembakaran terbuka, 1 tawaran kompaun bersabit dengan kesalahan pemasangan alat pembakaran bahanapi tanpa kelulusan, 1 Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 mengarahkan pemasangan sistem tertutup untuk alat pengering padi dan Surat-Surat Arahan Biasa menyarankan pihak kilang-kilang mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dari masa ke semasa.

Tindakan-tindakan ini telah dapat mengurangkan masalah pencemaran abuk sekam padi tersebut melalui petunjuk tren aduan yang diterima yang kian menurun iaitu 1990 sebanyak 8 aduan, 1991 sebanyak 7 aduan dan April 1992 tiada aduan diterima.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH  
TARIKH : 1 JUN 1992

**SOALAN**

1. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah dibuat oleh Kementerian ini untuk memastikan supaya tidak berlakunya pencemaran udara dan air.

**JAWAPAN**

Bagi memastikan masalah pencemaran udara dan air dapat dikawal ke tahap yang minimum, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyediakan beberapa strategi pengurusan alam sekitar berdasarkan kepada kawalan dan pencegahan pencemaran, pengintegrasian faktor alam sekitar ke dalam perancangan dan pelaksanaan projek serta input alam sekitar di dalam perancangan pembangunan sumber dan wilayah.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

**Butir-butir Pendekatan**

**a. Kawalan dan Pencegahan Pencemaran**

Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan 13 Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya memainkan peranan yang penting di dalam pengurusan alam sekitar bagi mengawal masalah pencemaran air dan udara serta buangan dari sisa-sisa industri. Pejabat-pejabat Jabatan Alam Sekitar yang telah ditubuhkan di beberapa negeri adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta dan Peraturan-Peraturan tersebut secara berkesan. Kerjasama dan penyelarasan aktiviti penguatkuasaan dengan lain-lain agensi Kerajaan turut juga menyumbang ke arah kawalan dan pencegahan pencemaran.

**b. Perancangan Projek Bersepadu**

Di dalam kaedah perancangan projek bersepadu, pertimbangan alam sekitar diintegrasikan ke dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Untuk tujuan itu, keperluan Kajian Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar (EIA) telah dikuatkuasakan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, yang mengkehendaki seseorang yang menjalankan aktiviti yang telah ditetapkan menjalankan kajian menilai kesan-kesan alam sekitar yang akan terhasil dari projek tersebut serta mengenalpasti langkah-langkah kawalan untuk mengatasinya.

**c. Input Alam Sekitar Di Dalam Perancangan Pembangunan Sumber dan Wilayah**

Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan usaha untuk menerapkan faktor alam sekitar di dalam pelan-pelan pembangunan tanah seperti pelan wilayah, pelan induk, pelan struktur, pelan tempatan ataupun pelan pembangunan sumber.

Ketiga-tiga strategi di atas disokong oleh program-program pengurusan alam sekitar yang lain seperti pengawasan kualiti alam sekitar; pendidikan alam sekitar, maklumat dan latihan; pendidikan alam sekitar, kerjasama dan penyelarasan inter-agensi dan di peringkat Kerajaan Persekutuan-Kerajaan Negeri seperti Mesyuarat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab ke atas Hal Ehwal Alam Sekitar (MEXCOE), perundingan pelbagai jawatankuasa inter-agensi serta Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Di Peringkat Negeri yang telah dibentuk untuk mengawasi aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan dan kawalan alam sekitar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHI SIONG  
TARIKH : 4 JUN 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) projek pelupusan sisa toksik di Bukit Nanas, Negri Sembilan; dan
  - (b) kriterianya untuk memutuskan tempat-tempat yang sesuai bagi projek seumpama itu supaya tidak mengancam penduduk-penduduk sekeliling.

**JAWAPAN**

- (a) Projek kemudahan bersepadu bagi pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di Bukit Nanas, Negri Sembilan adalah bertujuan untuk mengumpul, mengolah dan melupus buangan terjadual yang dihasilkan oleh industri-industri di negara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, buat masa ini belum terdapat kemudahan sedemikian di negara ini menyebabkan industri-industri terpaksa menyimpan buangan-buangan tersebut di kawasan kilang. Setengah-setengah buangan telah dilupuskan secara tidak teratur yang mana boleh mencemarkan alam sekitar dan mengancam kesihatan orang ramai. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan termasuk:
  - (i) Insinerator bagi membakar buangan-buangan organik;
  - (ii) Loji pengolahan fizikal-kimia bagi mengolah buangan mengandungi logam-logam berat;
  - (iii) Loji stabilisasi bagi menstabilkan buangan enapcemar sebelum dilupuskan; dan
  - (iv) Tapak pelupusan terselamat bagi menanam buangan-buangan yang telah diolah dan distabilkan.

Kajian awal yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi Kerajaan yang lain menunjukkan bahawa tapak tersebut adalah sesuai. Walau bagaimanapun keputusan akhir samaada projek tersebut akan dibina di Bukit Nanas adalah bergantung kepada keputusan kajian EIA yang sedang dijalankan oleh juruperunding projek berkenaan.

- (b) Tapak-tapak untuk kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual adalah ditetapkan berdasarkan faktor-faktor seperti berikut:
  - (i) Terletak di luar kawasan tadahan air dan tiada takat pengambilan air di hilir tapak;
  - (ii) Ciri-ciri geologi dan hidrogeologi yang sesuai seperti tanahnya daripada tanah liat;
  - (iii) Tapak adalah tinggi dan tidak banjir;
  - (iv) Mempunyai zon penampungan (buffer zone) yang mencukupi di antara tapak dengan kawasan penduduk;
  - (v) Tiada kesan buruk terhadap ekologi setempat; dan
  - (vi) Lokasi yang strategik.

Kriteria-kriteria yang dijelaskan tadi perlulah diambilkira di dalam kajian awal dan kajian kesan alam sekitar (EIA) yang dijalankan oleh pencadang projek.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN LAW JACK YOON  
TARIKH : 4 JUN 1992

**SOALAN**

1. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) Anggaran peratus negara kita yang ditanam dengan tumbuh-tumbuhan;
  - (b) Bagaimana keadaan negara kita dari segi luas tanah yang diliputi oleh tumbuh-tumbuhan bila dibanding dengan negara maju;
  - (c) Adakah kegiatan menerangi hutan faktor utama dalam pencemaran alam sekitar sedunia; dan
  - (d) Sekiranya tidak, apakah faktor utama yang mencemarkan alam sekitar.

**JAWAPAN**

Perkara (a), (b), dan (c) input dari Kementerian Perusahaan Utama.

- (c) Tuan Yang DiPertua, aktiviti menerangi hutan bukanlah faktor utama dalam pencemaran alam sekitar sedunia.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek pencemaran sedunia antara faktor utama yang mencemarkan adalah:-
  - (i) pembakaran bahanapi fosil yang menyebabkan kepanasan bumi oleh "Green House Gases" seperti "CO<sub>2</sub>, Methane";
  - (ii) pelepasan gas-gas sulfur dioksida dari proses industri yang menyebabkan hujan asid;
  - (iii) pelepasan klorofluorokarbon atau CFCs ke udara;
  - (iv) pelepasan asap dari kenderaan bermotor yang mengandungi gas-gas karbon monoksida, sulfur dioksida dan oksid-oksida nitrus;
  - (v) pencemaran laut kerana tumpahan minyak dan operasi kapal; dan
  - (vi) bahan buangan toksik dari industri dan penunu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAHALAN HAJI EMBUN  
TARIKH : 5 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Dahalan Haji Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kerajaan/Kementerian menyediakan sesuatu teknologi berkesan untuk setiap jenis pencemaran sebelum pelaksanaan Undang-Undang dikuatkuasakan terhadap perlakuan sesuatu pencemaran. Sekiranya tidak untuk sesuatu jenis pencemaran tersebut apakah tindakan Kerajaan selanjutnya supaya pencegahan pencemaran tersebut dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi perhatian berat sebelum menggubal dan melaksanakan undang-undang alam sekitar selaras dengan perubahan dalam nilai dan keperluan manusia terhadap mutu kehidupan dan persekitaran yang lebih baik. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengenalpasti punca-punca tertentu yang berkaitan dengan masalah alam sekitar yang perlu dikawal dan seterusnya mengkaji dan menilai teknologi kawalan bagi pencemaran yang telah dikenalpasti dari segi keberkesanan, kos dan kesesuaian bagi industri-industri di Malaysia sebelum menetapkan standard-standard pelepasan yang perlu dipatuhi. Sekiranya teknologi kawalan yang ada tidak sesuai dari segi keberkesanan dan kosnya, pihak industri akan dikehendaki mengamalkan cara praktik terbaik (best practicable means) untuk mengurangkan masalah pencemaran.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAHALAN HAJI EMBUN  
TARIKH : 5 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Dahalan Haji Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kerjasama antara Kementerian dengan badan-badan pelaksana projek-projek perindustrian supaya pertumbuhan industri tidak terbantut dengan alasan masalah pencemaran.

**JAWAPAN**

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui agensinya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dan terus menjalankan berbagai program kerjasama dengan badan-badan pelaksanaan projek perindustrian. Di peringkat persekutuan, kerjasama dari segi penyeragaman dasar perancangan dan pengawalan alam sekitar dicapai melalui Mesyuarat Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada agensi yang kebanyakan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan projek-projek perindustrian. Jabatan Alam Sekitar juga telah menghantar wakilnya di Pusat Pelaburan MIDA untuk memudahkan pihak pelaksana projek memahami dan mematuhi keperluan untuk mengawal pencemaran alam sekitar di peringkat awal lagi. Di peringkat Kerajaan Negeri pula, di samping mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan-Kerajaan Negeri Mengenai Alam Sekitar, untuk menerangkan perkembangan tentang program pengawalan alam sekitar secara keseluruhannya, Jabatan Alam Sekitar Negeri-Negeri memainkan peranan dan kerjasama yang aktif untuk mengawal masalah pencemaran terutamanya yang berpunca daripada aktiviti perindustrian dengan memberikan ulasan dan input yang berkaitan di berbagai peringkat seperti Pusat Pelaburan Negeri, Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri-Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-Negeri dan sebagainya.

Selain dari itu Jabatan Alam Sekitar juga mengadakan runding cara (consultation) dengan pihak pelaksanaan projek untuk tujuan ini.

Program kesedaran (awareness) melalui ceramah-ceramah alam sekitar terus dibuat dengan badan-badan yang terlibat dengan pelaksanaan projek atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah usaha-usaha perancangan alam sekitar umpamanya EIA dan pengawalan alam sekitar melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, sebenarnya tidak bermaksud untuk membantutkan pertumbuhan industri dengan alasan pencemaran tetapi sebaliknya menggalakkan pertumbuhan industri yang peka kepada masalah pencemaran. Ini sebenarnya selaras dengan alasan slogan "Pembangunan Berkekalan" atau "Sustainable Development" yang juga diperdebatkan dengan hangat di Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro baru-baru ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN DAHALAN HAJI EMBUN  
TARIKH : 5 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Dahalan Haji Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) apakah tafsiran pencemaran berhubung dengan:
    - (i) Udara;
    - (ii) Air;
    - (iii) Bunyi; dan
    - (iv) Lain-lain jenis pencemaran;
  - (b) apakah 'standard' yang digunakan. Apakah 'standard' tersebut munasabah dari segi mengimbangi matlamat pembangunan negara dan matlamat alam sekitar yang selamat.

**JAWAPAN**

- (a) Tafsiran pencemaran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah pencemaran alam sekitar dan tafsirannya ialah satu keadaan di mana berlaku penambahan satu atau lebih bahan pencemar seperti bendasing udara, effluen, bunyi bising, bahan-bahan buangan dan sebagainya kepada alam sekeliling, di tahap yang boleh memberi kesan buruk kepada manusia dan lain-lain hidupan serta alam sekeliling. Tafsiran terperinci mengenai pencemaran ini adalah seperti di Seksyen 2, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
- (b) Standard yang digunakan untuk mengawal pencemaran adalah standard pelepasan pencemar ke udara dan ke air yang dibuat di dalam beberapa Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Pemakaian standard tersebut adalah berdasarkan kesesuaian dengan keadaan setempat dan keupayaan tekno-ekonomi. Oleh itu standard tersebut munasabah dari segi mengimbangi matlamat pembangunan negara dan matlamat alam sekitar yang sihat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN NEO TUAN CHENG  
TARIKH : 6 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah keadaan pencemaran perairan dan udara di negara kita kini. Apakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bercadang mengawasi pencemaran perairan dan udara di negara kita.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, keadaan pencemaran perairan di negara ini tercemar adalah berpunca dari aktiviti-aktiviti pembukaan tanah dan kerjatanah dan penternakan haiwan.

Berdasarkan kepada parameter pepejal terampai sebanyak 79% daripada 87 sungai yang diawasi telah dicemari oleh aktiviti-aktiviti pembukaan dan kerjatanah. Manakala, dari segi ammoniakal nitrogen, sebanyak 60% sungai-sungai yang diawasi di seluruh Malaysia dicemari oleh aktiviti penternakan dan kumbahan domestik. Sebanyak 25% pula, telah dicemari oleh industri berasaskan pertanian.

Mengenai pencemaran udara, secara umumnya kualiti udara di seluruh Malaysia adalah tidak begitu serius dan terkawal. Data pengawasan kualiti udara 1991 oleh Jabatan Alam Sekitar mencatatkan, paras logam berat plumbum telah bertambah baik berbanding dengan 4 tahun sebelumnya. Manakala bagi parameter habuk terampai telah bertambah 3 kali ganda berbanding dengan keadaan normal ketika berlaku jerebu disebabkan kebakaran hutan di Indonesia.

Pada keadaan normal di tempat-tempat tertentu, pencemaran habuk terampai telah mencatatkan paras yang tinggi terutamanya di kawasan industri dan jalan raya-jalan raya di seluruh negara.

Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang mengawasi pencemaran perairan melalui Program Pengawasan Kualiti Air Kebangsaan yang bermula sejak tahun 1978 bagi seluruh Malaysia.

Begitu juga, bagi mengawasi pencemaran udara, Jabatan Alam Sekitar telah menubuhkan sebanyak 217 stesen di bawah Program Pengawasan Kualiti Udara di seluruh negara semenjak tahun 1978.

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 11 OGOS 1992

### SOALAN

1. **Y.B. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah pandangan pihak Kementerian terhadap laporan Dana (Fund) Sedunia Alam Semula jadi (WWF) Malaysia yang menyatakan bahawa sistem fikeokologi hutan bakau dan terumbu karang di Pulau Redang sedang menuju kemusnahan ekoran kegagalan pemaju projek pembangunan pulau itu mengambil langkah-langkah dan pencerahan yang berkesan bagi menghalang hakisan dan pemerapan pemendapan.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mengambil perhatian akan laporan World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia serta isu-isu yang ditimbulkan seterusnya. Pihak WWF Malaysia telah dijemput untuk turut menganggotai Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang di mana ahlinya terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan pemaju projek. Mesyuarat Jawatankuasa tersebut pada 28 April 1992 telah membincangkan antara lain, laporan berkenaan dan laporan-laporan hasil pengawasan pemaju dan Jabatan Alam Sekitar. Mesyuarat telah memutuskan bahawa pemaju projek perlu mempertingkatkan keberkesanan langkah-langkah kawalan dan tebatan untuk memastikan semua masalah adalah terkawal. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah berpuas hati dengan langkah-langkah kawalan dan tebatan yang telah diambil oleh pemaju projek tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pulau Redang pada masa kini sedang dibangunkan dan projek-projek yang sedang dilaksanakan termasuklah projek pelancongan dan peranginan, penempatan semula penduduk-penduduk dari Kuala Redang ke Hulu Redang dan juga pembangunan infrastruktur. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan tersebut mengakibatkan perubahan dan kesan kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, dari pengawasan yang dijalankan, masalah yang timbul dapat dikawal dengan peningkatan langkah-langkah tebatan dan pencegahan yang sesuai.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG  
TARIKH : 11 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah terdapat hasrat Kerajaan mencari atau menyediakan satu atau lebih kawasan untuk menyelesaikan masalah sisa-sisa industri memandangkan negara kita menuju ke arah perindustrian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, buangan perindustrian terdiri dari dua jenis iaitu buangan bukan toksik dan toksik. Bagi buangan bukan toksik ianya adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi buangan toksik ianya adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Buangan Terjadual yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1989. Bagi buangan jenis ini, buat masa ini satu tapak pelupusan sudahpun mencukupi dan menampung keperluan pelupusan buangan tersebut di Malaysia. Satu tapak telah dikenalpasti bagi tujuan tersebut di Bukit Nanas di Negri Sembilan. Walau bagaimanapun tapak lain sedang dikenalpasti untuk digunakan pada masa akan datang setelah tapak pelepasan tersebut penuh muatannya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN MUSTAFA AWANG  
TARIKH : 12 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Mustafa Awang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sehingga kini berapa banyak kawasan alam sekitar yang telah dikenal pasti telah cemar dengan berbagai bagai akibat di seluruh negara. Sejauh mana kuasa yang ada kepada para Pegawai Alam Sekitar yang ditempatkan di negeri-negeri berhak mengambil tindakan kepada PENCEMAR-PENCEMAR ALAM SEKITAR, tersebut.

**JAWAPAN**

Daripada pengukuran takat jumlah partikulat terampai di udara adalah didapati kawasan-kawasan perindustrian dan kawasan sibuk dengan lalulintas adalah tercemar berbanding dengan kawasan perumahan. Kawasan-kawasan yang terlibat ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Johor, Selangor, Perak, Negri Sembilan dan Kedah. Dari segi pencemaran air pula, adalah didapati 6 buah sungai yang tercemar di Malaysia iaitu Sungai Sepang, Sungai Duyung, Sungai Buloh, Sungai Klang, Sungai Ibai dan Sungai Juru.

Bagi tugas-tugas penguatkuasaan biasa seperti kompaun, tindakan mahkamah, notis arahan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar di Peringkat Negeri diberi kuasa untuk mengambil tindakan demikian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN CHONG CHI SIONG  
TARIKH : 12 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) hasil yang diperolehi dalam konvensyen Rio berlangsung di Brazil baru-baru ini; dan
  - (b) apa strategi yang akan diambil dalam negara kita untuk melindungi alam sekitar pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

- (a) Hasil daripada konvensyen di Rio de Janeiro, Brazil baru-baru ini adalah seperti berikut:
  - (i) Deklarasi Rio de Janeiro mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan;
  - (ii) Program Pelaksanaan iaitu "Agenda 21";
  - (iii) Kenyataan mengenai Hutan iaitu "A Non-Legally Binding Authoritative Statement of Principles for a Global Concensus on the Management, Conservation and Sustainable Development of All Types of Forests";
  - (iv) Menubuhkan satu "Commission" mengenai Pembangunan Berketerusan di bawah ECOSOC untuk tindakan susulan kepada keputusan-keputusan UNCED;
  - (v) Menubuhkan satu Jawatankuasa "Intergovernmental Negotiating" untuk Cadangan Konvensi Mengenai "Desertification";

(vi) Framework Convention on Climate Change; dan

(vii) Framework Convention on Biological Diversity.

Bagi perkara (vi) dan (vii), 154 negara telah menandatangani Konvensi tersebut. Malaysia telah menandatangani perkara (vii).

- (b) Strategi yang akan diambil dalam negara kita untuk melindungi alam sekitar pada masa akan datang adalah seperti berikut:-
- (i) mengkaji program dan aktiviti yang telah dipersetujui di Rio terhadap pembangunan dan alam sekitar, dan sesuaikannya dengan program dan aktiviti di bawah Rancangan Malaysia Ke 6 dan selanjutnya;
  - (ii) memperkuat keupayaan agensi yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program dan aktiviti terutamanya, mempereratkan penyelarasan di antara agensi-agensi berkenaan; dan
  - (iii) mengkaji dan menubuhkan satu mekanisma di peringkat tinggi supaya menetapkan polisi dan keutamaan pelaksanaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG  
TARIKH : 12 OGOS 1992

**SOALAN**

1. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai Projek Gas Petroleum Cecair yang dicadang untuk kegunaan kenderaan. Apakah masalah dan akibat projek tersebut yang bertujuan untuk mengurangkan pencemaran udara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gas Petroleum Cecair (GPC) yang dicadangkan telah diperkenalkan sejak tahun 1983 lagi. Di antara matlamat penggunaan GPC ini ialah :-

- (i) mengurangkan masalah pencemaran udara; dan
- (ii) memperluaskan lagi pasaran GPC yang dihasilkan oleh negara.

Walau bagaimanapun, sejak diperkenalkan sambutan orang ramai mengenai perkara ini agak lembab. Ini mungkin disebabkan oleh keraguan orang ramai ke atas perkara-perkara berikut:-

- (i) Keselamatan serta kecekapan (performance) kenderaan-kenderaan yang menggunakan GPC;
- (ii) Kos alat pengubahsuaian GPC yang agak tinggi; dan
- (iii) Perbezaan harga GPC dengan minyak diesel dan petrol yang agak kecil tidak memberi galakan yang mencukupi bagi peralihan kepada GPC.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN  
TARIKH : 27 OKTOBER 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan hutan paya bakau di Daerah Klang, Pelabuhan Klang, Kuala Selangor dan pulau-pulau sekitar telah ditebang dan dibersihkan untuk pembangunan dan ini mengakibatkan hakisan pantai, banjir, pencemaran dan pemusnahan hidupan laut. Jika sedar, apakah tindakan Kementerian yang diambil selama ini berikutan kejadian penebangan hutan paya bakau yang menjadi-jadi itu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan hutan bakau adalah di bawah bidang kuasa Pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, sebarang penebangan hutan-hutan bakau adalah diawasi dan dikawal oleh Pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Sesuatu projek pembangunan yang melibatkan penebangan kawasan hutan, termasuk hutan bakau, jika sekiranya tertakluk dengan keperluan menyediakan Kajian Penilaian Alam Sekeliling (EIA), di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, maka pengusaha projek berkenaan hendaklah mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Jabatan tersebut masih belum menerima laporan EIA mengenai pelaksanaan projek-projek yang melibatkan penebangan hutan bakau di kawasan-kawasan berkenaan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Hutan-hutan bakau yang telah digezetkan sebagai hutan simpan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan. Oleh yang demikian, sebarang aktiviti

pembalakan di hutan-hutan bakau adalah tertakluk kepada dasar pembalakan yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan.

2. Menurut Jabatan Perikanan, Kerajaan Negeri Selangor ada mengusahakan projek akuakultur di beberapa kawasan di Negeri Selangor yang terletak di kawasan hutan bakau. Salah satu kawasan yang dimaksudkan ialah di Kelanang di mana kawasan hutan bakau yang ditebang merupakan hutan bakau yang telah mati dan tidak mempunyai nilai ekonomik. Projek ini diusahakan oleh Persatuan Nelayan kawasan berkenaan. Jabatan Perikanan juga mensyaratkan supaya projek akuakultur tidak dijalankan di kawasan hutan simpan.
3. Projek yang sama yang melibatkan hutan kayu bakau yang sudah mati juga sedang diusahakan di Pulau Carey oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).
4. Jabatan Perikanan juga mengenakan syarat-syarat tertentu kepada projek-projek akuakultur di kawasan hutan bakau seperti pembinaan kolam-kolam hendaklah 100 meter jauhnya daripada kawasan pantai dan juga hutan-hutan bakau tidak dibenarkan untuk ditebang atau diekplotasikan. Syarat-syarat ini dikenakan ke atas projek akuakultur secara besar-besaran di Kuala Selangor yang masih di peringkat perancangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SING NANG  
TARIKH : 3 NOVEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk melaksanakan pengisytiharan Rio dan Konvensyen Biodiversiti yang telah ditandatangani semasa sidang kemuncak di Rio pada Jun 1992.

**JAWAPAN**

Oleh sebab ada tiga lagi soalan yang sama, maka saya memohon izin untuk menjawab kesemua soalan-soalan tersebut pada hari ini yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada:

- (a) Baram pada 5 November 1992;
- (b) Bandar Kuching pada 26 November 1992; dan
- (c) Teluk Intan pada 9 Disember 1992.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi melaksanakan pengisytiharan Rio dan Konvensyen Biodiversiti yang telah ditandatangani semasa Sidang Kemuncak di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992 ialah:

- (a) menganjurkan Seminar Kebangsaan Mengenai UNCED yang telah diadakan pada 7 hingga 8 September 1992 di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk meneliti rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui di Rio serta peranan negara ini dalam melaksanakan rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan tersebut;
- (b) mengkaji dan meneliti keputusan-keputusan yang telah dicapai di UNCED Rio, khususnya perkara-perkara yang terkandung dalam Agenda 21, iaitu suatu dokumen yang menyenaraikan pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh negara-negara ahli berhubung dengan alam sekitar dan pembangunan;

- (c) meningkatkan usaha-usaha mengimbangkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan alam sekitar yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain;
- (d) meningkatkan persefahaman dan penyelarasan dalam mengintegrasikan isu-isu alam sekitar dan pembangunan;
- (e) menyelaraskan pemuliharaan dan pengawalan sumber-sumber asli dan kepelbagaian biologi;
- (f) menubuhkan Majlis Alam Sekitar yang akan menetapkan garis panduan dalam menggubal dasar, strategi, program dan projek alam sekitar;
- (g) meningkatkan program pendidikan dan kesedaran pemuliharaan alam sekitar di kalangan rakyat negara ini melalui kurikulum di sekolah-sekolah;
- (h) melancarkan program Inisiatif untuk Penghijauan Dunia atau "An Initiative for the Greening of the World" (dengan izin) di mana program ini merupakan suatu cabaran kepada dunia, khususnya negara-negara maju, supaya pada penghujung dekad ini, sekurang-kurangnya 30% daripada bumi hendaklah dihijaukan;
- (i) melancarkan program penghijauan bumi ini telah dilancarkan semasa Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah membuat cabaran tersebut dan dokumen dan pita video mengenai tajuk tersebut telah diedarkan kepada negara-negara peserta semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### "Greening of the World"

Mengenai persoalan daripada Y.B. Tuan Harrison Ngau Laing samaada "Greening of the World" menyentuh tentang kedudukan dan perlindungan hak Kaum Asli atau pribumi, isu ini memang telah diambil kira dalam dokumen tersebut. Melalui program "The Greening of the World", Malaysia menyarankan kepada dunia maju supaya memelihara hutan di negara masing-masing dan ini bermakna hak-hak kaum asli dan golongan pribumi yang menduduki di kawasan-kawasan

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN HAJJAH ROSNAH BT. HAJI MOHD. SALLEH  
TARIKH : 16 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Rosnah bt. Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa lamakah masa diambil untuk membersihkan tumpahan minyak dari sebuah kapal di sekitar perairan pantai Malaysia. Berapakah kos untuk membiayai pembersihan tumpahan minyak oleh kapal Nagasaki Spirit yang baru lalu dan berapakah kerugian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa yang diambil bagi membersihkan tumpahan minyak dari sesebuah kapal bergantung kepada sesuatu keadaan tumpahan minyak itu. Jika jumlah tumpahan minyak didapati besar dan meliputi kawasan perairan yang luas, masa untuk membersihkan tumpahan minyak itu mungkin berminggu-minggu atau berbulan-bulan malah mungkin bertahun-tahun. Namun begitu, pada masa-masa yang lepas, Malaysia tidak pernah mengalami kejadian tumpahan minyak yang besar.

Mengenai kos untuk membiayai kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak oleh kapal Nagasaki Spirit baru-baru ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ianya belum lagi dapat ditentukan kerana kerja-kerja mengumpul data dan maklumat berhubung dengan perkara tersebut masih dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Berhubung dengan kerugian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara ini, perkara tersebut masih dalam peringkat kajian oleh beberapa agensi Kerajaan, manakala kajian kesan-kesan tumpahan minyak terhadap kehidupan laut di kawasan-kawasan yang terjejas seperti Pulau Langkawi dan pulau-pulau sekitarnya sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar penyelidikan dari salah sebuah universiti tempatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS  
TARIKH : 17 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriaannya akan mendapatkan alat-alat teknologi yang canggih untuk mengatasi pencemaran di Laut Selat Melaka akibat pelanggaran kapal pembawa minyak "Nagasaki Spirit" baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, oleh sebab ada 7 soalan yang sama maka saya memohon izin untuk menjawab kesemua soalan-soalan tersebut yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput pada 22hb. Disember, Yang Berhormat Dato' K. Vijayanathan pada 23hb. Disember, Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man pada 23hb. Disember juga, Yang Berhormat Dato' K. Vijayanathan pada 24hb. Disember, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak pada 29hb. Disember, Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai pada 29hb Disember dan Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad pada 31hb Disember secara sekaligus.

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah sedia ada mempunyai peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak yang mencukupi dan canggih bagi mengatasi pencemaran perairan negara ini. Di samping itu, Kerajaan juga boleh mendapatkan bantuan peralatan dari negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia melalui kerjasama yang telah dicapai di dalam mengawal tumpahan minyak sekiranya berlaku secara meluas dan di luar kemampuan negara kita.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan melawan tumpahan minyak iaitu dengan:

- (i) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di mana agensi-agensi Kerajaan dan syarikat minyak terlibat sama di dalam operasi tersebut;

- (ii) menyediakan peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal-kapal, 'booms', 'skimmer' dan 'dispersant'; dan
- (iii) mengesyorkan kepada syarikat-syarikat minyak supaya menubuhkan satu konsortium di mana satu tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak tersebut dapat dibentuk bagi meningkatkan keupayaan peralatan melawan tumpahan minyak di perairan Malaysia.

Mengenai kesan-kesan dari tumpahan minyak kapal Nagasaki Spirit di perairan Selat Melaka baru-baru ini, tumpahan minyak pekat atau 'Chocolate Mousse' telah mencemar pantai-pantai di Pulau Langkawi dan kepulauan di sekitarnya. Jabatan Alam Sekitar telah membuat tindakan yang serta-merta bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan kerjasama dari semua pihak yang terlibat di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan belum lagi dapat menentukan kos sebenar yang dibelanjakan akibat pelanggaran dan tumpahan minyak tersebut kerana kerja-kerja mengumpul data dan maklumat masih sedang dijalankan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar.

Begitu juga dengan ancaman terhadap kehidupan laut di Selat Melaka serta kerugian yang dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara ini kerana perkara tersebut masih di dalam peringkat kajian oleh pelbagai pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, Kerajaan belum lagi dapat menentukan sejauh manakah kesan akibat tumpahan minyak ini serta bentuk gantirugi wang boleh diberi kepada mereka yang terlibat.

Berhubung dengan Kapal Akatsuki Maru yang bercadang mengangkut plutonium melalui Selat Melaka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian mereka adalah tidak bersetuju membenarkan kapal-kapal yang mengangkut bahan-bahan radioaktif melalui perairan negara ini. Oleh itu, Kerajaan telah menyampaikan bantahan melalui Kementerian Luar Negeri kepada pihak Jepun. Bantahan juga telah disampaikan kepada pihak Kedutaan Besar Jepun di Kuala Lumpur.

## SOALAN TAMBAHAN

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang DiPertua, tadi kita mendengar bahawa Kementerian dan Kerajaan kita telah menyampaikan kepada Kerajaan Jepun ketidaksukaan kita kapal Akatsuki Maru melalui Selat Melaka kerana ia membawa barang-barang yang merbahaya. Tetapi kalau Jepun tidak hendak dengar cerita kita, jalan juga, apa yang kita hendak buat? Itu sahaja.

## JAWAPAN

Saya rasa rakan saya iaitu Timbalan Menteri dari Kementerian Luar Negeri telah menjawab perkara-perkara ini kerana ini adalah satu yang dikira sebagai polisi luar atau 'foreign policy' negara kita supaya kita boleh dengan secara aman atau 'friendly' berbincang, supaya kita boleh mengelakkan segala peristiwa yang tidak diingini.

## SOALAN TAMBAHAN

**Datuk Ng Peng Hay:** Tuan Yang DiPertua, kerana berlakunya Nagasaki Spirit yang telah mencemarkan Laut Selat Melaka, adakah Kerajaan kita akan menuntut pampasan dan gantirugi seperti yang dilakukan oleh negara-negara jiran kita?

## JAWAPAN

Jawapannya ialah, memang kita akan menghantar pampasan atau gantirugi.

## SOALAN TAMBAHAN

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang DiPertua, menghantar maknanya duit kita keluar; kalau menuntut kita minta duit masuk.

## JAWAPAN

Minta maaf, itu memang menuntut.

## SOALAN TAMBAHAN

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang DiPertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu, selalunya apabila satu-satu insiden ini terjadi, barulah pihak Kementerian mengambil tindakan. Tidakkah Kementerian Yang Berhormat memikirkan dan membuat persediaan-persediaan menghadapi sebarang kemungkinan sebelum satu-satu insiden ini berlaku?

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, kita maklumlah bahawa perairan Selat Melaka ini adalah satu perairan yang sangat sibuk dengan banyaknya kapal-kapal yang berlainan jenis menggunakan perairan itu. Oleh sebab itulah kadangkala pelanggaran kapal-kapal ini terjadi, tetapi secara rancangan, memang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyediakan berbagai persediaan seperti yang saya jawab di dalam jawapan saya dan saya sebutkan tadi, kita juga cuba mengadakan satu persidangan antarabangsa dari semua pihak untuk mengumpulkan pendirian mereka sama ada persidangan antarabangsa perlu diadakan untuk menentukan satu kod etika atau cara di mana Selat Melaka ini akan digunakan dengan cara yang selamat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ISLI HAJI SIPUT  
TARIKH : 22 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal tumpahan minyak oleh kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka jika berlaku lagi di masa-masa akan datang;
  - (b) apakah bentuk gantirugi yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada yang terlibat; dan
  - (c) apakah bentuk bantahan yang dibuat oleh Kerajaan mengenai cadangan kapal Jepun Akatsuki Maru yang akan mengangkut 'Plutonium' menggunakan Selat Melaka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' K. VIJAYANATHAN  
TARIKH : 23 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan walaupun tumpahan minyak baru-baru ini dari kapal "Nagasaki Spirit" itu kecil tetapi tumpahan minyak di situ telah sampai ke persisiran pantai. Memandangkan keadaan ini, bolehkah beliau memberitahu sama ada Kementerian ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk mengatasi jika tumpahan minyak yang lebih besar melanda pantai di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalm sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN SAAD BIN HAJI MAN  
TARIKH : 23 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membayar semula kos membersihkan tumpahan minyak di pantai Negeri Kedah dan kerugian yang dialami oleh mereka yang terlibat akibat tumpahan minyak kapal Nagasaki Spirit baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AZUMU BIN TAK  
TARIKH : 24 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Dato' Haji Azumu bin Tak** minta Menteri, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa dengan tanggungjawab Kerajaan sekarang ini dan kesedaran rakyat terhadap masalah alam sekitar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk menambahkan anggota-anggotanya di Negeri-negeri dan Daerah-Daerah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di akhir-akhir tahun 1992 tenaga kerja yang ada di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang bertanggungjawab dalam urusan memastikan alam sekitar tidak tercemar adalah memadai buat masa ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa membuat kajian semula ke atas perjawatan yang ada dari masa ke semasa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN V.K. SELLAPAN  
TARIKH : 24 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, Sungai Sepang di daerah Selangor Darul Ehsan merupakan sungai paling tercemar di Malaysia:-
  - (a) mengapakah pencemaran di sungai ini berlaku; dan
  - (b) apakah tindakan Kementerian untuk mencegah pencemaran di sungai yang kecil ini dengan memandangkan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur di Sepang kini demi menjaga pusat-pusat pelancongan seperti Port Dickson, Morib dan Bagan Lalang yang berhampiran.

**JAWAPAN**

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat hasil pengawasan kualiti air oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1991 menunjukkan Sungai Sepang adalah merupakan salah satu sungai yang paling tercemar di Semenanjung Malaysia. Pencemaran di sungai ini adalah ditunjukkan oleh paras kandungan ammoniakal nitrogen, bahan organik dan bahan pepejal terampai yang tinggi. Punca utama kepada pencemaran di sungai tersebut ialah aktiviti penternakan khinzir di kawasan tersebut.

Mengenai soalan (b), memandangkan punca utama pencemaran di sungai ini adalah aktiviti penternakan khinzir maka Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan, umpamanya Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengawal aktiviti penternakan tersebut. Selain dari itu, Kerajaan juga bercadang untuk memindahkan aktiviti penternakan khinzir tersebut ke kawasan yang lebih sesuai dan mempunyai sistem pengolahan effluen berpusat supaya effluen yang dikeluarkan akibat aktiviti penternakan khinzir ini adalah mematuhi piawai yang

dicadangkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengurangkan pencemaran di sungai tersebut.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Laporan EIA untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang adalah disyaratkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk disediakan. Buat masa ini laporan tersebut masih di peringkat penyediaan oleh Juruperunding Ranhill & EEC.
2. Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan sedang mengambil tindakan-tindakan dalam usaha untuk menguatkuasakan Enakmen Kawalan Penternakan Babi 1991 secara berperingkat-peringkat iaitu:
  - (a) meminta penternakan khinzir untuk memperbaiki keadaan ladang ternakan khinzir masing-masing;
  - (b) membuat pemeriksaan ladang-ladang khinzir bagi memastikan ladang-ladang tersebut mempunyai kemudahan kawalan pencemaran buangan khinzir sehingga akhir bulan Disember 1992;
  - (c) menimbang permohonan lesen sementara daripada penternak khinzir yang telah mempunyai kemudahan kawalan pencemaran buangan khinzir yang memuaskan di peringkat ladang masing-masing; dan
  - (d) mengenalpasti beberapa kawasan di Negeri Selangor Darul Ehsan untuk ternakan khinzir.
3. Berhubung dengan masalah pencemaran air laut akibat daripada najis ternakan khinzir di pantai Morib, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor telah memberi nasihat supaya penternak-penternak khinzir di kawasan-kawasan sekitarnya menyediakan kemudahan-kemudahan kolam pengolahan najis khinzir di ladang-ladang mereka. Berikutan daripada itu, pencemaran air laut akibat daripada najis khinzir di kawasan pantai Morib telah dapat dikurangkan. Usaha-usaha sedang diteruskan bagi memastikan kawalan akibat pencemaran najis khinzir itu mencapai ke tahap yang cemerlang. Usaha-usaha ini termasuk tindakan undang-undang sekiranya masih terdapat penternak khinzir yang gagal menaati nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Negeri Selangor Darul Ehsan.

**Peratusan Pencemaran Di Sg. Sepang Bagi Tahun 1990 - 1992**

Punca Pencemaran	Tahun		
	1990	1991	1992
	% Indeks	% Indeks	% Indeks
Nitrogen	5.9	10	Tiada dalam rekod
Organik	58.3	71	(sedang mengumpul/ menganalisis data)
Pepejal	76.7	72	

1. Bilangan ladang khinzir di sepanjang Sg. Sepang ialah 161 buah ladang dan bilangan ternakan sebanyak 107553 ekor bagi tahun 1991.
2. Punca pencemaran lain selain khinzir di Sg. Sepang ialah aktiviti pembangunan seperti kerja-kerja tanah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 24 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan kementerian terhadap kes 700 pekerja kilang yang dirawat di Hospital Daerah Parit Buntar akibat terhidu gas sulfur dioksida yang dipercayai bocor dari sebuah kilang di kawasan perindustrian Parit Buntar, Perak baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Hospital Daerah Parit Buntar, seramai 788 orang awam telah dirawat akibat terhidu gas sulfur dioksida dari kilang yang berkenaan. Seramai 21 orang daripada mereka telah dimasukkan ke wad dan yang selebihnya telah dirawat sebagai pesakit luar. Sebaik sahaja kes ini dikesan pada 15 Oktober 1992, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan satu Perintah Larangan kepada kilang tersebut pada 16 Oktober 1992 mengikut Peraturan 55, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978.

Walau bagaimanapun, selepas penyiasatan dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar maka didapati bahawa tiada kebocoran gas berlaku. Akan tetapi, kejadian adalah berpunca dari pelepasan gas sulfur dioksida berlebihan melalui cerobong akibat dari pembakaran belerang yang dimulakan pada suhu mangkin ("catalyst") yang belum mencapai tahap optima serta kerosakan pada pam "absorbing tower". Keadaan ini menyebabkan gas tersebut tidak dapat diserap tetapi terus terbebas melalui cerobong.

Berdasarkan kepada hasil penyiasatan ini, Perintah Larangan tersebut telah dibatalkan pada 23 Oktober 1992 dan kilang berkenaan dibenarkan untuk beroperasi semula setelah kilang itu mengambil langkah-langkah kawalan dan keselamatan serta memenuhi kehendak-kehendak Majlis Daerah Kerian, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kilang dan Jentera dan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Selain dari itu, pihak kilang juga telah dikehendaki untuk memasang alat-alat kawalan tambahan seperti "waste gas scrubber", "continuous gas analyser & alarm" dan janakuasa bagi mengurangkan lagi risiko kejadian pelepasan gas yang berlebihan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' K. VIJAYANATHAN  
TARIKH : 24 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bolehkah beliau memberitahu mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan-Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura untuk secara kolektif bagi membentasi tumpahan minyak sebagaimana yang ditimbulkan oleh 'Nagasaki Spirit'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT  
TARIKH : 28 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) Singapura baru-baru ini telah mengumumkan bahawa langkah-langkah baru untuk melindungi lapisan ozon termasuk mengkaji kemungkinan melarang kenderaan baru yang diimport daripada dipasang alat pendingin udara yang menggunakan CFC 12 dan juga termasuk peralatan pembekuan perindustrian yang baru menggunakan CFC 11 dan CFC 12 dan juga import serta penjualan pemadam api baru yang menggunakan Halon pada 01hb. Januari tahun depan; dan
  - (b) apakah Kementerian juga akan atau sudahpun ada rancangan mereka sendiri selaras dengan persetujuan Vienna bagi perlindungan lapisan ozon dan Protokol Montreal untuk mengembangkan kerjasama bagi kebaikan alam sekitar sedunia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Perlindungan Lapisan Ozon untuk mematuhi Protokol tersebut. Selain daripada itu, untuk melaksanakan program dan aktiviti mengurangkan penggunaan bahan yang memusnahkan lapisan ozon Kementerian juga membentuk 5 Jawatankuasa Kerja Industri termasuk sektor kenderaan dan pendingin udara bagi merangka strategi ke arah penghapusan penggunaan bahan CFC di negara ini pada satu tempoh yang sesuai.

Selaras dengan strategi nasional, dan pendekatan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kebangsaan dan berdasarkan kepada bantuan kewangan, teknikal serta pindaan teknologi yang diterima dari Skim Tabung Protokol Montreal dan

negara-negara maju, industri-industri yang menggunakan CFC mempunyai komitmen untuk menghapuskan penggunaan bahan pemusnah lapisan ozon (ODS) menjelang tempoh tertentu, dengan ambil kira bahawa peruntukan yang diberikan oleh Protokol Montreal kepada negara-negara membangun untuk merangka strategi dan seterusnya penghapusan sepenuhnya adalah sehingga menjelang tahun 2010.

Untuk makluman, bahan ganti dan proses alternatif seperti HFC 134a, HFC 123 dan HCFC 22 telah mula diperkenalkan dan digunakan di negara ini dalam sistem pemasangan baru peralatan pendingin udara dan pemadam api. Langkah-langkah pentadbiran untuk menghalang penggunaan bahan-bahan ini juga telah dilaksanakan.

Dengan program dan aktiviti yang sedang giat dijalankan, Malaysia sedang menyumbang kepada usaha antarabangsa melindungi lapisan ozon.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH  
TARIKH : 28 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan tumpahan minyak akibat daripada pelanggaran kapal tangki Nagasaki Spirit dengan kapal kontena Ocean Blessing di perairan Selat Melaka baru-baru ini:
  - (a) Adakah keadaan tersebut telah pulih sediakala. Dan nyatakan kerugian yang dialami oleh Malaysia akibat daripada kejadian itu; dan
  - (b) Adakah Kementerian ini bercadang untuk menuntut kerugian kepada kedua-dua kapal terbabit itu.

**JAWAPAN**

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan minyak di kapal Nagasaki Spirit telah pulih seperti sediakala. Kerugian yang dialami oleh Malaysia masih lagi belum diketahui kerana kerja-kerja mengumpul data dan maklumat masih dijalankan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian ini memang bercadang untuk menuntut kerugian dari pihak insurans kapal Nagasaki Spirit. Namun begitu, ianya akan hanya dapat dibuat setelah maklumat dan data-data mengenai kerugian ini dikumpulkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AZUMU BIN TAK  
TARIKH : 29 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Dato' Haji Azumu bin Tak** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapakah Ringgit Malaysia yang Kerajaan terpaksa belanjakan disebabkan pelanggaran dan tumpahan minyak oleh 'Nagasaki Spirit'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI  
TARIKH : 29 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) apakah rancangan Kerajaan untuk menjaga keselamatan perairan pantai Semenanjung Malaysia memandangkan telah berlaku banyak tumpahan minyak di Selat Melaka; dan
  - (b) apakah kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk membersihkan pinggiran pantai berikutan tumpahan minyak dari kapal Nagasaki Maru baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. HAJI WAN HAMID EDRUCE BIN  
TUANKU HJ. MOHAMAD  
TARIKH : 31 DISEMBER 1992

**SOALAN**

1. **Y.B. Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada tumpahan minyak pekat 'Chocolate Mousse' akibat pelanggaran kapal 'Nagasaki Spirit' itu akan mengancam hidupan laut di perairan Selat Melaka, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17 Disember 1992.



**1993**  
**DEWAN NEGARA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. GHAZALI BIN HJ. EMBONG  
TARIKH : 25 MEI 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Hj. Ghazali bin Embong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan di manakah cadangan tempat pembuangan sisa toksid dalam jangka panjang:-
  - (a) adakah sehingga kini kerajaan pusat telah kenal pasti untuk mendapatkan sebuah kawasan bagi pembuangan sisa toksid di negara ini; dan
  - (b) adakah ura-ura Kerajaan untuk membina loji pembuangan toksid di Negeri Sembilan di satu masa dulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Saya akan menjawab soalan (a) dan (b) bersama-sama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, serta agensi-agensi Kerajaan yang lain telah mengambil langkah untuk mengenalpasti tapak-tapak yang sesuai untuk melupuskan buangan industri di seluruh negara sejak tahun 1981 lagi, sehingga 1991 sejumlah 91 tapak telah dikaji kesesuaiannya dari segi alam sekitar, geologi, ekonomi dan kepentingan negara. Walaupun beberapa tapak didapati berpotensi sesuai, oleh kerana beberapa sebab, cadangan tapak-tapak berkenaan terpaksa ditolak. Di antara sebab-sebab utama penolakan ialah terdapatnya takat-takat pengambilan air minum awam di hilir tapak dan tapak terletak di dalam kawasan tadahan air.

Walau bagaimanapun, pada awal tahun 1991, Kerajaan Negeri Sembilan telah bersetuju supaya kajian terperinci ke atas sebuah tapak di Bukit Nanas, Mukim Jimah, Port Dickson dijalankan. Kajian kesan alam sekitar (EIA) terhadap tapak cadangan tersebut telahpun dijalankan dan Panel Khas pakar-pakar yang ditubuhkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengkaji laporan tersebut telah memperakukan supaya projek tersebut diluluskan. Buat masa ini, pemaju masih menunggu ketetapan pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sembilan sama ada projek ini boleh dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM  
TARIKH : 26 MEI 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
- (a) jumlah insiden pembuangan bahan toksid yang berlaku setakat ini;
  - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengesan dan mengawal pembuangan sisa-sisa toksid; dan
  - (c) apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat bagi menampung masalah tersebut di masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi jawapan soalan (a), setakat ini pembuangan bahan toksik adalah terkawal. Jumlah kes pelupusan secara haram setakat ini adalah sebanyak 5 kes sahaja.

Untuk jawapan (b), antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengesan/ mengawal pembuangan sisa-sisa toksik adalah seperti berikut:

- (i) pihak kilang perlu melaporkan tentang pengeluaran/pengurusan buangan mereka;
- (ii) lawatan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan buangan toksik; dan
- (iii) mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Bagi jawapan soalan (c), langkah-langkah yang telah diambil bagi menampung masalah pelupusan buangan perindustrian adalah seperti berikut:-

- (a) menggalakkan penubuhan industri yang tidak mengeluarkan buangan;
- (b) menggalakkan pengolahan buangan di dalam tapak;
- (c) menggalakkan penggunaan kembali, pemerolehan buangan dan meminimumkan buangan;
- (d) bagi buangan yang tidak boleh diolah, buangan dieksport ke negara yang mempunyai kemudahan pelupusan buangan industri untuk tujuan pelupusan.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

- (i) Kes pelupusan:
  - a) Pantai Remis
  - b) Lion Steel Works Sdn Bhd
  - c) Proton Saga
  - d) Heveafil
  - e) Kes pelupusan di Bukit Raja

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH RAHAIAH BT BAHERAN  
TARIKH : 27 MEI 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Hjh. Rahaiah bt. Baheran** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perkembangan pembuangan bahan toksid merbahaya di perairan Malaysia yang menjejaskan sumber tangkapan laut dan sungai dari segi kesihatan dan kehidupan manusia. Apakah langkah kawalan dan pencegahan yang telah Kementerian lakukan bagi mengelakan pencemaran pengairan dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar bahawa terdapat kejadian pembuangan secara haram buangan minyak dan enapcemar daripada kapal-kapal yang menggunakan perairan kita. Kejadian-kejadian sedemikian terjadi kerana kesulitan yang dihadapi untuk mengawal perbuatan tersebut dan kerana keadaan perairan yang amat sibuk seperti di Selat Melaka. Walau bagaimanapun, Lembaga-Lembaga Pelabuhan berkenaan akan mengambil tindakan apabila perlu.

Bagi buangan perindustrian pula, Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang mengambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Kerjasama daripada Jabatan Laut, Polis Marin dan Pasukan Polis Udara juga diperolehi untuk menambahkan keberkesannya. Disamping itu Kerajaan Malaysia juga mendapat kerjasama yang baik daripada negara-negara dirantau ini seperti Singapura, Indonesia dan Thailand bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bersama seperti pencucian kapal, import dan eksport buangan dan pelupusan buangan terjadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada kejadian pelupusan secara haram buangan terjadual di Pantai Remis, Perak pada tahun 1989, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada menerima aduan lain yang serupa. Kes pembuangan buangan terjadual di Pantai Remis, Perak

telah disiasat oleh semua pihak-pihak berkuasa terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar, Polis, Jabatan Perikanan dan Majlis Daerah Manjung. Hasil siasatan menunjukkan tidak terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sumber tangkapan laut dan sungai telah menjejaskan kesihatan dan kehidupan manusia. Siasatan polis juga mendapati tidak terdapat bukti-bukti yang cukup untuk membawa mereka yang terlibat ke mahkamah.

Sebagai langkah jangka panjang bagi mencegah kejadian sedemikian daripada berlaku lagi. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dan Polis Marin akan mempergiatkan lagi pengawasan dan kawalan perairan negara dan pintu-pintu masuk utama bagi mencegah kemasukan dan pelupusan buangan secara haram dari negara-negara jiran. Jabatan Alam Sekitar akan mempergiatkan lagi penguatkuasaan peraturan-peraturan berkenaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi memastikan bahawa pelupusan buangan dibuat secara terkawal.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN SHUIB BIN ENDUT  
TARIKH : 7 JUN 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Shuib Bin Endut** meminta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh mana peranan Jabatan Alam Sekitar dalam menangani kejadian pencemaran di sungai, laut dan kawasan tanah daratan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah untuk memulihara dan mengawal alam sekitar berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan sebahagian daripada Akta Zon Ekonomi Ekseklusif, 1984 serta peraturan-peraturan di bawahnya. Peranan JAS untuk menangani kejadian pencemaran sungai, laut dan kawasan tanah daratan adalah melalui 3 bahagian penting iaitu kawalan (pengawasan dan penguatkuasaan), pencegahan dan pembangunan (pendidikan).

Pengawasan yang dijalankan adalah melibatkan pengawasan kualiti air sungai, air bawah tanah, marin dan kejadian tumpahan minyak, udara dan juga bunyi bising. Program pengawasan ini dijalankan sepanjang tahun. Data-data pengawasan dikumpulkan, diproses, diinterpretasi, dilaporkan dan disebarikan supaya tindakan sušulan dan selanjutnya boleh diambil.

Penguatkuasaan pula melibatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan juga perlesenan. Peranan JAS adalah menguatkuasakan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya. JAS juga bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain termasuk pihak Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah bidangkuasa mereka. Bagi sesiapa yang melanggar akta dan undang-undang tersebut dan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, amaran akan diberi dan sekiranya masih tidak mematuhinya, tindakan mahkamah atau kompaun boleh dilakukan.

Bahagian pencegahan pula melibatkan aktiviti Penilaian Kesan Alam Sekitar

(EIA) dan Pengawasannya. EIA diperlukan untuk aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan). Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1987. Bagi aktiviti-aktiviti industri yang tidak tertakluk kepada keperluan EIA, masih perlu mematuhi beberapa ketetapan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Dalam bahagian pembangunan pula, salah satu aktiviti yang dijalankan ialah program pendidikan alam sekitar. Tujuan pendidikan ini adalah untuk mendidik dan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan alam sekitar. Kesedaran masyarakat untuk menjaga alam sekitar dan tidak mencemarkannya adalah penting dalam membantu mengatasi masalah kejadian pencemaran alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan daripada setiap bahagian JAS boleh didapati dalam bentuk Laporan Tahunan di mana laporan ini memberi gambaran yang tepat dan terkini tentang keadaan alam sekitar di negara kita. Laporan ini diedarkan kepada pihak-pihak tertentu dan juga boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja yang berminat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD  
TARIKH : 8 JUN 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
- (a) adakah rancangan untuk mengubah tempat buangan toksik ke negeri lain; dan
  - (b) adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan bagi membuat tempat buangan toksik di Bukit Nanas, Port Dickson, Negeri Sembilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada rancangan untuk mengubah cadangan tapak di Bukit Nanas, Negeri Sembilan, yang telah dikenalpasti paling sesuai.
- (b) Perundingan di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kerajaan Negeri Sembilan masih lagi berjalan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 5 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:
  - (a) adakah Kementerian sedar bahawa kompaun yang rendah yang dikenakan terhadap pengusaha kilang yang melakukan kesalahan telah membantut kegiatan membanteras kilang-kilang haram; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menggubal suatu undang-undang supaya pengusaha kilang haram dikenakan tindakan undang-undang yang lebih berat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah tidak berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Soalan ini adalah tidak begitu jelas. Sekiranya kesalahan yang dimaksudkan adalah menjalankan kilang haram, ini bergantung pula apa sebabnya haram. Kalau haramnya adalah kerana mendirikan kilang di tapak yang bukan dimaksudkan untuk perkilangan, maka ia jatuh di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah. Manakala sekiranya haramnya adalah dari segi tidak dapat kelulusan pelan bangunan, maka ini menjadi tanggungjawab pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan. Dengan demikian soalan (b) adalah tidak berkaitan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN FU AH KIW  
TARIKH : 9 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Fu Ah Kiow** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) Fungsi dan matlamat Unit Taman Teknologi Malaysia;
  - (b) Adakah Kerajaan puashati dengan pencapaian unit tersebut sejak ianya ditubuhkan; dan
  - (c) Adakah kemungkinan perkhidmatan yang diberi oleh unit ini mengulangi usaha yang dijalankan oleh SIRIM seperti program inkubator.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Teknologi Malaysia (TTM) ialah suatu projek Rancangan Malaysia Kelima yang bertujuan untuk mewujudkan industri teknologi tinggi Malaysia. Peranan TTM ialah untuk menyediakan fasiliti infrastruktur seperti tanah, ruang bangunan, kemudahan alat-alat mesin dan khidmat bantuan perniagaan.

Dalam memainkan peranan ini, TTM akan memberi tumpuan khas kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh industri tempatan di sektor teknologi tinggi. Pelbagai perkhidmatan diberi untuk membantu meningkat pencapaian dan kemajuan industri tempatan.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan berpuashati dengan pencapaian Unit ini sejak ianya ditubuhkan. Tugas-tugas untuk merancang dan membina kampus baru di Bukit Jalil, Wilayah persekutuan telah berjalan dengan baik. Pihak TTM telah menyediakan Pelan Induk yang sudahpun diluluskan oleh Kerajaan. Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan kampus baru dijangka akan siap seperti dijadualkan iaitu kira-kira pada pertengahan tahun 1995.

Untuk menjawab soalan (c) pula, memang tidak ada sebarang pertindihan kemudahan perkhidmatan yang diberikan oleh TTM dan SIRIM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Inkubator adalah fasiliti yang menyediakan kemudahan seperti ruang pejabat, khidmat bantuan perniagaan termasuk khidmat modal, pemasaran dan juga pengurusan. Objektif utama program inkubator ialah untuk membantu syarikat-syarikat hitec kecil yang menumpukan aktiviti software, inovasi, khususnya syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan, supaya dapat wujud dan berkembang semasa tempoh permulaan di mana mereka menghadapi kesulitan kewangan.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. TENAN TTM

Sejak diwujudkan, TTM telah menyewa ruang di Bandar Tun Razak untuk menempatkan sebanyak 14 buah syarikat kecil yang sedang menjalankan R&D dalam bidang teknologi tinggi. Oleh sebab kekurangan ruang untuk disewakan TTM telah juga mengiktiraf sebanyak 20 lagi syarikat kecil sebagai "off-campus tenants". Kemajuan semua syarikat ini diawasi oleh TTM untuk tujuan memberi bantuan kepada syarikat yang memerlukan dan yang boleh mendapat faedah dari bantuan Kerajaan. Menjelang penyiapan kampus baru, TTM telah memperingkatkan lagi aktivitinya. Sebanyak 100 syarikat kecil/sederhana dan 30 syarikat besar dijangka akan berpindah ke TTM apabila kampus baru siap dibina kelak.

### 2. KOMPONEN PROJEK

a)	Bangunan	Keluasan M2
i)	Pusat Sumber/Wisma Inovasi/ Support Facilities	10,846
ii)	Pusat Inkubator jenis A	4,397
iii)	Pusat Inkubator Jenis B	5,632
iv)	Pusat Inkubator jenis C	6,277
v)	Makmal Kawalan Kualiti	1,621
vi)	Pusat Protraip dan Production	2,964
vii)	Warehouse	3,029
viii)	Rumah Usahawan 1	11,526
ix)	Rumah Usahawan 2	10,680
x)	Pusat Rekreasi	2,735
	<b>Jumlah</b>	<b>59,707</b>

<b>b) Lot R &amp; D</b>	<b>Keluasan</b>
Lot 1	2.02 ekar
Lot 2	2.10 ekar
Lot 3	2.10 ekar
Lot 4	2.05 ekar
Lot 5	2.22 ekar
Lot 6	3.58 ekar
Lot 7	2.27 ekar
Lot 8	3.35 ekar
Lot 9	3.29 ekar
Lot 10	5.44 ekar
	30.88 ekar

### 3. KOS PROJEK

	(RM Juta)
i) Tanah	35.000
ii) Kajian Pelan Induk	1.200
iii) Bangunan dan Perkhidmatan	127.683
iv) Yuran Perunding & Pengawasan	16.047
v) Kelengkapan Makmal dan Pejabat	11.570
vi) Kontigensi	11.500

Jumlah 203.000

### 4. TARIKH DIJANGKA SIAP

Mei 1993

### 5. FOCUS TECHNOLOGIES

- i) Information Technology
- ii) Microelectronics
- iii) Biotechnology
- iv) Advance Materials
- v) Environmental Technology

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI SHUIB BIN ENDUT  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Shuib bin Endut** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian mempunyai kelengkapan yang cukup sekiranya berlaku kes pencemaran akibat tumpahan minyak di laut, sekiranya tidak ada, adakah Kementerian bercadang untuk membeli dan menghantar pegawai berlatih di luar negara dalam bidang mengatasi pencemaran minyak kerana akhir-akhir ini kes kejadian tumpahan minyak kerap berlaku di perairan negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang mempunyai kelengkapan yang cukup sekiranya berlaku kes pencemaran akibat tumpahan minyak di laut. Walaupun begitu Kerajaan memang sentiasa menambah kelengkapan dan menghantar pegawai-pegawai untuk berlatih di dalam dan di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Mencegah dan Melawan Tumpahan Minyak, yang dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak. Rancangan ini dikendalikan oleh satu Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak yang dipengerusikan oleh Jabatan Alam Sekitar. Melalui rancangan ini Kerajaan telah menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal-kapal, 'booms', 'skimmer', 'dispersant' dan lain-lain kelengkapan. Di samping itu bantuan peralatan dari negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia boleh didapati melalui kerjasama yang telah dicapai di dalam mengawal tumpahan minyak sekiranya berlaku secara meluas dan di luar kemampuan negara kita.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian terhadap dakwaan NGO Barat yang menyatakan 60% penduduk tempatan tidak berpuashati dengan pembinaan Taman Negara Resort dan menyebabkan pencemaran alam sekitar.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat yang diketahui oleh pihak Kementerian, tidak ada dakwaan NGO Barat yang menyatakan 60% penduduk tempatan tidak berpuashati dengan Taman Negara Resort. Dari segi pentadbiran dan pengurusan kompleks penginapan dan kemudahan pelawat di Taman Negara Kuala Tahan, daripada sejumlah 188 orang kakitangan syarikat, 160 orang atau 85% adalah terdiri daripada anak dan penduduk tempatan. Syarikat tersebut juga kini sedang melatih lebih ramai lagi anak tempatan untuk mempertingkatkan penglibatan pekerja tempatan bagi memajukan kompleks rekreasi Taman Negara berkenaan. Di samping itu, penduduk tempatan juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti lain di Taman Negara seperti pengangkutan bot, pemandu pelawat dan membuka gerai-gerai makan untuk pelawat. Penglibatan penduduk tempatan yang begitu menggalakkan ini telah dapat memberikan peluang pekerjaan serta dapat meningkatkan pendapatan mereka.

2. Pembinaan Taman Negara Resort tidaklah juga mendatangkan pencemaran, kerana:
  - (i) pembinaan resort oleh syarikat berkenaan tidak melibatkan penebangan atau pembukaan kawasan hutan yang baru. Hanya tapak bangunan-bangunan lama yang dahulunya dimajukan oleh Jabatan PERHILITAN dibangunkan semula oleh pihak syarikat tersebut dan ini di'landscape' semula untuk mengindahkan dengan keadaan hutan semula jadi.

- (ii) dari segi sampah sarap pula, pihak syarikat telah menyediakan kemudahan alat pelupusan bernilai RM 250,000 dan produk yang diperolehi daripadanya dapat digunakan sebagai kompos.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Taman Negara Resort hanya diberi kebenaran menguruskan kawasan seluas 15 ekar sahaja sebagai kompleks pelancongan di Kuala Tahan.
2. Setiap pembangunan yang hendak dijalankan di dalam kawasan tersebut perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan pihak Kementerian.
3. Penduduk tempatan bukan sahaja diambil bekerja dengan syarikat tetapi juga terlibat di dalam aktiviti rekreasi yang dijalankan di tempat tersebut seperti membawa bot, menjadi 'guide' dan sebagainya.
4. Pihak Syarikat Taman Negara Resort bekerjasama rapat dengan pihak Jabatan PERHILITAN iaitu sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perlindungan dan pengurusan kawasan Taman Negara. Ini dengan tidak secara langsung dapat memastikan aktiviti yang hendak dijalankan oleh pihak syarikat dapat dibuat selaras dengan konsep pembangunan rekreasi alam semulajadi Taman Negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pembinaan 200 padang golf di seluruh negara sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada Alam Sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Izinkan saya menjawab kedua-dua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thian Joon dan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail pada hari ini juga.

Pihak Kerajaan tidak dapat menerima pendapat bahawa pembinaan padang-padang golf akan membawa kesan negatif terhadap kegunaan tanah untuk mengeluarkan hasil makanan dan pertanian kerana masih ada lagi tanah yang sesuai untuk pertanian yang belum dimajukan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedia maklum bahawa pembinaan padang-padang golf sedikit sebanyak menimbulkan kesan negatif ke atas alam sekitar. Pada masa ini, Jabatan Alam Sekitar sedang mengawas kesan pembinaan padang-padang golf yang tertakluk kepada EIA di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pemaju-pemaju dikehendaki mematuhi syarat-syarat kelulusan khususnya mengenai langkah-langkah kawalan pencemaran air.

Seperti yang sedia termaklum, pembinaan padang-padang golf diluluskan oleh pihak berkuasa Negeri/Tempatan yang berkenaan manakala penyenggaraan pula adalah tanggungjawab pihak pengurusan kelab golf yang terlibat. Penyelenggaraan rapi amat penting untuk menarik minat ahli dan para pelancong, di samping menentukan daya maju sesuatu kelab golf itu.

Bagi padang-padang golf lama dan yang tidak tertakluk kepada EIA, pihak-pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah menguatkuasakan undang-undang masing-masing.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telahpun mencadangkan supaya projek-projek baru bagi semua aktiviti untuk pembinaan padang-padang golf sahaja dikenakan kajian EIA terlebih dahulu dan seterusnya, Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil maklum serta bersetuju dengan cadangan ini. Walau bagaimanapun, perkara ini belum lagi ditetapkan di bawah undang-undang EIA yang sedia ada. Sekiranya dipersetujui, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 perlu dipinda.
2. Dari rekod Jabatan Alam Sekitar 55 laporan EIA bagi projek-projek yang mempunyai padang golf sebagai komponen telah diluluskan antara tahun 1988-1993.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerian sudah menyiapkan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk memberi kuasa kepada polis dan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan terhadap syarikat atau individu yang mencemarkan alam sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini pindaan secara menyeluruh terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya sedang di peringkat akhir.

Dalam menangani masalah alam sekitar, berbagai agensi turut terlibat dan mempunyai kuasa-kuasa tersendiri selain daripada Jabatan Alam Sekitar. Agensi-agensi berkenaan menguatkuasa undang-undang di bawah bidang kuasa masing-masing yang di antara lain ada kaitan dengan kawalan pencemaran alam sekitar. Contohnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menguatkuasa Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Kementerian Pertanian menguatkuasa MakhluK Perosak, 1974. Dalam hubungan ini, masalah memberi kuasa kepada pihak Polis Di Raja Malaysia dan pihak Penguasa Tempatan tidak timbul.

Jawatankuasa pengkajian semula undang-undang Alam Sekitar juga telah mengesyorkan kepada agensi-agensi berkenaan untuk meminda undang-undang masing-masing mengikut keperluan semasa bagi meningkatkan keberkesanan tindakan kawalan pencemaran alam sekitar yang tertakluk di bawah bidangkuasa undang-undang masing-masing.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN MICHAEL BONG THIAN JOON  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Michael Bong Thian Joon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pembinaan padang-padang golf yang tumbuh macam cendawan pada hari ini akan membawa kesan negatif terhadap kegunaan tanah untuk mengeluarkan hasil makanan dan pertanian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thian Joon dan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail pada hari ini juga.

Pihak Kerajaan tidak dapat menerima pendapat bahawa pembinaan padang-padang golf akan membawa kesan negatif terhadap kegunaan tanah untuk mengeluarkan hasil makanan dan pertanian kerana masih ada lagi tanah yang sesuai untuk pertanian yang belum dimajukan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedia maklum bahawa pembinaan padang-padang golf sedikit sebanyak menimbulkan kesan negatif ke atas alam sekitar. Pada masa ini, Jabatan Alam Sekitar sedang mengawas kesan pembinaan padang-padang golf yang tertakluk kepada EIA di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pemaju-pemaju dikehendaki mematuhi syarat-syarat kelulusan khususnya mengenai langkah-langkah kawalan pencemaran air.

Seperti yang sedia termaklum, pembinaan padang-padang golf diluluskan oleh pihak berkuasa Negeri/Tempatan yang berkenaan manakala penyenggaraan pula adalah tanggungjawab pihak pengurusan kelab golf yang terlibat. Penyenggaraan rapi amat penting untuk menarik minat ahli dan para pelancong, di samping menentukan daya maju sesuatu kelab golf itu.

Bagi padang-padang golf lama dan yang tidak tertakluk kepada EIA, pihak-pihak

berkuasa yang berkenaan hendaklah menguatkuasakan undang-undang masing-masing.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telahpun mencadangkan supaya projek-projek baru bagi semua aktiviti untuk pembinaan padang-padang golf sahaja dikenakan kajian EIA terlebih dahulu dan seterusnya, Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil maklum serta bersetuju dengan cadangan ini. Walau bagaimanapun, perkara ini belum lagi ditetapkan di bawah undang-undang EIA yang sedia ada. Sekiranya dipersetujui, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 perlu dipinda.
2. Dari rekod Jabatan Alam Sekitar 55 laporan EIA bagi projek-projek yang mempunyai padang golf sebagai komponen telah diluluskan antara tahun 1988-1993.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 10 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Abdul Rashid Bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pembinaan 200 padang golf di seluruh negara sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada Alam Sekitar.

**JAWAPAN**

Sila lihat jawapan soalan 12/93 pada 10 Ogos 1993.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN V.K. SELLAPPAN  
TARIKH : 11 OGOS 1993

**SOALAN**

1. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan;
  - (a) Adakah Kementerian sedar bahawa udara di Kawasan Perindustrian di Nilai, Negri Sembilan Darul Khusus tercemar; dan
  - (b) Apakah langkah-langkah Kementerian yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan pencemaran udara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar melalui data-data yang diperolehi daripada stesen-stesen pengawasan kualiti udara yang berdekatan dengan Kawasan Perindustrian Nilai, mendapati kualiti udara di kawasan tersebut masih lagi terkawal. Paras purata kepekatan habuk mendap di stesen-stesen pengawasan di Bandar Baru Bangi dan Semenyih, Selangor Darul Ehsan sejak tahun 1990 adalah  $117\text{mg}/\text{m}^2/\text{hari}$  iaitu masih di bawah paras Garispanduan Kualiti Udara Kebangsaan yang digunakan [ $133\text{mg}/\text{m}^2/\text{hari}$ ].

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya juga ingin memaklumkan untuk mengawal keadaan kualiti udara persekitaran di kawasan yang berkenaan lawatan-lawatan penguatkuasaan secara mengejut sentiasa dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar [Melaka/Nagri Sembilan] dan akan dipertingkatkan dari masa kesemasa. Sambil itu pejabat yang sama akan mengawasi penggunaan alat-alat pembakaran bahan api seperti dandang, samada yang baru ataupun yang lama agar ianya mematuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Jabatan Alam Sekitar juga akan berkerjasama dengan lain-lain Jabatan Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti pasukan Polis dan Jabatan Pertanian untuk menjalankan tugas-tugas pengawasan terhadap punca-punca pencemaran udara seperti pembakaran secara terbuka dan pelepasan asap dari kenderaan bermotor.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH CHE PORA BT. HJ. OMAR  
TARIKH : 16 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Hajjah Che Pora bt. Hj. Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - a) adakah pihak Jabatan PERHILITAN bercadang untuk menjadikan kawasan-kawasan paya terbiar yang terdapat di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia sebagai Santuari Hidupan Liar bagi burung-burung air di Malaysia di samping mengekalkan alam sekitarnya untuk memberi perkhidmatan rekreasi melalui keindahan semulajadi kepada para pelawat dan pelancong asing; dan
  - b) sejauh manakah bahagian Penyelidikan PERHILITAN memainkan peranan penting dalam memastikan setiap spesis-spesis yang mempunyai nilai ekonomi dan menjadi perosak kepada tanaman untuk terus wujud pada masa depan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan (a), pihak Jabatan PERHILITAN memang bercadang untuk menjadikan kawasan-kawasan paya yang sesuai di Pantai barat, Semenanjung Malaysia sebagai Santuari Hidupan Liar. Kawasan yang telah dikenalpasti begitu sesuai untuk tujuan ini ialah di Kuala Gula, Perak. Kawasan yang dicadangkan ialah lebih kurang 900 hektar. Buat masa ini, pihak Jabatan telah pun menempatkan kakitangan di kawasan ini untuk membuat kawalan terhadap spesies-spesies burung yang terdapat di kawasan berkenaan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Bahagian Penyelidikan Jabatan PERHILITAN menumpukan perhatian kepada aspek penyelidikan gunaan (applied research) terhadap:

- i) spesies-spesies hidupan liar yang terancam;
- ii) spesies-spesies hidupan liar yang mendatangkan masalah kepada manusia; dan
- iii) spesies-spesies hidupan liar yang menjadi perosak kepada ladang pertanian.

Hasil-hasil penyelidikan menjadi panduan dalam usaha-usaha pengurusan yang perlu diambil terhadap spesies-spesies yang terlibat. Ini akan dapat memastikan populasinya akan dapat terus wujud tanpa mendatangkan masalah.

Untuk spesies-spesies hidupan liar yang mempunyai kepentingan ekonomi usaha kini sedang dijalankan dengan kerjasama MARDI terutamanya untuk mengkaji kemungkinan mengkomersialkan spesies-spesies yang berpontesi untuk tujuan tersebut. Buat masa ini, spesies diberi tumpuan ialah burung Kuang, Napoh dan Pelanduk.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. DATIN HAJJAH WAN INTAN  
TARIKH : 16 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Datin Hajjah Wan Intan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau bercadang hendak melanjut dan menggiatkan lagi kempen membersihkan sungai-sungai dengan mengadakan usaha-usaha gotong royong secara besar-besaran membersihkan sungai-sungai dan anak-anak sungai daripada sampah sarap dan bahan-bahan buangan daripada kilang-kilang demi memulihkan semula sungai-sungai di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas sungai. Sebenarnya kuasa ke atas sungai adalah di bawah pihak Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Jabatan Alam Sekitar hanya menjalankan program pengawasan dan menentukan piawai kualiti air sungai untuk menjadi panduan dan diikuti oleh agensi-agensi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pada masa ini Jabatan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran, pihak-pihak Penguasa Tempatan serta beberapa agensi Kerajaan yang lain bagi menentukan sungai-sungai tidak tercemar seperti dalam program pemuliharaan sungai iaitu Program 10 tahun Pembersihan Sungai Klang dan Kempen 'Cintailah Sungai Kita' bagi seluruh negara. Pihak Kementerian memang menyokong dan menggalakkan sebarang usaha oleh Kerajaan Negeri dan pihak-pihak Kerajaan Tempatan untuk menjalankan program atau kempen pembersihan sungai daripada sebarang bentuk pencemaran.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar juga mengesyorkan agar semua Kerajaan Negeri menjalankan program pembersihan sungai-sungai seperti yang dijalankan terhadap Sungai Klang dan menjalankan kempen 'Cintailah Sungai Malaysia'.

Berkenaan kawalan pencemaran bahan-bahan buangan dari kilang, pihak Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan undang-undang iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN SHAHIRUDDIN BIN ABDUL MOIN  
TARIKH : 20 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Shahiruddin bin Abdul Moin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah justifikasi Kerajaan memanggil balik saintis-saintis rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri. Sila nyatakan jumlah pecahan mengikut kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi melaksanakan program penarikan balik saintis dan jurutera Malaysia di luar negeri, adalah antara beberapa langkah yang sedang dipertimbangkan. Untuk mencapai matlamat perindustrian negara menjelang tahun 2020, sains dan teknologi memainkan peranan yang penting terutamanya dari segi penyediaan masyarakat saintifik yang mempunyai kepakaran tinggi dan kemudahan-kemudahan R&D bagi meneroka dan mengembangkan teknologi-teknologi asli (indigenous). Pengambilan saintis dan jurutera rakyat Malaysia dari luar negeri merupakan satu langkah jangka pendek bagi memenuhi dengan segera keperluan-keperluan industri serta institusi-institusi penyelidikan awam. Adalah dijangka program ini akan disertai oleh pihak swasta yang akan mengendalikan sebahagian besar usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di masa akan datang.

Pada masa ini, jumlah saintis dan jurutera yang akan diambil belum ditentukan lagi. Cadangan program ini masih dalam pertimbangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' SOONG SIEW HOONG  
TARIKH : 21 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam-Sekitar menyatakan apakah faktor-faktor utama, diatur mengikut darjah keterukan, yang menyebabkan pencemaran udara di negara kita. Apakah kesan-kesan relatif faktor-faktor ini ke atas hartabenda, kesihatan serta keselamatan pendudukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan pencemaran utama yang menyebabkan pencemaran udara di negara ini adalah karbon monoksid. Ini diikuti pula oleh nitrogen dioksid, habuk, sulfur dioksid dan hidrokarbon. Pada tahun 1992, beban pencemaran karbon monoksid yang dihasilkan adalah 1,130,000 tan metrik, nitrogen dioksid 164,000 tan metrik, habuk 101,000 tan metrik, sulfur dioksid 98,000 tan metrik dan hidrokarbon 58,000 tan metrik.

Bagi beban karbon monoksid, 99% dihasilkan oleh kenderaan bermotor dan hanya 1% oleh industri dan stesen janakuasa.

Manakala beban nitrogen dioksid, 53% dihasilkan dari kenderaan bermotor, 28% stesen janakuasa dan 19% industri. Beban habuk pula, 89% dari industri, 8% kenderaan bermotor dan 3% stesen janakuasa. Beban sulfur dioksid, 49% dari stesen janakuasa, 44% industri dan 7% kenderaan bermotor. Beban hidrokarbon, 97% dari kenderaan bermotor, dan 3% dari industri dan stesen janakuasa.

Kehadiran gas-gas yang berlebihan di udara seperti karbon monoksid, sulfur dioksid dan nitrogen dioksid boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia di samping menjejaskan tanam-tanaman dan harta benda.

Penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kandungan gas-gas yang berlebihan di dalam udara adalah yang berkaitan dengan organ manusia seperti kerongkong,

paru-paru dan jantung. Penyakit ini lebih ketara di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa yang telah berumur.

Kandungan sulfur dioksida dan nitrogen dioksida yang berlebihan di udara juga boleh mengakibatkan kejadian hujan asid, yang boleh menyebabkan permukaan tanah-tanah dan air daratan menjadi lebih berasid. Keadaan ini akan menjejaskan pertumbuhan tanam-tanaman dan kehidupan akuatik. Hujan asid juga boleh merosakkan permukaan bangunan-bangunan dan harta-benda yang lain.

Walau bagaimanapun, paras bahan pencemaran udara yang diukur di persekitaran (ambient air quality) pada umumnya didapati terkawal dan di bawah garispanduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan juga garispanduan yang disyorkan untuk kualiti udara di Malaysia. Paras bahan pencemaran udara di tepi-tepi jalanraya kadangkala melebihi garispanduan-garispanduan yang disyorkan di atas terutama pada waktu-waktu jalanraya menjadi terlalu sesak dan keadaan udara yang stabil.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA-MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : DATO' SOONG SIEW HOONG  
TARIKH : 22 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengurangkan pencemaran udara yang disebabkan oleh kenderaan motor, khasnya kenderaan perdagangan yang menggunakan minyak diesel melalui, umpamanya:-
- a) Penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan;
  - b) pemberian insentif untuk kegunaan sumber-sumber bahan api yang lain seperti gas asli; dan
  - c) mempertingkatkan harga minyak diesel.

Jika adanya hasrat sedemikian, apakah butiran tindakan-tindakan ini dan bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa mengambil tindakan bagi mengatasi masalah pencemaran udara dari kenderaan bermotor. Pengwujudan Pasukan Pertugas mengenai Udara Bersih, kawalan kepekatan plumbum dalam gasolin motor dan menghendaki industri kereta motor menggunakan enjin yang lebih bersih (clean technology) bagi kenderaan baru yang sedang dipasang atau dikilangkan adalah antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Di samping itu, penggunaan NGV (Natural Gas for Vehicle) untuk kenderaan pengangkutan awam, mengenalkan sistem pengangkutan seperti "Mass Rapid Transit" dan "Light Rail Transit" dan juga galakkan perkongsian kereta adalah antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan

lain juga turut membantu ke arah mengurangkan masalah pencemaran udara terutamanya di sekitar Lembah Klang.

Tuan Yang DiPertua, bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan pencemaran udara khususnya dari kenderaan-kenderaan perdagangan yang menggunakan minyak disel, Jabatan Alam Sekitar sentiasa memberi kerjasama kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan menjalankan ujian-ujian ke atas kenderaan-kenderaan yang berkenaan. Sehingga Oktober 1993, 29,081 buah kenderaan telah diuji dan dari jumlah ini 5566 saman telah dikeluarkan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia, Cawangan Trafik.

Bagi menjawab soalan (b), insentif telah diberi oleh Kerajaan bagi kenderaan yang menggunakan NGV sebagai bahan api, iaitu dari segi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat-alat ubahsuai (conversion kit). Selain daripada itu, harga NGV sendiri adalah lebih murah iaitu separuh daripada harga petrol. Sehingga September, 1993 sejumlah 816 buah kenderaan di Lembah Klang telah bertukar kepada NGV dimana 711 buah adalah teksi.

Bagi menjawab soalan (c), setakat yang diketahui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, belum ada cadangan untuk menaikkan harga minyak disel dipasaran.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HJ. SALLEH @ HASSAN B. ALI  
TARIKH : 23 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Hj. Salleh @ Hassan b. Ali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil saintis dari negara bekas Soviet Union untuk memberi khidmat kepakaran di negara ini bagi memajukan sains dan teknologi di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kertas telah disediakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sains dan Teknologi berkenaan dengan program penarikan balik saintis Malaysia. Antara lain, program ini termasuk pengambilan saintis-saintis asing dari negara-negara maju yang mempunyai kepakaran tertentu. Saintis di negara-negara bekas Soviet Union akan juga dipertimbangkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN FU AH KIW  
TARIKH : 23 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-
  - (a) Sumbangan spesifik MIMOS dalam ciptaan, memindah atau penggunaan teknologi mikroelektronik sejak ianya ditubuhkan;
  - (b) Penglibatan MIMOS dengan industri tempatan untuk memajukan teknologi mikroelektronik; dan
  - (c) Sama ada MIMOS akan menukar strategi dari pembangunan "Hardware" sekarang kepada pembangunan "Software" dan program sokongan yang mungkin lebih berkenaan dengan keperluan industri tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIMOS ditubuhkan bertujuan menyediakan infrastruktur penting bagi meningkatkan perkembangan industri mikroelektronik dan teknologi maklumat negara. Aktivitinya merangkumi penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta membangunkan kemahiran khusus dalam bidang rekabentuk, sistem komputer, semikonduktor, telekomunikasi dan industri serta pembangunan produk.

Sejak penubuhannya, MIMOS telahpun mengambil langkah aktif membangunkan tenaga kerja mahir dan pakar dalam kedua-dua bidang tersebut dengan tujuan meningkatkan keupayaan watan. Di samping itu, langkah secara berterusan diambil bagi membangunkan infrastruktur asas untuk melaksanakan P & P watan di negara ini. Pembangunan infrastruktur fizikal, rancangan pembangunan teknologi yang bersepadu, sistem pengurusan dan kumpulan pelanggan bagi perkhidmatan P & P di kalangan industri tempatan dan asing telahpun dibina.

Hasil daripada langkah yang diambil, MIMOS telahpun menghasilkan ciptaan berikut:

- (a) Sistem SCADA (Supervisory Control and Data Acquisition System);
- (b) Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer Comil (Computer Integrated Learning System) dan Komputer Peribadi Atom;
- (c) DVCS (Dynamic Voltage Contrast System);
- (d) Sistem POMAS (Palm Oil Mill Management and Control System); dan
- (e) Kad ISDN (Integrated Services Digital Network) untuk PC.

Hasil P&P yang dinyatakan di atas adalah sebagai contoh penciptaan yang telah dihasilkan oleh MIMOS. Terdapat banyak lagi ciptaan yang telah dan sedang dibangunkan.

Bagi menggalakkan pemindahan dan penggunaan mikroelektronik dan teknologi maklumat, MIMOS telahpun membangun dan menyediakan kemudahan berikut:

- (a) Rangkaian JARING (Joint Advanced Research Integrated Networking);
- (b) Pusat Pembangunan perisian SPARCware Catalyst Centre;
- (c) Makmal Pilot Manufacturing MIMOS-UTM; dan
- (d) Pusat Teknologi Semikonduktor.

Beberapa makmal khas telahpun dibangunkan dalam bidang IC Reliability Analysis, automatan industri, pembuatan, telekomunikasi dan pendidikan. Pelbagai program dan projek P&P telah dan sedang giat dijalankan. Ini meliputi Program Sistem Terbuka, Program Komputer Dalam Pendidikan dan Program Mesin Pintar dan Automasi Industri. Kemudahan-kemudahan yang disediakan bukan sahaja menggiatkan pemindahan dan penggunaan mikroelektrik dan teknologi maklumat malah yang lebih penting telah berjaya menggiatkan pertumbuhan industri.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (b), MIMOS mengamalkan dasar perkongsian (partnership) dalam memajukan mikroelektronik dan teknologi maklumat. Di samping itu, beberapa langkah interaksi dengan industri telahpun diambil bagi mewujudkan hubungan dua hala yang berterusan. Antara langkah tersebut termasuklah kerjasama dan persefahaman dalam P&P, majlis dialog dan perbincangan, siri lawatan ke industri, kerjasama dalam pameran persidangan, seminar persidangan, seminar, kursus dan latihan.

Hasil daripada langkah-langkah yang diambil, beberapa kejayaan telahpun dicapai. Ini terbukti di mana:

- (a) Sebanyak 27 Memorandum Persefahaman (MOU) telahpun ditandatangani iaitu, 11 bersama syarikat watan dan 9 lagi bersama syarikat antarabangsa. Manakala selebihnya dengan institusi pengajian tinggi. Bidang kerjasama ini meliputi pembangunan perkakasan dan perisian, automasi, integrasi sistem dan sistem kawalan. Hasil daripada kerjasama ini beberapa produk dan teknologi watan telahpun dihasilkan sepertimana yang dinyatakan dalam jawapan (a).
- (b) Hubungan dua hala dan rantaian secara langsung dengan gabungan usahawan tempatan dan antarabangsa telahpun berjaya diwujudkan. Ini meliputi gabungan usahawanan seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Persatuan Pengilang Bumiputera Malaysia (PPBM), Malaysian Industry Government Group for High Technology (MIGHT) dan Malaysian American Electronic Industry (MAEI).
- (c) Beberapa platform bagi mengukuhkan penglibatan industri dalam memajukan mikroelektronik dan teknologi maklumat tempatan dan di peringkat antarabangsa sedang giat dibina. Ini melibatkan sokongan ke atas skim galakan pembangunan perisian, program pembangunan standard teknologi maklumat, program pembangunan rangkaian negara-negara OIC dan program kerjasama dan bantuan negara membangun.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (c), MIMOS tidak pernah menekankan pembangunan "Hardware" semata-mata sebagai strategi bagi memenuhi keperluan industri. Adalah menjadi amalan MIMOS menggabungkan pembangunan "Hardware" dan "Software" dalam memajukan mikroelektronik dan teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan industri. Dalam pembangunan dan pasaran produk berasaskan mikroelektronik yang dinamis masa ini, integrasi "Hardware" dan "Software" yang inovatif amat diperlukan. Sehubungan itu, persoalan untuk menukar strategi dari pembangunan "Hardware" kepada pembangunan "Software" tidak timbul.

MIMOS sentiasa peka terhadap keperluan industri. Beberapa program sokongan telah disediakan. Ini termasuklah:

- (a) P&P kontrak dengan menawarkan pelbagai kepakaran teknologi industri;
- (b) Perkhidmatan maklumat dengan menawarkan suatu spektrum maklumat mengenai mikroelektronik dan teknologi maklumat untuk rujukan kepada para pengguna teknologi dan pihak industri;
- (c) Perkhidmatan rundingan dan latihan dengan tujuan berkongsi kepakaran dengan industri dan berusaha mengeluarkan sekumpulan profesional yang cekap dan mahir dalam teknologi tinggi; dan

- (d) Khidmat teknikal dalam rekabentuk dan fabrikasi PCB, analisis kegagalan, rekabentuk ASIC dan rangkaian komputer.

MIMOS telahpun memainkan tanggungjawab secara berkesan bagi menyediakan infrastruktur penting bagi meningkatkan perkembangan industri mikroelektronik dan teknologi maklumat di negara ini. Infrastruktur asas dan keupayaan anak watan telahpun dibangunkan. Hasil ciptaan, usaha pemindahan dan penggalakkan penggunaan mikroelektronik dan teknologi maklumat oleh MIMOS, telahpun menempatkan industri dan negara setanding negara-negara lain. Adalah menjadi tanggungjawab sektor awam mahupun swasta dan industri memainkan peranan aktif dalam memaju dan membangunkan mikroelektronik dan teknologi maklumat. Ini selaras dengan aspirasi negara menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN HAJI ZAINAL BIN MD DEROS  
TARIKH : 23 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kedudukan pencemaran dalam negara sebenarnya. Adakah benar kebanyakan sungai-sungai yang banyak di negara ini telah tidak berfungsi sebagai sungai yang sebenarnya. Adakah Kementerian ini bercadang untuk menjadikan sungai-sungai di Malaysia sebagai tempat sumber-sumber tarikan pelancung dan tempat mencari rezeki kepada rakyat yang berdekatan dengan sungai-sungai tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras bahan pencemaran udara yang diukur di persekitaran (ambient air quality) pada umumnya didapati terkawal dan di bawah garispanduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan juga garispanduan yang disyorkan untuk kualiti udara di Malaysia. Paras bahan pencemaran udara di tepi-tepi jalanraya kadangkala melebihi garispanduan-garispanduan yang disyorkan di atas terutama pada waktu-waktu jalanraya menjadi terlalu sesak dan keadaan udara yang stabil.

Dari segi kualiti air laut didapati sebahagian tempat di perairan Malaysia paras bahan pencemaran melebihi interim standard yang disyorkan bagi kandungan jumlah pepejal terampai, minyak dan geris. Kandungan bakteria Escheriahia Coli di adalah masih rendah dan terkawal, kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu terutamanya di negeri Melaka, Johor dan Pulau Pinang.

Pada keseluruhan kandungan logam-logam berat di perairan Malaysia seperti kadmiem, kromium, raksa, plumbum, arsenik dan kuprum adalah didapati juga terkawal, kecuali di tempat-tempat tertentu di negeri Johor didapati paras logam raksa dan arsenik telah melebihi standard yang disyorkan. Manakala di negeri

Sabah, kandungan kadmium, plumbum dan kuprum juga didapati melebihi standard yang disyorkan bagi bahan pencemaran tersebut.

Dari segi pencemaran air sungai, keadaan juga masih terkawal. Dari sejumlah 87 lembangan sungai utama yang diawasi, hanya 7 yang dikategorikan sebagai sangat tercemar iaitu Sg. Ibai, Sg. Jejawi, Sg. Sepang, Sg. Juru, Sg. Buloh, Sg. Klang dan Sg. Air Baloi.

Kenyataan bahawa kebanyakan sungai di negara ini telah tidak berfungsi sebagai sungai yang sebenarnya adalah tidak benar. Sebenarnya sungai-sungai di negara ini masih memainkan peranan yang penting. Walaupun sebahagian sungai dikategorikan sebagai "tercemar", namun bahagian-bahagian tertentu terutama bahagian hulu sungai dan kawasan tadahan masih mempunyai kualiti air yang bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang menjalankan kajian bagi mengkelaskan sungai-sungai di Malaysia mengikut kesesuaian penggunaannya, untuk diterimapakai oleh pihak-pihak yang berkaitan. Pengkelasan sungai dilaksanakan berdasarkan kepada lima kegunaan utama termasuk bagi bekalan air minum awam, perikanan, rekreasi dan pertanian. Setelah kajian ini selesai nanti, Kementerian ini akan mencadangkan konsep pengkelasan sungai ini diterimapakai oleh pihak berkuasa negeri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SHUIB BIN HAJI ENDUT  
TARIKH : 27 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian telah menguatkuasakan undang-undang yang boleh menyebabkan pencemaran walaupun baru-baru ini Jabatan Alam Sekitar telah menurun kuasanya kepada agensi Jabatan yang lain. Dan kalau belum apakah masalah sebenarnya yang berlaku menyebabkan penguatkuasaan akta itu tidak dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya bagi mengawal pencemaran Alam Sekitar sejak tahun 1975 lagi.

Penurunan kuasa kepada agensi-agensi lain yang tertentu boleh dilaksanakan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling selaras dengan Seksyen 49, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sekiranya ada keperluan untuk membantu Kementerian di dalam mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling telah memperwakilkan kuasanya melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin), 1993 bagi mengawal pencemaran marin kepada pegawai-pegawai berikut di bawah:-

- i) Pegawai dan Timbalan Pegawai Pelaburan yang dilantik di bawah Odinan Perkapalan Saudagar 1952;
- ii) Pegawai Pelaburan, juruukur kapal dan inspektor yang dilantik di bawah ordinance perkapalan saudagar (Sarawak) 1960;

- iii) Pegawai Pelaburan yang dilantik di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (Sabah) 1960;
- iv) Pegawai perikanan yang dilantik di bawah Akta Perikanan 1985;
- v) Pegawai yang memerintah suatu vesel Tentera Laut DiRaja Malaysia; dan
- vi) Pegawai Kastam yang memerintah suatu vesel Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meminda undang-undang yang ada bagi mengatasi masalah teknikal supaya lebih banyak kuasa dapat diperwakilkan kepada agensi-agensi yang bersesuaian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : PUAN HAJJAH RAHAIAH BT. BAHERAN  
TARIKH : 27 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Puan Hajjah Rahaiah bt. Baheran** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Perbadanan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk mempopularkan rekaan dan teknologi terkini hasil ciptaan tempatan khususnya dari universiti-universiti tempatan.

**JAWAPAN**

Berkenaan usaha-usaha yang telah diambil oleh MTDC dalam mempopularkan rekaan-rekaan dan teknologi terkini hasil ciptaan tempatan khususnya dari universiti-universiti tempatan, sukacita dimaklumkan bahawa MTDC telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-

- (i) Menganjurkan sesi perbincangan untuk menyatukan pengusaha-pengusaha yang berminat untuk membuat pelaburan dengan penyelidik-penyelidik dari universiti/institusi penyelidikan bagi memberi pendedahan mengenai teknologi baru dan rekaan baru.
- (ii) Mencari rakan kongsi bagi para perekacipta untuk terus menubuhkan syarikat usahasama bagi mempopularkan dan memasarkan hasil ciptaan tempatan. Di samping itu, MTDC juga memberi bantuan pinjaman atau mengambil ekuiti dalam syarikat-syarikat usahasama ini.
- (iii) Mengeluarkan risalah "Malaysian Technology Bulletin" untuk penyebaran maklumat tentang teknologi dan rekaan-rekaan baru.
- (iv) Menyumbang sebanyak RM25,000 kepada Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS) untuk menggalakkan pertumbuhan rekacipta dan rekabentuk dan seterusnya mempamerkan rekaan dan teknologi baru serta penyebaran maklumat tentangnya.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

- (i) Selain dari usaha-usaha MTDC, Kementerian bersama Persatuan MINDS menganjurkan Pameran Rekacipta Kebangsaan (MINDEX) setiap tahun di mana rekacipta-rekacipta terbaru yang dihasilkan oleh perekacipta tempatan dipamerkan. Disamping itu, Kementerian juga menganjurkan Pameran Hasil Penyelidikan (PHP) di mana hasil-hasil penyelidikan oleh para saintis dan penyelidik dari sektor awam dan swasta dipamerkan. Bagi tahun 1993, PHP ini telah dikendalikan oleh SIRIM di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya dari 3-7 November 1993.
- (ii) Di samping itu, Kementerian ini telah membantu dalam penubuhan Yayasan Rekacipta Malaysia dengan geran pelancaran sebanyak RM500,000.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN SRI SARASA PASAMARICHAN  
TARIKH : 30 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Sri Sarasa Pasamarichan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Alam Sekitar menyatakan bilangan sungai-sungai dalam negara ini yang dianggap 'mati' dari aspek pencemaran air dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah pencemaran ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa terdapat sungai-sungai di negara ini telah 'mati' adalah tidak benar. Berdasarkan pengawasan kualiti air sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dari 87 lembangan sungai utama yang diawasi, hanya 7 lembangan sungai yang dikategorikan sebagai sangat tercemar (Sg. Ibai, Sg. Jenjawi, Sg. Sepang, Sg. Juru, Sg. Buloh, Sg. Klang dan Sg. Air Baloi). Walaupun demikian, sungai-sungai ini tidaklah tercemar keseluruhannya di mana bahagian-bahagian tertentu terutama di bahagian hulu sungai dan kawasan tadahan masih lagi bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.

Bagi mengatasi masalah pencemaran air sungai, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar adalah:-

- i) Menjalankan rangkaian Program Pengawasan Kualiti Air Sungai Kebangsaan secara berkekalan/berterusan dan menambah stesen-stesen baru berdasarkan punca-punca pencemaran;
- ii) Menkuatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti:-
  - a) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1974

- b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978;
  - c) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979; dan
  - d) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987.
- iii) Penilaian semula Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dengan membuat pindaan-pindaan tertentu supaya lebih berkesan;
  - iv) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti memberi nasihat/sokongan supaya undang-undang di bawah kuasa mereka dapat dikuatkuasakan dengan lancar. Antara undang-undang tersebut ialah Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Kod Tanah Negara 1965, Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Bangunan Pengairan dan Jalan 1974, Enakmen-enakmen negeri terutama bagi mengawal buangan najis khinzir dan sebagainya;
  - v) Menasihatkan Penguasa-Penguasa Tempatan mempraktikkan Garispanduan Hakisan Tanah dari kelodakan bagi mengurangkan kelodakan;
  - vi) Menetapkan piawai kualiti air sungai untuk menjadi panduan dan diikuti oleh agensi-agensi kerajaan yang lain;
  - vii) Membuat pengkelasan sungai-sungai di Malaysia berdasarkan pelbagai kegunaan seperti pemuliharaan alam semulajadi, bekalan air minuman, perikanan, rekreasi, pengairan dan seumpamanya supaya pengurusan kualiti air sungai-sungai dapat dijalankan lebih berkesan;
  - x) Berkerjasama dengan pihak kerajaan tempatan untuk menswastakan sistem pembentongan; dan
  - xi) Mengesyorkan agar Kerajaan Negeri menjalankan Program Pembersihan sungai-sungai seperti yang dijalankan terhadap Sungai Kelang dan menjalankan kempen 'Cintailah Sungai Malaysia'.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. TUAN SYED ABDUL HAMID SAGAFF  
TARIKH : 30 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Tuan Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh mana pencemaran sungai-sungai di negara ini dan apakah cara-cara untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan secara serentak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran sungai-sungai di negara ini adalah dalam keadaan yang terkawal dan kenyataan bahawa terdapat sungai-sungai di negara ini telah 'mati' adalah tidak benar. Berdasarkan pengawasan kualiti air sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap 87 lembangan sungai utama yang diawasi, hanya 7 lembangan sungai yang dikategorikan sebagai sangat tercemar (Sg. Ibai, Sg. Jejawi, Sg. Sepang, Sg. Juru, Sg. Buloh, Sg. Klang dan Sg. Air Baloi). Walaupun demikian, sungai-sungai ini tidaklah tercemar keseluruhannya di mana bahagian-bahagian tertentu terutama di bahagian hulu sungai dan kawasan tadahan masih lagi bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman. Bagi mengatasi masalah pencemaran air sungai, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar adalah:-

- i) Membentuk rangkaian pengawasan kualiti air sungai kebangsaan secara berterusan dan menambah stesen-stesen baru selaras dengan kewujudan punca-punca pencemaran yang baru;
- ii) Menkuatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti:-
  - a) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977

- b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978;
  - c) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979; dan
  - d) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987.
- iii) Kajian semula Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dengan membuat pindaan-pindaan tertentu supaya perlaksanaannya akan lebih berkesan;
  - iv) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti memberi nasihat dan sokongan supaya penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa mereka dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
  - v) Menasihatkan pengusaha-pengusaha tempatan supaya menerimapakai Garispaduan Hakisan tanah dan Kelodakan bagi mengurangkan kelodakan sungai;
  - vi) Menetapkan piawai kualiti air sungai sebagai panduan dalam perancangan gunatanah oleh agensi-agensi kerajaan Pusat dan Negeri;
  - vii) Mengkelaskan sungai-sungai berdasarkan aspek kegunaan seperti pemuliharaan alam semulajadi, bekalan air minuman, perikanan, rekreasi, pengairan dan seumpamanya supaya pengurusan kualiti air sungai-sungai dapat dijalankan lebih berkesan;
  - x) Membantu pihak kerajaan tempatan dalam Projek Penswastan sistem pembentongan; dan
  - ix) Mengesyorkan kepada kerajaan negeri supaya melaksanakan program pembersihan sungai-sungai dan menjalankan kempen 'Cintailah Sungai Malaysia'.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. PUAN SRI SARASA PASAMARICHAN  
TARIKH : 30 DISEMBER 1993

**SOALAN**

1. **Y.B. Puan Sri Sarasa Pasamarichan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan sungai-sungai dalam negara ini yang dianggap 'mati' dari aspek pencemaran air dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah pencemaran ini.

**JAWAPAN**

Sila lihat jawapan soalan 26/93 pada 30 Disember 1993.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL  
TARIKH : 30 DISEMBER 993

**SOALAN**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa tahap kepekatan beberapa jenis gas beracun daripada kenderaan di beberapa batang jalan raya di ibu kota kini berada di peringkat yang amat serius dan membahayakan kesihatan manusia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar bahawa tahap kepekatan beberapa jenis gas daripada kenderaan bermotor di beberapa batang jalan raya di ibu kota kadangkala melebihi had yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Walau bagaimanapun keadaan pada keseluruhannya adalah masih terkawal dan langkah-langkah kawalan diteruskan bagi mengawasi keadaan kualiti udara supaya sentiasa berada di tahap yang tidak membahayakan orang ramai.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : MULUT  
DARIPADA : Y.B. ENCIK CHONG CHEE SEONG @ CHONG FAH  
TARIKH :

**SOALAN**

1. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi pencemaran Alam Sekitar disebabkan pertumbuhan projek perumahan dan kawasan perindustrian yang mencemari sungai-sungai di sekelilingnya (Seremban).

**JAWAPAN**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka/Negeri Sembilan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mempunyai program penguatkuasaan yang rutin (routine) bagi menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 ke atas kemudahan-kemudahan (Facilities) yang sediaada seperti projek perumahan yang melepaskan kumbahan dan industri-industri yang melepaskan effluen-effluen perindustrian di Negeri Sembilan.

Pemeriksaan penguatkuasaan dilakukan ke atas kemudahan-kemudahan tersebut bagi memastikan pematuhan kepada peraturan dan memastikan kemudahan-kemudahan mempunyai sistem pengolahan kumbahan/effluen yang dikendalikan dengan cekap dan berkesan serta dapat mematuhi standard pelepasan ke alurair sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam peraturan tersebut.

Bagi kemudahan-kemudahan baru pula, pembinaannya perlulah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka/Negeri Sembilan di peringkat perancangan lagi supaya penentuan mengenai kesesuaian penempatan kemudahan-kemudahan tersebut dari aspek alam sekitar serta kelulusan mengenai pembinaan kelengkapan sistem pengolahan effluen/kumbahan yang cekap dan berkesan dapat dilaksanakan.

Di samping aktiviti penguatkuasaan dan kelulusan perancangan projek seperti yang dinyatakan di atas, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka/Negeri Sembilan melaksanakan juga program pengawasan kualiti air di sungai-sungai yang terdapat di Negeri Sembilan. Aktiviti pengawasan ini dilaksanakan bagi tujuan mengawasi kualiti air dari kesan pencemaran dan melindungi kegunaan-kegunaan berfaedah yang terdapat pada sungai-sungai tersebut seperti kegunaan bekalan air minuman dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi dari aktiviti ini juga dapat membantu di dalam kerja-kerja penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemar yang berkaitan dengan lebih sistematik dan berkesan.

**INDEKS  
MENGIKUT PERKARA**



**A**

**Aduan** : 3/85 *m/s 108*

**Akta** : 1/79, 8/80, 11/80, 11/93  
*m/s 27, 39, 42, 278*

**Asap** : 2/78, 8/80, 9/80, 3/81, 4/81, 5/81, 2/82,  
3/82, 4/82, 1/83, 7/83, 1/85, 2/85, 2/86,  
4/86, 1/88, 3/88, 1/89, 8/90  
*m/s 18, 39, 40, 49, 50, 51, 63, 65, 66, 71,  
78, 105, 106, 121, 123, 137, 140, 151, 180*

**Azan** : 6/83 *m/s 77*

**B**

**Badan Pencipta Sains** : 7/88 *m/s 145*

**Bahan Kimia** : 2/82, 3/82, 2/84, 2/87, 4/88,  
3/89, 7/90  
*m/s 63, 65, 90, 131, 141*

**Baja ikan** : 4/81 *m/s 50*

**Banjir** : 3/86, 1/91, 14/92  
*m/s 122, 191, 234*

**Batu Caves** : 1/77, 2/77, 6/77, 3/78, 5/78,  
5/80, 6/80, 12/80  
*m/s 3, 6, 13, 19, 22, 36, 37, 44*

**Batu Maung** : 1/86 *m/s 119*

**Bau** : 4/81, 6/81, 9/81, 4/82, 1/83, 3/83,  
11/83, 12/83, 1/84, 9/84, 5/86, 5/89, 9/89  
*m/s 50, 52, 56, 66, 71, 74, 84, 85, 89,  
101, 124, 161, 166*

**Bukit Nanas** : 3/92, 1/93, 5/93  
*m/s 220, 261, 268*

**Bunyi Bising** : 5/77, 2/80, 3/80, 5/83,  
6/83, 4/85, 4/87  
*m/s 11, 32, 33, 76, 77, 109, 133*

**C**

**CFC** : 5/88, 25/92 *m/s 142, 252*

**Concorde** : 2/80, 3/80, 1/81 *m/s 32, 33, 47*

**Cuaca** : 5/88, 10/89 *m/s 142, 167,*

**2, 4 - D** : 4/91 *m/s 197*

**D**

**Daerah Bentong** : 7/89 *m/s 163*

**Debu** : 5/80, 6/80, 6/85  
*m/s 36, 37, 112*

**Deklarasi Langkawi** : 8/89, 4/90, 9/90  
*m/s 164, 175, 182*

**Denda** : 8/80, 2/83, 2/86, 6/93  
*m/s 39, 73, 121, 269*

**Diesel** : 1/88, 19/93 *m/s 137, 289*

**E**

**Endau/Rompin** : 3/77, 1/80 *m/s 7, 31*

**Exxon** : 6/91 *m/s 201*

**G**

**Gas Ammonia** : 2/89, 4/89 *m/s 153, 160*

**Gas Beracun** : 28/93 *m/s 307*

**Gas Sulfur Dioksida** : 23/92 *m/s 250*

**H**

**Habuk** : 1/83, 10/83 *m/s 71, 83*

**Habuk Kayu** : 12/91 *m/s 212*

**Had** : 18/93, 22/93 *m/s* 287, 296

**Hakisan** : 11/90, 14/92 *m/s* 188, 234

**Hidupan Liar** : 15/93 *m/s* 283

**Hutan** : 10/89, 9/90, 4/92  
*m/s* 167, 182, 222

**Hutan Bakau** : 10/89, 9/92, 14/92  
*m/s* 167, 228, 234

## I

**Incinerator** : 1/87 *m/s* 129

**Industri** : 1/79, 11/80, 3/81, 10/81, 1/82, 2/82,  
4/82, 7/83, 3/85, 5/86,  
*m/s* 27, 42, 49, 57, 61, 63, 66, 78, 108,  
124

## J

**Jerebu** : 2/91, 3/91, 7/91, 8/91, 9/91, 13/91,  
14/91  
*m/s* 193, 195, 205, 207, 208, 213, 214

## K

**Kaca** : 5/90 *m/s* 177

**Kajian** : 11/83, 6/84 *m/s* 84, 96

**Kawalan** : 3/83, 4/88 *m/s* 74, 141

**Kempen sungai** : 16/93 *m/s* 285

**Kenderaan** : 2/78, 8/80, 9/80, 10/80, 1/85,  
2/85, 2/86, 4/86, 1/88, 3/88, 1/89, 8/90,  
2/91, 19/93  
*m/s* 18, 39, 40, 41, 105, 106, 121, 123,  
137, 140, 151, 180, 193, 289

**Kerjasama** : 6/92 *m/s* 224

**Kesedaran** : 6/78, 9/90, 17/92  
*m/s* 23, 182, 239

**Kesihatan** : 2/77, 2/78, 3/86, 5/86, 1/87, 3/87,  
1/88, 28/93  
*m/s* 6, 18, 122, 124, 129, 132, 137, 307

**Kilang Baja Ikan** : 4/81 *m/s* 50

**Kilang Getah** : 1/78, 4/78, 6/81, 11/83, 12/83,  
2/88, 1/90, 10/90  
*m/s* 17, 20, 52, 84, 85, 138, 171, 185

**Kilang Kapor** : 3/81, 5/81 *m/s* 49, 51

**Kilang Kelapa Sawit** : 1/78, 4/78, 10/83,  
12/83 *m/s* 17, 20, 83, 85

**Kilang Padi** : 1/92 *m/s* 217

**Kilang Papan** : 1/90 *m/s* 171

**Kilang Sagu** : 9/81 *m/s* 56

**Kitar Semula** : 11/91 *m/s* 211

**Kompaun** : 2/86 *m/s* 121

**Kuala Juru** : 4/88 *m/s* 141

**Kuari** : 1/77, 2/77, 6/77, 3/78, 5/78, 5/80,  
6/80, 12/80  
*m/s* 3, 6, 13, 19, 22, 36, 37, 44

## L

**Lapisan Ozon** : 5/88, 2/90, 6/90, 25/92  
*m/s* 142, 172, 178, 252

**Latihan** : 8/93 *m/s* 273

**Lebuh Raya** : 4/77 *m/s* 10

**Lesen** : 1/78, 5/80, 6/80 *m/s* 17, 36, 37

**LPG** : 1/85, 13/92 *m/s* 105, 233

**Lumpur** : 1/86 *m/s* 119

**M**

**MIMOS** : 21/93 *m/s* 292

**N**

**Nagasaki Spirit** : 16/92, 17/92, 18/92, 19/92, 20/92, 24/92, 26/92, 27/92, 28/92, 29/92  
*m/s* 238, 239, 243, 244, 245, 251, 254, 255, 256, 257

**NGOs** : 9/93 *m/s* 274

**Najis** : 1/82 *m/s* 61

**O**

**Ozon** : 5/88, 2/90, 6/90, 25/92  
*m/s* 142, 172, 178, 252

**P**

**Padang Golf** : 10/93, 12/93, 13/93  
*m/s* 276, 279, 281

**Padang Rengas** : 6/85 *m/s* 112

**Pampasan** : 4/82 *m/s* 66

**Papan** : 4/84, 5/84, 6/84, 7/84  
*m/s* 92, 95, 96, 97

**Pejabat Wilayah** : 7/80, 9/83, 11/92, 17/92  
*m/s* 38, 82, 230, 239

**Pelancongan** : 3/90 *m/s* 174

**Pelupusan** : 1/87, 3/87 *m/s* 129, 132

**Pembakaran** : 1/87, 2/91 *m/s* 129, 193

**Pembalakan** : 3/77, 10/89, 10/91  
*m/s* 7, 167, 210

**Pencemaran Alam** : 2/77, 5/77, 6/77, 3/78, 6/78, 10/81, 7/83, 9/83, 5/85, 7/85, 3/89, 7/89, 4/90, 9/90, 1/91, 4/92, 6/92, 7/92, 22/93,  
*m/s* 6, 11, 13, 19, 23, 57, 78, 82, 110, 113,

157, 163, 175, 182, 191, 222, 224, 226, 296

**Pencemaran Air** : 4/77, 1/78, 4/78, 8/81, 9/81, 10/81, 1/82, 5/83, 8/83, 3/85, 2/87, 4/87, 2/88, 4/88, 10/89, 7/90, 5/91, 2/92, 7/92, 8/92, 18/92, 3/93, 4/93, 22/93, 25/93, 26/93, 27/93, 29/93  
*m/s* 10, 17, 20, 54, 56, 57, 61, 76, 79, 108, 131, 133, 138, 141, 167, 179, 200, 218, 226, 227, 243, 264, 266, 296, 302, 304, 306, 308

**Pencemaran Bau** : 4/81, 6/81, 9/81, 4/82, 1/83, 3/83, 11/83, 12/83, 1/84, 9/84, 5/86, 2/88, 5/89, 9/89  
*m/s* 50, 52, 56, 66, 71, 74, 84, 85, 89, 101, 124, 138, 161, 166

**Pencemaran Bunyi** : 5/77, 2/80, 3/80, 5/83, 6/83, 4/85, 4/87, 7/92  
*m/s* 11, 32, 33, 76, 77, 109, 133, 226

**Pencemaran Pantai/Laut** : 2/81, 7/81, 8/84, 6/91, 16/92, 20/92, 22/92, 4/93  
*m/s* 48, 53, 98, 201, 238, 245, 247, 266

**Pencemaran Udara** : 6/77, 1/78, 2/78, 4/78, 6/78, 1/79, 4/80, 5/80, 6/80, 8/80, 9/80, 10/80, 11/80, 12/80, 1/81, 3/81, 5/81, 2/82, 3/82, 4/82, 1/83, 5/83, 7/83, 10/83, 2/84, 3/84, 8/84, 1/85, 2/85, 3/85, 6/85, 2/86, 3/86, 4/86, 5/86, 4/87, 1/88, 2/88, 3/88, 8/88, 1/89, 1/90, 8/90, 2/91, 3/91, 7/91, 8/91, 9/91, 13/91, 14/91, 1/92, 2/92, 7/92, 8/92, 13/92, 19/92, 14/93, 18/93, 19/93  
*m/s* 13, 17, 18, 20, 28, 27, 34, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 44, 47, 49, 51, 63, 65, 66, 71, 76, 78, 83, 90, 91, 98, 105, 106, 108, 112, 121, 122, 123, 124, 133, 137, 138, 140, 146, 151, 171, 180, 193, 195, 205, 207, 208, 213, 214, 217, 218, 226, 227, 233, 244, 282, 287, 289

**Pendidikan** : 6/78 *m/s* 23

**Pengangkutan** : 5/89, 9/89 *m/s* 161, 166

**Penguatkuasaan** : 4/78, 1/79, 4/80, 10/80, 11/80, 4/83, 2/85, 3/85, 5/85, 6/85, 7/85, 4/86, 7/90, 11/92, 23/93  
*m/s* 20, 27, 34, 41, 42, 75, 106, 108, 110,

112, 113, 123, 179, 230, 298

**Penyelidikan** : 2/78, 8/85, 12/91, 24/93  
*m/s 18, 115, 212, 300*

**Perbadanan Teknologi Malaysia** :  
*24/93 m/s 300*

**Perindustrian** : 29/93 *m/s 308*

**Perindustrian Nilai** : 14/93 *m/s 282*

**Pertanian** : 3/90 *m/s 174*

**Perumahan** : 29/93 *m/s 308*

**Perundangan** : 1/79, 2/83, 4/83, 5/83, 1/84,  
3/85, 7/85, 4/86, 7/90, 5/92, 6/93, 11/93,  
23/93  
*m/s 27, 73, 75, 76, 89, 108, 113, 123, 179,  
223, 269, 278, 298*

**Petaling Jaya** : 8/88 *m/s 146*

**Piawaiian** : 18/93, 28/93, *m/s 287, 307*

**Pindaan** : 6/93, 11/93 *m/s 269, 278*

**Plastik** : 5/90 *m/s 177*

**Plumbum** : 3/82 *m/s 65*

**Projek Bersih dan Segar** : 2/88 *m/s 138*

**Pulau Redang** : 9/92 *m/s 228*

## R

**Radioaktif** : 4/84, 5/84, 6/84, 7/84  
*m/s 92, 95, 96, 97*

**Raksa** : 3/82 *m/s 65*

**Red Tide** : 7/81 *m/s 53*

**Remote Sensing** : 10/91 *m/s 210*

**Resort** : 9/93 *m/s 274*

## S

**Saintis** : 7/88, 17/93, 20/93, 24/93  
*m/s 145, 286, 291, 300*

**Sampah Sarap** : 4/78, 1/82, 1/87, 2/87, 3/87,  
5/90, 11/91  
*m/s 20, 61, 129, 131, 132, 177, 211*

**Seberang Prai** : 8/81 *m/s 54*

**Sekam Padi** : 12/91, 1/92 *m/s 212, 217*

**Selat Melaka** : 2/81, 6/91 *m/s 48, 201*

**Sidang Rio** : 12/92, 15/92 *m/s 231, 236*

**Sisa Beracun** : 6/89 *m/s 162*

**Sisa Industri** : 1/82, 6/89, 10/92  
*m/s 61, 162, 229*

**Sisa Radioaktif** : 4/84, 5/84, 6/84  
*m/s 92, 95, 96*

**Sisa Toksik** : 6/88, 3/92, 1/93, 2/93, 3/93,  
5/93 *m/s 144, 220, 261, 262, 264, 268*

**Smog** : 3/91 *m/s 195*

**Standard** : 18/93, 22/93 *m/s 287, 296*

**Sungai Gombak** : 2/87 *m/s 131*

**Sungai Sepang** : 18/92 *m/s 243*

## T

**Tabung Amanah** : 6/90 *m/s 178*

**Taman Negara** : 3/77, 1/80 *m/s 7, 31*

**Taman Teknologi** : 7/93 *m/s 270*

**Teknologi** : 8/85, 11/91, 12/91, 20/93, 21/93,  
24/93 *m/s 115, 211, 212, 291, 292, 300*

**Teluk Panglima Garang** : 10/83 *m/s* 83


**Ternakan Ayam/Itek** : 5/91 *m/s* 200

**Ternakan Khinzir** : 3/83, 9/84, 1/86  
*m/s* 74, 101, 119

**Terumbu Karang** : 9/92 *m/s* 228

**Tumpahan Minyak** : 2/81, 6/91, 16/92, 17/92,  
18/92, 19/92, 20/92, 22/92, 8/93  
*m/s* 48, 201, 238, 239, 243, 244, 245, 247,  
273

**INDEKS  
MENGIKUT NAMA AHLI**



**A**

**Abu Bakar b Lajim** : 3/85, 4/87  
*m/s 108, 133*

**Abdul Ghani b Othman** : 5/85 *m/s 110*

**Abdul Latip b Hj Idris** : 9/81 *m/s 56*

**Abdul Majid b Hj Abdullah** : 5/91 *m/s 200*

**Abdul Rashid b Ismail** : 7/90, 10/91, 9/92,  
23/92, 6/93, 9/93, 10/93, 11/93, 13/93,  
28/93  
*m/s 179, 210, 228, 250, 269, 274, 276,  
278, 281, 307*

**Abdul Razak b Hj Abu Samah** : 6/81, 10/81,  
1/82, 4/82, 2/83, 12/83, 3/84  
*m/s 52, 57, 61, 66, 73, 85, 91*

**Abdul Wahab b Abu Bakar** : 7/84 *m/s 97*

**Ahmad b Arshad** : 4/77, 9/80 *m/s 10, 40*

**Ahmad b Hj Abdullah** : 2/92, 22/92  
*m/s 218, 247*

**Ahmad Urai b Datu Hakim Hj Mohideen** :  
2/84 *m/s 90*

**Ainon bt Ariffin** : 3/86, 2/89 *m/s 122, 153*

**Azumu b. Tak** : 17/92 *m/s 239*

**C**

**Che Pora bt Hj Omar** : 9/91, 15/93  
*m/s 208, 283*

**Chin Kim Yoong** : 2/82 *m/s 63*

**Chong Chee Seong @ Chong Fah** :  
29/93 *m/s 308*

**Chong Chi Siong** : 9/90, 3/92, 12/92  
*m/s 182, 220, 231*

**Choo Kooi Fook** : 2/80, 11/80, 12/80  
*m/s 32, 42, 44*

**D**

**Dahalan b Hj Embun** : 5/89, 9/89, 5/92,  
6/92, 7/92  
*m/s 161, 166, 223, 224, 226*

**David Yeoh Eng Hock** : 2/91, 4/91  
*m/s 193, 197*

**Dol b Dollah** : 10/90 *m/s 185*

**D.P. Vijandran** : 6/84 *m/s 96*

**F**

**Fadzil b Mahmood** : 5/83, 8/83 *m/s 76, 79*

**Fong Kui Lun** : 14/92 *m/s 234*

**Fu Ah Kiow** : 7/93, 21/93 *m/s 270, 292*

**G**

**Ghazali b Hj Embong** : 1/93 *m/s 261*

**H**

**Habidah bt Yusof @ Yusof** : 7/88, 10/89  
*m/s 145, 167*

**Hassan b Harun** : 3/90 *m/s 174*

**Hassan b Nam** : 2/86 *m/s 121*

**I**

**Ibrahim b Abdullah** : 5/81, 7/83  
*m/s 51, 78*

**Ibrahim b Hj Ujang** : 5/86 *m/s 124*

**Ibrahim b Hj Yaacob** : 1/77 *m/s 3*

**Ishak b Abdul Rahman** : 8/81, 1/86  
*m/s 54, 119*

**Isli b Hj Siput** : 21/92 *m/s 246*

**J**

**Jaafar Haron** : 11/83 *m/s 84*

**Jamaluddin b Hj Ahmad** : 5/93 *m/s 268*

**Janaki Athi Nahappan** : 4/83, 9/83, 7/85  
*m/s 75, 82, 113*

**K**

**Kamaruzaman b Ahmad** : 8/85 *m/s 115*

**K. Kumaran** : 5/84 *m/s 95*

**K. Muniasamy** : 8/91 *m/s 207*

**K.S Nijhar** : 3/87, 3/88 *m/s 132-140*

**K. Vijayanathan** : 6/91, 20/92 *m/s 201, 245*

**L**

**Lau Keng Siong** : 1/88 *m/s 137*

**Law Jack Yoon** : 1/90, 4/90, 5/90, 3/91, 7/91  
4/92 *m/s 171, 175, 177, 195, 205, 222*

**M**

**Mahmoud Salim Hj Mohamad** : 2/78, 4/81  
*m/s 48, 50*

**Mazidah bt Hj Zakaria** : 8/89 *m/s 164*

**Michael Bong Thian Joon** : 12/93 *m/s 279*

**M. Mahalingam** : 5/77, 4/78, 5/78, 6/78, 5/80,  
2/81 *m/s 11, 20, 22, 23, 36*

**Mohd Din b Jaafar** : 1/81, 7/81, 8/84  
*m/s 47, 53, 98*

**Mohd Noor b Bedah** : 3/89 *m/s 157*

**Mohd Nor b Mohamad** : 3/82 *m/s 65*

**Mohd Yussof b Kassim** : 1/85 *m/s 105*

**Mustaffa b Awang** : 12/91, 11/92  
*m/s 212, 230*

**N**

**Nen Abidah bt Hj Abdullah** : 6/85 *m/s 112*

**Neo Tuan Cheng** : 8/92 *m/s 227*

**Ng Khok Kiung** : 8/88 *m/s 146*

**Ng Peng Hay** : 2/88 *m/s 138*

**Nong Chik b Raja Ishak** : 3/80, 6/80  
*m/s 33, 37*

**Noraini bt Hj Beluah** : 7/89 *m/s 163*

**P**

**Pandikar Amin Hj Mulia** : 5/88 *m/s 142*

**Paramjit Singh** : 4/84 *m/s 92*

**R**

**Rahaiah bt Baherah** : 3/93, 24/93  
*m/s 264, 300*

**Rahmah bt Othman** : 1/79, 8/80, 10/80  
*m/s 27, 39, 41*

**Rajoo a/l Desari @ Govindasamy** :  
1/87, 2/87, 6/90 *m/s 129, 131, 178*

**Rogayah bt Ariff** : 3/81, *m/s 49*

**Rosalind Yau Shuk Meng** : 10/92, 13/92  
*m/s 229, 233*

**Rosnah bt Hj Mohd Salleh** : 1/89, 1/91,  
11/91, 13/91, 16/92  
*m/s 151, 191, 211, 213, 238*

**S**

Salleh @ Hassan b Ali : 20/93 *m/s 291*

Shahrom b Hj Maasom : 1/83, 3/83, 6/83,  
10/83, 1/84, 9/84  
*m/s 71, 74, 77, 83, 89, 101*

Shahiruddin b Abdul Moin : 17/93 *m/s 286*

Shuib b Endut : 4/93, 8/93, 23/93  
*m/s 266, 273, 298*

Shuaib b Lazim : 2/85, 4/86 *m/s 106, 123*

Soong Siew Hoong : 18/93, 19/93  
*m/s 287, 289*

Sri Sarasa Pasamaniakam : 2/93, 25/93  
*m/s 262, 302*

Syed Abdul Hamid Sagaff : 26/93 *m/s 304*

**T**

Tan Chong Keng : 4/88, 2/90 *m/s 141, 172*

**V**

Valli Muthusamy : 4/89, 6/89 *m/s 160, 162*

V.K Sellapan : 6/88, 11/90, 14/91, 18/92,  
14/93 *m/s 144, 188, 214, 243, 282*

V. Ponnusamy Pillai : 2/77, 6/77 *m/s 6, 13*

V.V. Aboo : 4/80 *m/s 34*

V. Vellayappan : 3/78 *m/s 19*

**W**

Wan Hanafiah b Wan Mat Saman :  
1/92 *m/s 217*

Wan Intan : 16/93 *m/s 285*

Wee Khoon Hock : 3/77, 1/80, 7/80  
*m/s 7, 31, 38*

Wong Sing Nang : 15/92 *m/s 236*

**Z**

Zainal b Mat Deros : 22/93 *m/s 296*

Zakaria b Hj Yahaya : 4/85, 8/90  
*m/s 109, 180*

Zawiah bt Abdullah : 1/78 *m/s 17*

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak Parlimen Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta individu-individu yang telah memberi sumbangan terhadap penyediaan buku ini:

Encik Patrick Tan Hock Chuan  
Puan Zubaidah bt. Abdullah  
Puan Roshadah bt. Hashim  
Cik Muhibbah bt. Selamat  
Puan Siti Rahmah bt. Yaakops  
Puan Roslina bt. Abd. Rahim

